



RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 3

JAWATANKUASA PENINGKATAN MUTU

Abdul Rasid bin Jamian
Norliza binti Abu Bakar
Noraini binti Jamaluddin
Zuraimah binti Mohamad
Zikri Ihsan bin Mohamad Zabhi

PENULIS

Zanariah binti Abdol
Amir Hazlin bin Lin
Alias bin Derais@ldris
Azahar bin Bahari

EDITOR

Hazimah binti Yusof
Norma binti Sanid

PEREKA BENTUK

Rohaizah binti Hamzah
Roszaini binti Md. Yussof

ILUSTRATOR

Irni Norfarhana binti Md Nor



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2018



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0064

KK 499-221-0102011-49-2079-20101
ISBN 978-983-49-2079-1

Cetakan Pertama 2018
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini, tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (lapan talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Aliran KH Enterprise

Muka Taip Teks: Utopia
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:
Aslita Sdn. Bhd.,
Lot 20, Jalan 4/10B,
Springcrest Industrial Park,
Batu Caves,
68100 Kuala Lumpur.



Penghargaan

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Pakar Rujuk Bahasa, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Haji Abdul Karim
- Bank Negara Malaysia
- Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya
- Jabatan Taman Laut Malaysia, Putrajaya
- Warisan Sari Tok Jembal, Terengganu
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Buffalo Park Langkawi
- Sekolah Menengah Kebangsaan Mudzaffar Shah, Perak
- Sekolah Menengah Kebangsaan Alang Iskandar, Perak
- Sekolah Menengah Kebangsaan Lembah Subang, Selangor
- Kementerian Pelancongan, Kebudayaan, dan Alam Sekitar Sabah
- Jabatan Kemajuan Orang Asli
- Institut Integriti Malaysia
- Jabatan Insolvency Malaysia
- Majlis Sukan Negara
- Victoria Institution, Kuala Lumpur
- Persatuan Sepak Takraw Malaysia
- Arkib Negara Malaysia
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku teks ini.

KANDUNGAN

Pendahuluan	vii
Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21	xi
Teknik Bacaan	xiv

TEMA 1

SULUH MASA DEPAN	1
Selamat Kembali ke Sekolah!	2
Berkreativiti di Alam Simfoni	4
Ke Manakah Kita?	6
Alam Terbentang Menjadi Guru	8
PIPOA	10

TEMA 2

BERSIH SELALU, SIHAT SENTIASA	14
Bantu Diri Anda!	16
Pesan Doktor	18
Bersihkan Hatimu	20
Fobia Tanpa Telefon Bimbit?	22
Harum Memikat Hati	24

TEMA 3

KECERDASAN MENINGKAT, KETERAMPILAN MEMIKAT	27
Kayuhan Ria untuk Sejahtera	28
Larian Bendang	30
Memacu Mutu Sukan Negara	32
Chinlone, Oh, Chinlone!	34
Sebutir Permata di Persada Dunia	36

TEMA 4

WASPADA SELALU!	41
Jagalah Diri	42
Beriadah dengan Selamatnya	44
Berhemah di Jalan Raya	46
Berhati-hati di Alam Siber	48
Awas, Penyakit Berjangkit!	50

TEMA 5

DIRGAHAYU NEGARAKU	53
Semangat Waja	54
Berkibar Megah	56
Negaraku Tercinta	58
Keranamu Malaysia	60
Kisah Teladan	62





TEMA 6

INTEGRITI TINGGI, SAHSIAH TERPUJI .. 66

Fikir Dahulu Sebelum Buat	68
INTEGRITI Maju Seiring Waktu	70
Tumbuk Rusuk!	72
Ikrar Dilaungkan, Kasih Dijunjung	74
Sikap Terpuji	76

TEMA 7

PERSAUDARAAN TANPA SEMPADAN ... 79

Hulurkan Tangan, Ringankan Beban!	80
Di Bawah Satu Bumbung	82
Misi Kemanusiaan Sejagat	84
Kami Memahami Deritamu!	86
Biduk Lalu Kiambang Bertaut	88

TEMA 8

SUBUR BAHASA, MEKAR SASTERA 93

Dirgahayu Bahasaku	94
Kenali dan Hargai Tulisan Jawi	96
Karya Sastera Jendela Dunia	98
Berjuang dengan Pena	100
Mengasah Bakat	102

TEMA 9

INDAH SENI, ENDAH BUDAYA 105

Lat Ta Li Lat Tham Plom	106
Warisan Gamelan	108
Pemugaran Seni dan Budaya	110
Adiguru Kraf	112
Cita Rasa Rakyat Malaysia	114

TEMA 10

SAINS DAN TEKNOLOGI PEMACU

KEMODENAN 117

Hebatnya Robot!	118
Malaysia Boleh!	120
Sinar Baharu Hidupmu	122
Pertandingan Inovasi	124
Kreatifkan Dirimu	126

TEMA 11

ALAM ANUGERAH TERINDAH 131

Terima Kasih Pokok	132
Antara Masdar dengan Putrajaya	134
Terbuang Menjadi Terbilang	136
Masih Adakah Harapan?	138
Fantastik Kereta Elektrik	140



TEMA 12

TUAH DI BUMI PERMATA 144

Terbaik dari Ladang	146
Buah Naga	148
Rizom-rizom Berjasa	150
Usahawan Tani	152
Rezeki dari Laut	154

TEMA 13

PERINDUSTRIAN 158

Halal Membawa Berkah	160
Revolusi Dunia Industri	162
Era Baharu Industri Sukan	164
Kecil-kecil Cili Api	166
Desa Cemerlang Industri Mapan	168

TEMA 14

EKONOMI MAPAN, NEGARA MAKMUR ..173

Misi Wang Besar	174
Lindungi Diri Anda	176
Ayuh, Kita Berniaga!	178
Kawal Perbelanjaan Anda	180
Mentari Bersinar Jua	182

TEMA 15

DESTINASI MISTERI 186

Moh ke Perak	188
Kembara Borneo	190
Keajaiban Dasar Laut	192
Dari Mata Turun ke Hati	194
Mahut Kuala Gandah	196

TEMA 16

MENCAPAI IMPIAN, MENUAI

KEJAYAAN 200

Langka tetapi Berharga	202
Berjaya dalam Pembinaan	204
Bakat Menulis Pulangan Lumayan	206
Kerja dan Berjaya	208
Perunding Acara	210

Jawapan/Lampiran Pilihan 215

Glosari	225
Senarai Rujukan	229
Indeks	231
Scrip Pendengaran	233



Pendahuluan

Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 3* ini menterjemahkan hasrat yang tercakup dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 3, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) melalui persembahan bahan berwarna-warni yang unik lagi menarik. Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Seni Bahasa, dan Tatabahasa yang tersenarai dalam DSKP disusun atur mengikut kesesuaian daripada tahap mudah kepada tahap sukar berdasarkan susunan tema dengan harapan kemahiran dan pengetahuan tersebut dapat dipelajari secara ansur maju.

Buku ini mengandungi bahan-bahan rangsangan daripada 16 tema yang mendasari pembelajaran yang berasaskan modul yang dipecahkan mengikut tiga kemahiran bahasa yang utama, seni bahasa, dan pengetahuan tatabahasa. Walaupun tema-tema ini adalah sama seperti buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 1* dan buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 2*, namun skop bahan yang dipilih berbeza. Pemilihan bahan telah dibuat secara teliti dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk cita rasa kumpulan sasaran, kepentingan, keperluan, kesesuaian, kebolehbacaan, ketepatan, kesahan, variasi bahan, dan maklumat yang mendalam berdasarkan tajuk untuk memastikan bahan yang digunakan sebagai rangsangan mengikut piawai. Bahan-bahan juga diperolehi daripada pelbagai sumber, iaitu sumber sekunder melalui bacaan, rujukan, dan sumber primer melalui pemerhatian, kajian lapangan serta wawancara.

Dari segi persembahan pula, bahan-bahan terpilih ini telah dipersembahkan dalam bentuk paparan halaman berkembar yang terkini, segar, lagi bergaya. Paparan halaman berkembar ini memudahkan persembahan sesuatu tajuk dibuat secara mendalam melalui variasi teks dan grafik yang mempunyai tahap keterbacaan atau kemudahbacaan yang tinggi. Gabungan antara teks, audio, video, dan grafik dengan permainan warna yang dimanfaatkan sepenuhnya dalam setiap halaman mampu memberi murid pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan sangat berharga. Grafik dan gambar beresolusi tinggi yang digunakan bukan sekadar hiasan kerana setiap satunya berfungsi dan membawa makna yang tersendiri walaupun grafik tersebut terletak di halaman rangsangan bagi setiap tema.

Teknologi *QR Code* juga digunakan khusus bagi memuatkan bahan bantu belajar kemahiran mendengar dan bertutur dalam bentuk audio dan video. Selain itu, *QR Code* ini juga digunakan bagi menampung maklumat tambahan dalam bentuk teks yang terdiri daripada nota tatabahasa, info bestari, jawapan latihan, dan lain-lain. Buku ini juga merupakan satu-satunya buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang pertama kali memperkenalkan dan menggunakan teknologi *Augmented Reality (AR)* sebagai alat bantu dalam mengajar murid-murid selain teknologi *QR Code*. *AR* ialah teknologi yang menggabungkan dunia maya dan nyata dalam bentuk 2D atau 3D. Dalam buku ini, *AR* yang digunakan adalah dalam bentuk video dan 3D bagi menarik minat murid mempelajari bahasa Melayu.

Untuk menjadikan buku teks ini lebih mesra pengguna, pernyataan Standard Pembelajaran (SP) disertakan dalam setiap halaman. Aktiviti yang dicadangkan juga berbentuk umum bagi membuka ruang yang seluas-luasnya kepada guru dan murid untuk menentukan strategi dan teknik yang hendak digunakan agar bersesuaian dengan minat, kecenderungan, kesediaan, dan keperluan murid serta prasarana yang ada. Selain itu, Cerna Minda disediakan sebagai latihan tambahan yang mampu memperkaya pengalaman belajar selaras dengan konsep pembelajaran terbeza dan *flipped classroom*. Permainan bahasa yang kreatif, santai, dan berbentuk didik hiburan menjadi nilai tambah bagi buku ini. Begitu juga dengan lima bahagian penilaian yang mencakupi semua konstruk dan kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh murid. Kelima-lima penilaian dihadirkan dalam pelbagai stimulus dan bentuk penyoalan yang mendedahkan murid kepada kepelbagaian item termasuk item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi menilai penguasaan bahasa murid.

Ikon-ikon yang menarik juga digunakan bagi menjelaskan bahagian-bahagian tertentu dalam buku ini.



Mendengar dan Bertutur

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Mengandungi 14 SP yang bermula dengan mendengar dan menyebut perkataan hingga menghuraikan sesuatu perkara dengan bernasnya dan kritisnya serta mengulas bahan audio visual.



Aktiviti

Aktiviti

- Gerak kerja yang dirancang untuk mencapai hasrat SP. Arahannya bersifat umum untuk memberikan peluang kepada guru memilih strategi pembelajaran dan teknik yang berkesan, sesuai dengan murid.

KBAT

- Kemahiran ini penting dalam ciri pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang memberikan penekanan kepada kemahiran mengapikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta. Walau bagaimanapun, kemahiran mengapikasi tidak dilabelkan kerana kemahiran mengapikasi hadir dalam kebanyakan modul.



Membaca

Kemahiran Membaca

- Kemahiran ini penting kerana maklumat yang dituturkan atau ditulis diperoleh daripada bacaan. Walaupun hanya mengandungi tujuh SP, kemahiran ini perlu diulang dan dipelbagaikan untuk memastikan murid benar-benar menguasai kemahiran membaca ini.



Menulis

Kemahiran Menulis

- Mengandungi 13 SP yang bermula dengan menerangkan makna kata hingga menulis karangan dengan wacana yang lengkap, membuat ringkasan, mengadaptasi sesuatu bahan prosa dan bahan grafik hinggalah kemahiran mengedit dan menyunting ayat dalam pelbagai teks.



Info Bestari


Info Bestari

- Terdiri daripada nota-nota yang berkaitan dengan tatabahasa yang diajarkan dan maklumat tambahan bagi konsep yang diguna pakai dalam modul.



Gabungan SP Seni Bahasa dan Tatabahasa

- Dua SP ini menggunakan bahan yang sama tetapi dilaksanakan pada masa yang berbeza (bukan secara penggabungjalinan).



Seni Bahasa

Seni Bahasa

- Mengandungi lapan SP yang bermula dengan apresiasi karya prosa dan karya puisi, menggunakan bahasa kiasan dan peribahasa, menghasilkan cerpen dan puisi, seterusnya mempersembahkan karya prosa dan puisi secara kreatif dalam pelbagai aktiviti berbahasa.



Aktiviti Berkumpulan

- Aktiviti ini mencakupi perbincangan atau percambahan minda. Murid akan saling belajar malahan dapat belajar tentang nilai kerjasama dan semangat bekerja dalam pasukan serta melatih kemahiran memimpin.



Tatabahasa


Tatabahasa

- Mengandungi sembilan SP yang bermula dengan pengetahuan dan pemahaman tatabahasa yang terdiri daripada kata nama, kata adjektif, kata tugas, kata kerja, kata ganda, kata terbitan, pelbagai frasa, hingga membina dan menukar struktur ayat serta menganalisis dan membetulkan tatabahasa.



Aktiviti Berpasangan


- Dijalankan untuk memastikan penglibatan yang aktif setiap ahli di samping menerapkan kemahiran berkomunikasi.



Pengukuhan

Pengukuhan

- Aktiviti ini terdiri daripada latihan yang sama tetapi dalam bentuk dan konteks yang berbeza untuk memastikan murid mencapai tahap yang baik dalam satu-satu SP.





Pengayaan

- Aktiviti ini terdiri daripada latihan yang lebih tinggi daripada SP untuk memastikan murid benar-benar menguasai SP malahan telah bersedia untuk mempelajari kemahiran dalam SP yang lebih mencabar.





AR Code

- AR Code (Augmented Reality) ialah teknologi yang menggabungkan dunia maya dan nyata dalam bentuk 2D atau 3D. Imbas kod menggunakan gajet untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk video dan animasi bagi menarik minat murid.



Cerna Minda

- Merupakan latihan lanjutan bagi memperkukuh ataupun memperkaya penguasaan SP. Latihan ini dibuat dengan atau tanpa bimbingan guru.




QR Code

- Imbas kod menggunakan gajet untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk video atau dokumen lain serta panduan menjawab soalan bagi menarik minat murid.



Penilaian

- Walaupun Pentaksiran Bilik Darjah dijalankan sepanjang sesi pembelajaran dan pemudahcaraan bagi setiap modul, aktiviti penilaian juga disediakan sebanyak lima kali selepas beberapa tema selesai diajarkan. Aktiviti penilaian ini terdapat dalam tema 3, 7, 10, 13, dan 16 menggabungkan beberapa SP yang telah diajarkan dalam bentuk penyediaan yang pelbagai mengikut kesesuaian bahan dan SP yang dinilai.



Sesuai dengan ciri pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, buku teks ini menjadikan aktiviti belajar bahasa lebih luwes, lebih aktif, mencabar kreativiti dan kemahiran berfikir, serta menyeronokkan. Yang lebih utama, buku teks ini dapat membantu murid agar lebih yakin dan terampil berbahasa serta berupaya untuk berkomunikasi bagi memenuhi tuntutan diri dan negara.

Zanariah binti Abdol
 Amir Hazlin bin Lin
 Alias bin Derais@Idris
 Azahar bin Bahari



Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21

BULATAN-DALAM-LUAR

Murid-murid membentuk dua bulatan, iaitu satu bulatan di dalam (Bulatan 1) dan satu bulatan di luar (Bulatan 2). Murid-murid di bulatan dalam menghadap murid-murid di bulatan luar untuk menjawab soalan atau berbincang tentang soalan yang ditanyakan oleh guru secara bergilir-gilir mengikut pusingan.

PENYELESAIAN SUSUN SUAI

Pembelajaran secara berkumpulan yang membolehkan murid-murid bergerak ke kumpulan lain untuk mencari pelengkap kepada masalah yang diberikan.

TEKNIK TEATER PEMBACA

Murid membaca secara individu daripada skrip pendek. Bacaan mengutamakan penggunaan suara, sebutan, gerak badan yang terbatas, dan mimik muka. Teknik ini membantu murid-murid yang menjadi penonton memahami, menghayati dan merasakan seolah-olah cerita yang disampaikan berlaku di hadapan mereka.

MEJA BULAT

Murid duduk dalam kumpulan dan guru mengemukakan satu topik. Murid mencatat idea masing-masing secara bergilir-gilir menggunakan pen dan kertas yang sama. Hasil idea tersebut dibentangkan.

MAIN PERANAN

Murid diberi tanggungjawab untuk memegang peranan dan watak bagi tugas yang diberikan. Murid diberikan masa untuk membuat persediaan bagi mempersembahkan peranan dan watak yang diberikan.

SIAPAKAH SAYA?

Aktiviti ini merupakan pembelajaran secara berkumpulan. Murid melekatkan maklumat mengenai diri (identiti) di belakang baju rakan. Murid diberi peluang untuk bertanya tiga soalan kepada rakan berkaitan dengan identiti mereka. Rakan mereka perlu menjawab “ya” atau “tidak” untuk mendapatkan jawapan kepada maklumat diri murid dan mereka dikenali sebagai “pakar rujuk” sekiranya jawapan yang betul telah diperoleh.

TINJAU KONGSI

Murid-murid bergerak dari satu ruang ke ruang lain untuk melihat hasil kerja murid daripada kumpulan lain. Kemudian, murid-murid membuat perkongsian mengenai dapatan yang diperolehi.

ENAM TOPI PEMIKIRAN

Murid-murid menggunakan enam topi pemikiran untuk menyatakan pemikiran masing-masing berdasarkan satu topik yang dikemukakan oleh guru. Enam topi pemikiran itu ialah topi putih (menggambarkan maklumat), topi kuning (menggambarkan nilai positif), topi hitam (menggambarkan pemikiran kritis), topi hijau (menggambarkan pemikiran kreatif), topi biru (menggambarkan proses berfikir), dan topi merah (menggambarkan perasaan atau intuisi).

SUAI PADAN

Murid-murid melakukan pergerakan untuk mencari bahan daripada objek atau konsep yang tidak lengkap dan kemudian memadankannya.

ULAS GILIR

Murid-murid secara berkumpulan, berbincang dan mencatat maklumat dan memaparkannya untuk diperlihatkan kepada kumpulan lain. Setiap kumpulan akan bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan lain untuk menilai dan menambah baik hasil kerja tersebut.

Teknik Bacaan

KWLH

Maksud KWLH		
K	<i>Know</i>	Perkara yang sudah diketahui sebelum membaca
W	<i>What</i>	Perkara yang hendak diketahui sebelum membaca
L	<i>Learned</i>	Perkara yang dipelajari selepas membaca
H	<i>How</i>	Cara untuk mendapat maklumat tambahan yang ingin diketahui (melalui bacaan seterusnya)

Langkah KWLH

- Catat maklumat di dalam lajur K carta KWLH berdasarkan tajuk dan subtajuk dalam teks.
- Bina soalan mengenai maklumat yang ingin diketahui tentang tajuk tersebut di dalam lajur W.
- Murid melakukan pembacaan. Semasa dan selepas membaca teks, murid mengisikan maklumat ke dalam lajur L.
- Jika tidak semua jawapan bagi soalan di dalam lajur W terdapat dalam teks (Lajur L), catat maklumat yang tidak terjawab di dalam Lajur H berserta dengan cadangan sumber untuk mendapatkan jawapan.

K (Yang Diketahui)	W (Ingin Diketahui)	L (Dipelajari)	H (Bagaimana)

CHATT

Maksud CHATT		
C	<i>Circle</i>	Bulatkan kata kunci
H	<i>Highlight</i>	Serlahkan atau garis idea penting
A	<i>Asterisk^(*)</i>	Tandakan ^(*) pada isi sampingan/sokongan
T	<i>Transfer</i>	Pindahkan maklumat ke dalam borang CHATT
T	<i>Teacher</i>	Guru memberikan rumusan tentang rekod murid di dalam borang CHATT

JADUAL CHATT

Kata Kunci/Istilah _____ _____	Imej (Definisi)	Definisi _____ _____
Idea Utama _____ _____ _____ _____	Idea Sampingan _____ _____ _____ _____	
RUMUSAN GURU: _____ _____		

QUACK

Teknik ini menggalakkan pembacaan secara aktif kepada teks yang berbentuk fakta, membuat pertimbangan terhadap maklumat, dan menandakan maklumat yang tertentu.

Maksud QUACK		
Q	<i>Question mark (?)</i>	Letakkan (?) pada perkataan, rangkai kata, dan idea yang kabur serta tidak difahami
U	<i>Underline</i>	Garisi takrif
A	<i>Asterisk(*)</i>	Letakkan (*) pada maklumat atau idea yang penting atau menarik
C	<i>Circle</i>	Bulatkan fakta dan definisi penting
K	<i>Keyword</i>	Letakkan huruf besar K di sebelah kata kunci (biasanya berhuruf tebal atau condong)


ACID

Teknik ini menggalakkan pembaca membaca teks secara aktif. Interaksi dan fokus pembaca terhadap teks dikekalkan kerana pembaca perlu membuat pertimbangan tentang bentuk dan maklumat yang dibaca.

Maksud ACID		
A	<i>Agree</i>	Bersetuju
C	<i>Confusing</i>	Mengelirukan
I	<i>Interesting</i>	Menarik
D	<i>Disagree</i>	Tidak bersetuju

SQ4R

Teknik ini mempunyai enam langkah, iaitu meninjau, menyoal, membaca, mencatat, menyatakan kembali, dan membuat refleksi. (Francis Robinson)



Bersiap sedia sebelum membaca - prabaca (Meninjau, Menyoal)

Melibatkan diri semasa bacaan - sambil membaca (Membaca, Mencatat)

Memberikan reaksi selepas bacaan - (Menyatakan kembali, Membuat refleksi)

TEMA 1

SULUH MASA DEPAN





Selamat Kembali ke Sekolah!



1. Dengar dan kenal pasti perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan dalam kedua-dua bahan yang diujarkan.
2. Persembahkan idea dalam kedua-dua bahan untuk mengujarkan perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan yang digunakan dengan betul, tepat, dan jelas.



TEMA 1

Suluh Masa Depan

Dendang Tahun Baharu

Menggapai Cita-cita

Hari pertama kita ke sekolah
 Kita atur langkah penuh iltizam
 Semangat kita kian membara
 Ingin pulang bawa kejayaan.

Era baharu dunia pendidikan
 Mencabar daya pemikiran
 Usahlah leka berangan-angan
 Nanti kita ketinggalan.

(Korus)
 Ayuhlah kawanku
 Kita berusaha
 Menuntut ilmu sepanjang waktu
 Kejayaan terbentang
 Seluas lautan.

Andai kita gagal
 Jangan putus asa
 Tewas hari ini
 Bukan selama-lamanya
 Teruslah berusaha
 Sehingga berjaya.

Bersama-sama kita ganding bahu
 Tempuhi cabaran hari muka
 Bersama-sama kita genggam tekad
 Menggapai cita-cita.

Lagu: Kyra binti Muzafar
 Lirik: Alias bin Derais



Azam Tahun Baharu

Setiap orang perlu mempunyai azam. Azam ini penting bagi membulatkan tekad agar kita sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri. Apakah azam anda?



Pengurusan masa saya agak tidak teratur. Saya tahu bahawa masa tidak menunggu kita. Namun, saya sering tidak mematuhi jadual belajar. Oleh itu, pada tahun ini, saya akan berusaha untuk menguruskan masa sebaik-baiknya. Kerja bertanggung tak menjadi, kerja beransur tak bertahan.

- **Durgashiny a/p Nagarajan**



Saya telah pun mempunyai tabungan daripada wang saku dan angpau yang saya terima pada Tahun Baharu Cina. Aduhai, memang mencabar untuk ikat perut! Kini, tabungan saya telah pun mencecah empat angka. Dividen dan bonus yang diperoleh agak lumayan. Pada tahun ini, saya akan menambah sumber tabungan supaya segenggam jadi segantang, sekepal jadi segunung. Bagaimanakah caranya? Tunggu...!

- **Ng Xi Zue**



Syukur kepada Tuhan kerana pada tahun lepas, saya berjaya meningkatkan pencapaian dalam bidang akademik. Oleh itu, pada tahun ini, saya mahu bergiat aktif dalam bidang kokurikulum pula. Namun, pelajaran tetap menjadi keutamaan kerana saya tidak mahu yang dikejar tak dapat, yang dikendong bercirikan.

- **Mohd Akram Ifwat bin Mustafa**



Sebagai remaja, saya berazam untuk menjaga ibadah saya. Ibadah yang dimaksudkan bukan sekadar bersembahyang pada awal waktu dan berpuasa. Saya akan menjadikan semua kerja sebagai ibadah. Tidur, makan, belajar, beriadah, dan bersosial, akan saya lakukan dengan niat yang baik kerana Tuhan Yang Maha Esa.

- **Athifah Najihah binti Norizan**



Cerna Minda

1. Banyak orang berazam, namun ada yang tidak berjaya melakukannya. Kenal pasti punca-puncunya dan cadangkan langkah-langkah untuk mengatasinya.
2. Cipta sebuah lagu tentang keazaman, kemudian persembahkannya.



1.1.1 Mendengar, mengenal pasti dan menggunakan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan betul, tepat dan jelas.



Berkreativiti di Alam Simfoni




1. Baca berita dan laporan dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai, serta kepantasan yang wajar.
2. Analisis ciri laras bahasa berita dan laras bahasa laporan.



TEMA 1

Suluh Masa Depan



Alunan Perak Orkestra Simfonik Negara

KERKRADE, 28 Julai – Puteri negara dari Sekolah Seri Puteri sekali lagi mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih Anugerah Perak dalam *18th World Music Contest 2017* yang diadakan di sini, mulai 19 Julai hingga semalam. Dalam pertandingan itu, sebanyak 57 orang ahli Orkestra Simfonik Sekolah Seri Puteri yang dinamai *SPWinds* telah mempamerkan persembahan terbaik yang melayakkan mereka untuk menerima Anugerah Perak. Kegigihan dan pengorbanan yang dilakukan oleh setiap ahli Orkestra Simfonik ini dalam mengukir nama negara di persada antarabangsa sewajarnya dicontohi oleh semua murid.

Menurut guru penasihatnya, Puan Shahriyah binti Abdul Rashid, *SPWinds* telah menghadihkan kejayaan kepada Malaysia hampir setiap tahun. Rahsianya ialah komitmen dan kerja keras para ahli dalam rejim latihan yang dijadualkan sepanjang tahun untuk mengasah bakat serta meningkatkan kemahiran mereka hingga dikagumi seperti pemain profesional.

“Saya yakin bahawa pendedahan kepada pertandingan besar terutamanya pada peringkat antarabangsa akan melahirkan murid-murid yang berketerampilan dan berkepemimpinan. Ciri-ciri ini selaras dengan hasrat negara yang mahu generasi muda menjadi pemangkin kepada perubahan dunia,” jelas Nur Shazana Syafiqah binti Mohd. Sabri, Presiden *SPWinds*.



Laporan Pencapaian Tertinggi Tahun 2015 - 2017

Orkestra Simfonik Sekolah Seri Puteri

Orkestra Simfonik Sekolah Seri Puteri, atau lebih dikenali sebagai *Seri Puteri Symphonic Winds (SPWinds)*, dianggotai oleh 99 orang murid dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Sejak ditubuhkan pada tahun 1976, *SPWinds* merupakan antara pasukan orkestra yang terbaik di Malaysia.

Saban tahun *SPWinds* telah menyertai pelbagai acara persembahan dan pertandingan sama ada pada peringkat negeri, kebangsaan, mahupun antarabangsa. Yang berikut ialah pencapaian tertinggi *SPWinds* bagi tahun 2015 - 2017.

2015

- Anugerah Gangsa dalam *New York Wind Band Festival* di Carnegie Hall, New York, Amerika Syarikat pada 9 Mac 2015.
- Diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* sebagai *First Malaysian Government Residential School to Win Silver Award at The New York Wind Band Festival, (NYWBF2015)*.

2016

- Anugerah Emas di *Los Angeles International Music Festival 2016*. Kemenangan julung kali oleh orkestra dari Malaysia ini telah diumumkan pada 21 Jun 2016 di *Walt Disney Concert Hall*, Los Angeles.

2017

- Anugerah Perak dalam *18th World Music Contest 2017* di Kerkrade, Netherlands.

Secara keseluruhannya, setiap ahli perlu lebih kreatif dan berbudaya kerja positif demi memastikan kelangsungan kegemilangan *SPWinds*. Tambahan pula, sebagai duta kecil negara dalam seni persembahan muzik, *SPWinds* perlu sentiasa mempamerkan persembahan yang segar, berkualiti, dan menakjubkan demi mengharumkan nama negara di persada dunia. Mudah-mudahan *SPWinds* bertambah maju jaya.

Dilaporkan oleh:

25 JANUARI 20□□.

Aisya

(AISYA BINTI AHMAD FATHI)
Setiausaha Orkestra Simfonik,
Sekolah Seri Puteri.

(Sumber: Sekolah Seri Puteri)



Cerna Minda

Terokai maklumat tentang cara penulisan laporan minit mesyuarat berserta dengan contohnya.

2.1.1 Membaca dan memahami laras bahasa sesuatu laporan dan berita dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.



Menulis

Ke Manakah Kita?



Aktiviti

1. Analisis maklumat dalam bahan dan kenal pasti kata, rangkai kata, istilah, ungkapan, dan ayat yang digunakan.
2. Tulis dan terangkan makna kata, rangkai kata, istilah, ungkapan, dan ayat dengan betulnya mengikut konteks.




TEMA 1

Suluh Masa Depan

Pendidikan selepas Tingkatan Tiga

Selepas tingkatan tiga, anda boleh membuat pilihan sama ada untuk terus belajar di sekolah aliran perdana ataupun beralih angin ke sekolah aliran vokasional. Apa-apa jua pilihan, yang penting anda membuat pilihan yang bertepatan dengan bakat dan potensi yang ada. Mudah-mudahan, dengan usaha, doa, tawakal, dan izin Tuhan, kejayaan akan berada dalam genggamannya anda.





Transformasi Pendidikan Vokasional

TEMA 1

Suluh Masa Depan

Transformasi Pendidikan Vokasional merupakan satu usaha merekayasa sistem pendidikan vokasional. Transformasi Pendidikan Vokasional ini menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Transformasi Pendidikan Vokasional merupakan satu daripada 25 inisiatif utama yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Matlamat akhirnya adalah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir negara.

Sehubungan dengan itu, Rancangan Malaysia ke-10 telah mencadangkan penambahbaikan akses kepada pendidikan vokasional dengan cara membangunkan modal insan. Modal insan yang lebih kompeten dan berdaya saing ini diharapkan dapat meluaskan kebolehpasaran tenaga kerja kita. Akhirnya, usaha ini diharapkan dapat mengangkat martabat pendidikan di negara kita agar setanding dengan negara-negara maju.

Dalam Transformasi Pendidikan Vokasional ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan program Pendidikan Asas Vokasional pada peringkat menengah rendah (tingkatan satu hingga tingkatan tiga) di sekolah menengah harian. Pada peringkat menengah atas pula, Kolej Vokasional (KV) diperkenalkan.

Kolej ini menyediakan pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional untuk murid lepasan menengah rendah.

Untuk tujuan itu, Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) telah digubal. KSKV ini bertepatan dengan prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat untuk membentuk modal insan yang berkemahiran tinggi, berilmu, dan bersahsiah melalui aliran vokasional. Murid yang berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang vokasional ini boleh memilih mana-mana kursus menarik yang ditawarkan. Bidang kursus yang ditawarkan termasuklah Teknologi Kejuruteraan, Pertanian, Penjagaan dan Perkhidmatan Masyarakat, Hospitaliti dan Pelancongan, serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

(Sumber: Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, KPM)



Cerna Minda

1. Terokai maklumat lanjut tentang Kolej Vokasional dan institusi pendidikan lain yang ada selepas tingkatan tiga daripada pelbagai pihak.
2. Laporkan maklumat yang anda peroleh dalam kumpulan.



3.1.1 Menulis dan menerangkan makna kata, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat dengan betul mengikut konteks.



Alam Terbentang Menjadi Guru



1. Dengar bahan yang dibaca dan idea yang diujarkan. Kemudian, terangkan maksud ayat daripada kedua-dua bahan secara bertatasusila.
2. Kenal pasti kata nama dan kata pinjaman daripada kedua-dua bahan. Kemudian, rujuk kamus untuk memahami maksudnya.
3. Bina ayat daripada kata nama dan kata pinjaman yang dikenal pasti bagi menjelaskan maksudnya.



TEMA 1

Suluh Masa Depan

Lingkungan Pendidikan



Apabila disebut perkataan "pendidikan", apakah yang tergambar dalam minda kamu?

Sekolah kita.

Oh, luasnya lingkungan pendidikan!

Internet

Sebenarnya, alam pendidikan tidak mempunyai lingkungan yang khusus. Kita boleh belajar itu ini, di mana-mana sahaja, dengan siapa-siapa sahaja, dan melalui apa-apa kaedah pun.



Analisis gambar-gambar dalam dialog di atas dan nyatakan perkara yang anda pelajari daripadanya.

Guru Pencetus Kreativiti, Penjana Inovasi

Guru Malaysia kreatif dan inovatif. Mereka juga sanggup berkorban dan bekerja tanpa batasan tempat, masa, dan wang ringgit demi pendidikan anak bangsa. Wah, hebatnya guru-guru kita! Apakah yang telah kita lakukan untuk menghargai jasa mereka?



TEMA 1

Suluh Masa Depan

Projek Taman Sains Rumah Guru oleh

Encik Mohamad bin Omar,
Guru Cemerlang Biologi,
SMK Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan.

- Mendapat pengiktirafan Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia, Peringkat Negeri Kelantan.
- Beraneka jenis tumbuhan, iaitu tumbuhan berkayu, misalnya *Mussaenda pubescens*, tumbuhan herba, pokok renek, pokok menumpang atau epifit, contohnya *Platyserium bifurcatum* dan kulat saprofit, pokok hiasan, serta tumbuhan akuatik ditempatkan di halaman rumah guru.
- Pembelajaran berlaku di luar bilik darjah dan pada luar waktu persekolahan.
- Tumpuan pancaindera pada tahap optimum melalui beraneka jenis pembelajaran, seperti Pembelajaran Koperatif, Pembelajaran Kolaboratif, dan Pembelajaran Sains Secara Inkuiri Penemuan.
- Pembelajaran berasaskan modul dengan latihan dan eksperimen yang mempunyai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diaplikasikan di sini.
- Modus operandinya, pembelajaran secara akses sendiri, terarah sendiri, tahap sendiri, dan penilaian sendiri manakala guru sebagai pemudah cara.



Berbincanglah tentang:

- i. Cara pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan.
- ii. Impak jasa guru kepada kehidupan anda.



1.2.2 Mendengar dan menerangkan maksud ayat dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks secara bertatasusila.

5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama dan kata pinjaman dengan betul.



PIPOA



- Berdasarkan bahan:
 - Baca secara imbasan dan kenal pasti istilah yang digunakan.
 - Buat rujukan untuk mencari maksud istilah tersebut.
 - Bina ayat anda sendiri bagi menerangkan maksud istilah tersebut dengan betulnya dan tepatnya.
- Berdasarkan teks drama, berbincanglah tentang kekuatan, kelemahan, dan keistimewaan drama tersebut.



TEMA 1

Suluh Masa Depan

PIPOA Menggalas Amanah

Pusat Intelek Pelajar Orang Asli atau lebih dikenali sebagai PIPOA merupakan projek perintis Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Latar Belakang


- PIPOA dibina di tapak seluas 3.07 hektar di Kuala Rompin, Pahang pada tahun 2010.
- Pentadbirannya mula beroperasi pada tahun 2011.
- Murid ditempatkan di SMK Seri Rompin dan SMK Rompin Permai.
- Pengambilan murid yang pertama pada tahun 2012 berjumlah 34 orang.

Bilangan murid pada tahun 2013-2018

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Bilangan	61	95	87	94	82	96

PIPOA ditubuhkan untuk:

- Melahirkan insan yang cemerlang.
- Mengurangkan kadar keciciran.
- Menyediakan kemudahan pembelajaran yang sempurna.
- Meningkatkan tahap pendidikan Orang Asli pada peringkat menengah.
- Meningkatkan bilangan cerdik pandai Orang Asli yang mendapat pendidikan yang berterusan.
- Menampung keperluan belajar yang lebih luas.



(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli)



Berlari Mengejar Impian

Babak 1: Bertempat di Makmal Komputer di Pusat Intelpek Pelajar Orang Asli (PIPOA)

Shahrul: Awak baca berita apa itu, Winnie? Macam menarik sahaja.

Winnie: (*Memandang wajah Shahrul sambil tersenyum*) Berita lama, berita tahun 2016, tentang orang kita.

Shahrul: (*Melihat skrin komputer di hadapan Winnie lalu membaca petikan akhbar*) Pencapaian Pendidikan Orang Asli: Sejumlah RM17.5 juta peruntukan disalurkan untuk pendidikan Orang Asli. Sebanyak 797 orang pelajar melanjutkan pengajian di universiti tempatan manakala 72 orang pelajar lagi diberi tajaan untuk belajar di luar negara. Terdapat 94 buah sekolah rendah Orang Asli. Sebanyak 26 911 orang murid Orang Asli belajar di sekolah rendah manakala 14 023 orang lagi di sekolah menengah.

Winnie: Pendidikan orang kita semakin maju. Saya masih ingat tentang cerita Kak Wong Siew May. Kepeyahan hidupnya tidak melemahkan semangatnya untuk belajar. Walaupun tidak berjaya menempatkan diri di Sekolah Berasrama Penuh atau Maktab Rendah Sains Mara, Kak Wong berjaya diterima masuk ke PIPOA. Macam kita sekarang ini.

Shahrul: Ya, ya, saya ingat! Kak Wong sekarang ini belajar di Universiti Putra Malaysia, bukan? Eh, kakak awak, Eileen, juga kebanggaan kita! Apa khabar dia sekarang? Tentu dia seronok belajar di Kolej Permata Pintar Negara.

Winnie: Kak Eileen baik-baik sahaja. Pada mulanya, memang agak sukar untuk dia menyesuaikan diri dalam lingkungan remaja pintar yang berbeza latar belakang ekonomi dan sosiobudaya. Maklumlah, dia sudah agak selesa hidup bersama-sama dengan rakan-rakan daripada suku kaum Jakun, Jahai, Seletar, Semai, Semiar, dan lain-lain di PIPOA ini. Namun, akhirnya dia dapat juga menyesuaikan diri. Kata Kak Eileen, pendedahannya kepada pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan Jabatan Kemajuan Orang Asli telah memberikan keyakinan kepada dirinya untuk terus berlari mengejar impian.

Shahrul: (*Bersemangat*) Syukur kerana kita mendapat sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada pelbagai pihak. Ingat lagi kata-kata azimat warden kita, "Tatkala berdepan dengan pelbagai ragam manusia, bawalah minda yang cerdas, jangan dibawa hati yang waswas dan tewas."
(*Mereka merenung ke hadapan seolah-olah sedang melihat masa hadapan. Tirai ditutup.*)



Cerna Minda

1. Terokai maklumat tentang Orang Asli di Semenanjung Malaysia.
2. Analisis dan pindahkan data yang terdapat dalam bahan kepada bentuk grafik.




2.2.1 Membaca dan menerangkan maksud istilah yang tepat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari, kamus dan tesaurus dengan betul dan tepat.

4.1.1 Memahami dan mengapresiasi karya prosa dengan menyatakan respons peribadi terhadap kekuatan dan kelemahan sesuatu karya.

TEMA 1

Suluh Masa Depan





Cari Kata




1. Cantumkan huruf dalam papan permainan dari semua arah hingga menjadi perkataan.
2. Bina ayat dalam perenggan mengikut konteks dengan menggunakan perkataan yang dipilih.

TEMA 1

Suluh Masa Depan

M	A	C	V	Z	N	M	A	S	A	E	Q	E	G	W	R	O
E	F	D	S	A	M	O	D	A	F	E	R	I	E	R	A	S
N	E	D	I	V	I	D	K	E	J	K	P	L	N	P	Y	A
G	W	C	N	B	H	U	R	U	T	A	O	Z	G	A	N	P
G	E	R	T	D	A	S	N	X	A	C	F	I	G	S	W	R
A	S	U	H	T	A	D	E	P	I	F	I	T	A	T	O	O
P	S	U	I	A	E	I	A	H	L	S	N	U	M	U	B	F
A	A	K	D	C	R	T	U	H	A	N	N	A	L	D	A	I
I	P	N	E	A	O	K	L	V	H	G	T	B	B	U	Z	T
S	I	A	C	K	B	K	O	L	A	B	O	R	A	T	I	F
E	R	B	U	A	I	N	G	D	S	E	M	E	L	I	Y	A
K	R	E	A	T	I	V	I	T	I	R	O	H	P	U	I	I
U	M	R	I	A	T	N	S	H	Y	G	U	X	I	K	A	T
K	D	I	F	K	N	E	D	H	A	L	B	I	P	U	M	I
A	H	A	C	O	N	A	A	E	S	E	I	B	O	N	U	S
M	I	D	B	G	I	R	S	O	R	K	L	U	A	G	M	R
A	G	A	R	A	E	R	I	L	D	A	Q	U	Z	E	Y	E
Z	A	H	I	G	A	B	E	N	I	L	U	A	S	K	A	V
I	N	Y	U	A	G	N	A	U	B	I	N	K	U	I	R	I
T	U	N	G	I	G	A	L	E	L	B	A	M	N	E	U	N
L	A	H	W	A	X	K	O	P	E	R	A	T	I	F	M	U
I	N	E	H	U	G	G	N	A	T	R	E	B	D	U	W	A

ABAD, AKUATIK, ANUGERAH, ASLI, BERIADAH, BERLENGAH, BERTANGGUH, BONUS, DIVIDEN, EPIFIT, ERA, GENGGAM, HERBA, IBADAH, INKUIRI, ILTIZAM, INOVASI, KOLABORATIF, KOPERATIF, KREATIVITI, LEKA, MASA, MENGGAPAI, MODUS, PANCAINDERA, PIPOA, SAPROFIT, TUHAN, UNIVERSITI



Ilmu Penyuluh Kehidupan



1. Kenal pasti perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan yang terdapat dalam gurindam dan terangkan maksudnya.
2. Gunakan perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan tersebut untuk menghasilkan perenggan tentang kepentingan ilmu.

GURINDAM ILMU

Menuntut ilmu sangat penting,
Amat berguna pada saat genting.

Tuntutlah ilmu jangan lena,
Agar menjadi bijak laksana.

Tuntutlah ilmu dengan niat,
Agar hati lembut tak liat.

Tuntut ilmu jangan bertangguh,
Jati diri mengakar teguh.

Tuntut ilmu jangan jemu,
Lubuk akal tepian ilmu.

Tuntut ilmu dunia akhirat,
Hidup bahagia tiada melarat.

Tuntut ilmu mengisi dada,
Jika diamalkan akan berganda.

Ilmu dituntut umpama air,
Selama diamalkan pahala mengalir.

Ilmu itu penyuluh kehidupan,
Agar berjaya masa hadapan.

Tanpa ilmu fikiran dikurung,
Bagai katak di bawah tempurung.

**Zanariah binti Abdol
SM Sains Johor**

TEMA 1


Suluh Masa Depan



TEMA 2

BERSIH SELALU, SIHAT SENTIASA

- Usah Biar Kemurungan Menghantuimu
- Anda Sedih? Anda Kecewa?
- Postur Betul, Anda Ceria
- Panduan untuk Mengekalkan Postur Badan yang Betul
- Aduhai, Hazim!
- Hindari Nomofobia
- Kebersihan Suatu Kemestian



*“Kesihatan ialah kekayaan sejati,
bukan emas atau perak.”*
– Mahatma Gandhi (Tokoh Pemimpin)



Bantu Diri Anda!



Aktiviti

1. Dengar dan kenal pasti isu yang dikemukakan dalam bahan.
2. Berbincanglah tentang isu tersebut dengan menggunakan pelbagai ujaran.
3. Andaikan rakan anda mengalami tanda-tanda masalah kemurungan, jelaskan langkah-langkah yang perlu anda ambil untuk membantunya.



TEMA 2

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

Usah Biar Kemurungan Menghantuimu

Apakah yang perlu anda tahu tentang kemurungan?

1. Suatu penyakit dan bukannya kelemahan karakter individu.
2. Menyebabkan seseorang mengalami kesedihan yang berpanjangan.
3. Hilang minat terhadap aktiviti yang digemari.
4. Boleh dialami oleh sesiapa pun.
5. Boleh dirawat.
6. Proses pemulihan memakan masa.
7. Sokongan pelbagai pihak amat penting bagi memudahkan proses pemulihan.
8. Tekanan perasaan akan menyebabkan kemurungan menjadi lebih teruk.

Apakah yang perlu anda lakukan jika anda mengalami kemurungan?

- ✓ Bercakap atau berkongsi perasaan dengan orang yang anda percayai.
- ✓ Dapatkan bantuan profesional daripada pegawai kesihatan atau doktor.
- ✓ Teruskan aktiviti yang anda sukai atau cari alternatif lain jika aktiviti sebelum ini tidak lagi sesuai.
- ✓ Sentiasa berhubung dengan keluarga atau sahabat anda.
- ✓ Makan dengan teratur dan tidur dengan secukupnya.
- ✓ Bersenam secara teratur.
- ✓ Elakkan pengambilan alkohol atau dadah.

ANDA SEDIH? ANDA KECEWA?

Tahukah anda tanda-tanda anda mengalami kemurungan?

Perasaan pesimistik

Rasa tidak tenteram
dan mudah marah

Kurang daya tumpuan dan sukar
membuat keputusan

Amat sensitif, pendiam, dan
suka mengasingkan diri

Gangguan tidur

Cepat letih, lesu,
dan tidak bermaya

Selera makan terganggu

Sentiasa rasa bersalah atau
menyalahkan diri sendiri

Kemurungan ialah suatu penyakit.
Usah risikokan diri anda dengan
kemurungan.

Tahukah anda?

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meramalkan bahawa masalah kemurungan menjadi antara punca penyakit mental. Penyakit ini dijangka akan berada di tangga kedua teratas selepas penyakit jantung di seluruh dunia menjelang tahun 2020.



Cerna Minda

1. Kumpulkan maklumat tentang penyakit kemurungan ini.
2. Hasilkan risalah bermaklumat tentang kemurungan dan edarkannya kepada rakan-rakan.



TEMA 2

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

1.1.2 Mendengar, mengenal pasti dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan intonasi yang sesuai dan jelas.



Pesan Doktor



1. Baca cerpen di bawah dengan intonasi dan nada yang sesuai.
2. Kenal pasti laras bahasa cerpen yang disediakan.
3. Pada pendapat anda, apakah kepentingan menjaga postur badan yang betul?



TEMA 2

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa



Postur Betul, Anda Ceria

Rania dan emak tiba di klinik. Ada seorang pesakit sedang menunggu giliran untuk bertemu dengan doktor. Rania senang hati. Dia tidak perlu menunggu begitu lama. Tidak lama kemudian, namanya terpapar pada skrin yang terletak di bahagian atas ruang mengambil ubat. Gilirannya sudah tiba. Bilik nombor dua.

“Rania ini seperti orang tua, doktor,” kata emak kepada Doktor Fatimah. “Sakit belakang, katanya,” adu emak kepada Doktor Fatimah yang acap kali dikunjungi mereka jika ada masalah kesihatan.

Doktor Fatimah kemudiannya membuat pemeriksaan terhadap Rania dan mengajukan beberapa soalan kepada Rania.

“Sejak bila awak berasa sakit belakang, Rania?” soal Doktor Fatimah, lembut.

“Dua hari lepas, doktor,” jawab Rania.

“Sakitnya berterusankah?” soal Doktor Fatimah lagi.

“Tidak. Pada masa tertentu, rasa sakit muncul,” jawab Rania.

“Adakah sakit belakang awak muncul sesekali apabila hendak membongkok atau mengangkat benda yang berat?” soal Doktor Fatimah.

“Ya, doktor,” jawab Rania.

“Berdasarkan pengetahuan dan pengalaman berhadapan dengan kes sebegini, punca sakit belakang seperti ini ialah cara duduk yang salah secara kerap atau berterusan,” kata doktor kepada Rania dan emak. “Jika Rania duduk, berdiri atau mengangkat barang secara salah dan berterusan, keadaan ini boleh menjejaskan postur badan,” terang Doktor Fatimah.



“Doktor, adakah cara duduk Rania yang salah ini akan menyebabkan dia mengalami masalah tulang belakang bengkok atau skoliosis?” soal emak bimbang.

“Jangan risau, puan. Skoliosis bukanlah penyakit tetapi suatu bentuk kecacatan tulang belakang, iaitu tulang belakang bengkok secara tidak normal. Berdasarkan pengetahuan saya, skoliosis tidak berpunca daripada mengangkat beg yang berat, duduk secara janggal, atau membongkok,” terang Doktor Fatimah.

Emak berasa lega. Rasa bimbang yang meragut ketenangan emak sudah lenyap. Kini, fikiran emak tidak berombak lagi memikirkan masalah kesihatan Rania.


“Akan tetapi, Rania perlu membiasakan diri untuk duduk, berdiri, atau mengangkat barang dengan cara yang betul. Kalau tidak, akan timbul pula masalah postur badan,” pesan Doktor Fatimah lagi.

“Nah, cuba lihat risalah ini! Risalah ini tentunya amat membantu Rania,” kata doktor lagi sambil menyerahkan bahan bergambar tentang postur badan yang betul ketika melakukan pelbagai aktiviti.

Rania mengambil risalah yang diberikan oleh doktor. Ketika membelek-belek risalah tersebut, dia teringatkan Cikgu Puad. ‘Patutlah Cikgu Puad selalu menegur aku supaya duduk betul-betul,’ bisik hati Rania.

2.1.2 Membaca dan memahami laras bahasa cerpen dengan sebutan, intonasi yang betul dan nada yang sesuai.

PANDUAN UNTUK MENGEKALKAN POSTUR BADAN YANG BETUL



ANGKAT BARANG



TURUNKAN BARANG



TEMA 2

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa



Info Bestari

Antara ciri laras bahasa cerpen:

- Menggunakan struktur ayat aktif dan ayat pasif.
- Menggunakan bentuk dialog atau kata bual seperti dalam skrip drama.
- Terdapat penyimpangan dari segi morfologi atau sintaksis.
- Menggunakan bunga bahasa, bahasa perlambangan, dan kiasan.



Cerna Minda

Dapatkan maklumat tambahan daripada pelbagai sumber tentang skoliosis dan kongsikannya dengan rakan.



Menulis

Bersihkan Hatimu



Aktiviti

1. Teliti bahan yang dipaparkan.
2. Berbincanglah tentang kebersihan hati dengan menggunakan aktiviti enam topi pemikiran.
3. Tulis pendapat anda tentang kebersihan hati.



TEMA 2

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

Aduhai, Hazim!





**Renungkanlah ...
Semua orang
sepatutnya
sentiasa
membersihkan hati.**

**Orang yang hatinya
tidak bersih akan
menjadi orang yang
busuk hati dan
buta hati.**

TEMA 2

Bersih Selalu, Sehat Sentiasa

Tahukah anda?


Kebaikan mempunyai hati yang bersih:

- Kurang berprasangka atau memandang serong terhadap orang lain.
- Mudah berinteraksi dengan orang lain.
- Dapat mengekalkan hubungan yang harmoni dengan orang lain.
- Mudah mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan.
- Cepat menyesuaikan diri dengan persekitaran.



Cerna Minda

Hasilkan video iklan khidmat masyarakat yang mencerminkan kebersihan hati. Muat naik video itu untuk ditonton dalam media sosial.



3.2.1 Menulis untuk mengemukakan pendapat yang rasional tentang sesuatu perkara yang **dibaca, didengar dan ditonton** menggunakan ayat yang gramatis.



Fobia Tanpa Telefon Bimbit?



Aktiviti

1. Dengar bahan yang diujarkan dengan telitinya dan catat perkataan, istilah, rangkai kata, kata nama, kata pinjaman, dan ungkapan yang berkaitan dengan tajuk.
2. Terangkan maksud perkataan, istilah, rangkai kata, kata nama, kata pinjaman, dan ungkapan yang telah dicatat dengan betulnya secara bertatasusila.
3. Hasilkan dialog dengan menggunakan perkataan, istilah, rangkai kata, kata nama, kata pinjaman, dan ungkapan dalam pelbagai ujaran. Kemudian, lakonkannya.



TEMA 2

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

Hindari Nomofobia

Penggunaan telefon bimbit dalam bidang telekomunikasi amat meluas pada masa ini. Dalam keadaan tertentu, penggunaan telefon bimbit menjadi tidak terkawal. Tahukah anda bahawa terdapat ketagihan tingkah laku yang berkait dengan penggunaan telefon bimbit secara berlebihan? Ketagihan tingkah laku ini digelar nomofobia.





Pandangan Netizen selepas Mendapat Tahu tentang **NOMOFOBIA**



Hajah Norma binti Sanid

Oktober 14 8:46am

Saya bersyukur kerana penggunaan telefon bimbit dalam kalangan anak saya masih terkawal. Saya akan berikhtiar untuk mengawal mereka dalam penggunaan alat telekomunikasi ini. Saya bimbang jika mereka terleka hingga mengabaikan pelajaran. Lebih parah lagi, jika mereka tidak dapat membezakan antara dosa dengan pahala.

Kongsi

Mesej



Teh Lah Hoong

Oktober 14 8:47am

Ketagihan tingkah laku ini amat berbahaya! Siapa sangka gajet canggih ini akhirnya membahayakan kita pula? Anak lelaki saya juga sudah kurang berinteraksi dengan saya sejak dia memiliki telefon bimbit. Agaknya, dia juga sudah terkena nomofobia ini. Ketagihannya ini mesti diatasi dengan segera. Jika tidak, risiko yang dihadapi akan bertambah.

Suka

Komen

Kongsi

Mesej



Amarjeet Kaur

Oktober 14 8:48am

Menurut kawan saya, nomofobia juga mengakibatkan seseorang mengalami insomnia. Akibat nomofobia, seseorang sanggup bersengkang mata pada waktu malam menghadap skrin telefon bimbit. Secara automatik, kualiti tidur mereka terjejas. Saya fikir, prestasi kerja atau akademik seseorang murid juga pasti terjejas jika keadaan ini berterusan.

Suka

Komen

Kongsi



Cerna Minda

Terokai maklumat tentang kesan-kesan lain nomofobia terhadap kesihatan seseorang.

- 1.2.1 Mendengar dan menerangkan maksud perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks secara bertatasusila.
- 5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama dan kata pinjaman dengan betul.

TEMA 2

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa



Menulis



Seri Bahasa

Harum Memikat Hati



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, lengkapkan maklumat dan hasilkan penulisan tentang perkara tersebut.
2. Dendangkan seloka.
3. Nyatakan maksud tersurat dan huraikan maksud tersirat yang terdapat dalam seloka tersebut.



TEMA 2

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

Kebersihan Suatu Kemestian

Risha terlihat paparan iklan pada badan sebuah lori. Dia teringat akan Hazim, rakan baiknya yang mempunyai masalah badan berbau.

Badan Berbau?

Setiap Masalah Tentu Ada Penyebabnya.

Punca masalah bau badan

- Badan yang cepat berpeluh

.....

.....

.....

Usah biarkan masalah ini mengganggu kehidupan seharian anda.

Cara-cara mengatasi masalah badan berbau

01
Mandi dengan kerapnya dan gunakan sabun antiseptik

02
Gunakan deodoran

03
?

04
?

05
?

06
?

Petua untuk menghilangkan bau badan

1. Potong timun kepada beberapa kepingan dan gosokkannya pada badan ketika mandi. Bilas badan dengan air bersih.
2. Rendam bunga cengkih di dalam secawan air panas sehingga kembang, minum air tersebut apabila suam.
3. Hiris limau purut untuk disapu pada ketiak.

Seloka Bersihkan Diri

Malang sungguh nasib dirimu
wajah tampan cantik jelita
tapi badan tidak terjaga
bau busuk tidak terkira
tiada guna berwajah cantik
atau juga tampil menarik
ke mana sahaja langkah kauatur
kawan-kawan hindarkan diri
bersihkan selalu anggota badan
biar wangi seharum kesturi
rakan taulan pasti dekati
hidup yakin tenang di hati.

Alias bin Derais
Shah Alam, Selangor



Cerna Minda

Dapatkan petua-petua lain untuk mengatasi masalah badan berbau. Kongsi petua tersebut dengan rakan anda.

3.3.1 Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat.

4.1.2 Memahami dan mengapresiasi karya puisi dengan memberikan respons peribadi tentang maksud tersurat dan tersirat dalam sesuatu puisi.



Pengukuhan

Anda Mahu Sihat?



Aktiviti

1. Teliti maklumat yang diberikan.
2. Tafsirkan maklumat bergambar dan hasilkan penulisan untuk mengemukakan pendapat yang rasional menggunakan ayat yang gramatis.

TEMA 2

Bersih Selalu, Sihat Sentiasa



Amalan Sihat Sepanjang Masa



TEMA 3

KECERGASAN MENINGKAT, KETERAMPILAN MEMIKAT

“Halangan tidak seharusnya menghentikan anda. Sekiranya anda berlari untuk melepasi sebuah dinding, jangan menoleh dan mengalah. Carilah jalan untuk memanjatnya dan berusaha untuk melepasi.”

- Michael Jordan
(Pemain Terkemuka Bola Keranjang)

- Daripada Sebuah Basikal ...
- Manfaat Berbasikal
- Larian Bendang
- Larian Bendang Sungai Manik
- Bangkit Bersama
- Kembara Chinlone
- Kayuhan Emas Jaguh Malaysia



Kayuhan Ria untuk Sejahtera



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Dengar ceramah dan teliti bahan di bawah.
2. Kategorikan maklumat yang terdapat daripada kedua-dua bahan.
3. Berbuallah tentang maklumat tersebut.



TEMA 3

Kecergasan Meningkat, Keterampilan Memikat

Daripada Sebuah Basikal ...

Semasa berkunjung ke sebuah taman, Izzatul dan Melissa tertarik akan sebuah papan tanda mengenai manfaat berbasikal.

Wah, banyaknya
kebaikan berbasikal!

MANFAAT BERBASIKAL

TEMA 3

- Merawat arthritis.
- Merehatkan minda.
- Menurunkan kadar kolesterol.
- Menguatkan tulang.

Fakta Berbasikal

- Berbasikal satu jam membakar 1050 kalori.
- Berbasikal 32 kilometer seminggu mengurangkan 50 peratus risiko penyakit jantung.

(Sumber: www.aktif.myhealth.gov.my/berbasikal/)

Ya, betul.

Kecergasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat



Cerna Minda

Berbincanglah tentang kebaikan aktiviti riadah yang lain.



1.3.1 Mendengar dan mengkategorikan maklumat yang terdapat dalam pelbagai wacana, serta memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat dan bermakna mengikut konteks.



Larian Bendang



1. Baca dan analisis maklumat penting bahan di bawah ini.
2. Buat perancangan anda untuk menyertai aktiviti tersebut.
3. Kenal pasti kata adjektif yang terdapat dalam petikan dan bina ayat daripada kata adjektif tersebut.

TEMA 3

Kecergasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat

Semasa beriadah, Rasyif, Navein, dan May Kuan begitu teruja apabila melihat poster larian bendang. Sudah lama mereka mahu menyertai aktiviti larian ini yang penuh dengan cabaran walaupun jarak lariannya dekat.



Tarikh: 15 Mac 20□□
Masa: 6:45 pagi
Tempat: Pekarangan Dewan Komuniti,
 Kuala Sungai Manik, Perak

LARIAN BENDANG

Syarat-syarat Pertandingan

1. Terbuka kepada warganegara Malaysia yang berani dan sihat.
2. Kategori penyertaan ialah individu dan keluarga.
3. Kategori individu ialah veteran, dewasa, dan murid sekolah.
4. Kategori keluarga terdiri daripada ibu, bapa dan seorang anak.
5. Yuran penyertaan individu ialah RM10.00 manakala yuran sebuah keluarga ialah RM20.00.
6. Peserta yang paling cepat sampai ke garisan penamat dan patuh kepada syarat-syarat larian dikira sebagai pemenang.
7. Tarikh tutup penyertaan adalah pada pukul 4:00 petang 10 Mac 20□□.

**HADIAH
 KESELURUHAN
 RM15 000.00**

Hubungi: **012-3456 789 (Azharudin bin Ramli)**

Larian Bendang

Sungai Manik



Tip untuk Menyertai Larian Bendang

- Kuat fizikal dan mental.
- Tekun berlatih untuk membina stamina.
- Melakukan aktiviti pemanasan dan regangan sebelum berlari.

Keunikan

Larian Bendang

- Peserta berlari di atas permatang bendang, di dalam bendang, dan merentas sungai.
- Para peserta lelaki dimestikan memakai kain pelekat dan semutar.
- Pada setiap tempat pemeriksaan, peserta akan diberi anak pokok padi.



Cerna Minda

1. Cari maklumat tambahan mengenai larian kemasyarakatan.
2. Sejauh manakah larian itu memberikan kebaikan kepada masyarakat?

2.2.2 Membaca dan menganalisis maklumat daripada pelbagai bentuk panduan dengan memberikan respons peribadi yang sesuai.

5.1.2 Memahami dan menggunakan kata adjektif dalam ayat mengikut konteks.

TEMA 3

Kecergasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat



Memacu Mutu Sukan Negara



1. Dengar dan tonton bahan. Kemudian, analisis maklumat yang terdapat dalam bahan.
2. Kenal pasti kiasan dan peribahasa yang terdapat dalam bahan.
3. Tulis pendapat anda dalam satu perenggan dengan memasukkan kiasan dan peribahasa yang diperoleh daripada bahan.



TEMA 3

Kecergasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat

Bangkit Bersama

Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) merupakan sukan dwitahunan yang menghimpunkan atlet Asia Tenggara. Para atlet bagaikan perajurit negara bertanding dengan penuh semangat untuk negara. Namun demikian, sukan ini tetap menjadi wadah memperkukuh hubungan negara ASEAN sejajar dengan peribahasa seikat bak sirih, serumpun bak serai.

Sukan SEA mempunyai nilai yang amat penting kepada negara kita. Menerusi sukan inilah lahir atlet-atlet yang menjadi ayam tambatan. Mereka berlatih bagaikan jentera yang tidak mengenal penat lelah. Semasa bertanding, mereka berjuang seperti harimau lapar yang dahagakan kejayaan. Jasa mereka tetap dikenang sepanjang masa, bak peribahasa harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.


Selain itu, negara kita turut cemerlang sebagai tuan rumah Sukan SEA. Semasa Sukan SEA ke-29 pada tahun 2017, upacara perasmian pembukaan dan penutupan telah menjadi buah mulut masyarakat serantau. Kejayaan ini meletakkan negara kita duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara penganjur sukan dunia yang lain.

Tahun	Tuan Rumah	Bilangan Atlet	Kedudukan	Emas	Perak	Gangsa
2009	Laos	348	4	40	40	59
2011	Indonesia	608	4	58	50	81
2013	Myanmar	568	5	43	38	77
2015	Singapura	641	4	62	58	66
2017	Kuala Lumpur	844	1	145	91	88

(Sumber: <https://www.nsc.gov.my/kejohanan/sukan-sea/>)



Datuk Rajamani a/p Mailvaganam
- Atlet Olahraga



Datuk Misbun bin Sidek
- Atlet Badminton



Khairul Hafiz bin Jantan
- Atlet Olahraga



Mohd Qabil Ambak bin
Dato' Seri Mahamad Fathil
- Atlet Ekuestrian



Meningkatkan patriotisme



Mengukuhkan perpaduan



Cerna Minda

1. Buat perbandingan antara pencapaian Malaysia dalam Sukan SEA terkini dengan pencapaian Malaysia dalam Sukan SEA sebelumnya.
2. Cipta lagu untuk pasukan sorak sekolah anda.



- 3.2.1 Menulis untuk mengemukakan pendapat yang rasional tentang sesuatu perkara yang dibaca, didengar dan **ditonton** menggunakan ayat yang gramatis.
- 4.2.1 Menggunakan kiasan dan peribahasa dengan betul mengikut konteks.



Chinlone, Oh, Chinlone!



1. Dengar bahan rakaman dan bahan yang dibaca. Kemudian, analisis maklumat dalam bahan tersebut.
2. Hasilkan cerita pendek dan sampaikan secara kreatif.



TEMA 3

Kecergasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat

Kembara Chinlone

Chinlone ialah permainan tradisional masyarakat Myanmar. Permainan ini agak asing bagi rakyat Malaysia, namun permainan ini mula berkembang di negara kita menerusi kembara chinlone.



- mengikuti ayahnya bertugas di Myanmar - diperkenalkan dengan sukan chinlone



- bermain chinlone dengan rakan - rakan Myanmar - dibimbing jurulatih berpengalaman - mahir bermain



- terpaksa pulang ke Malaysia - tugas ayah di Myanmar tamat - sedih terpaksa meninggalkan sukan chinlone



Sebelum pulang - berjumpa dengan jurulatihnya - berpesan agar memartabatkan sukan chinlone di Malaysia



- menyertai skuad chinlone negara - berlatih untuk Sukan SEA - gigih dan tekun



- perlawanan akhir, bertemu dengan pasukan Myanmar - bekas rakan sepasukannya dan bekas jurulatihnya - sengit - skuad negara menang - berbangga

Sejarah Permainan

- Wujud sejak 1500 tahun lalu.
- Tujuannya menghiburkan keluarga diraja Myanmar.
- Menggabungkan sukan, tarian, dan seni bela diri.



Cara Permainan

- Enam orang pemain membentuk satu bulatan.
- Seorang pemain akan menimang bola di tengah-tengah bulatan.
- Pemain itu akan menghantar bola kepada pemain lain dalam pasukannya.

Bahagian Anggota Kaki yang Digunakan untuk Menimang Bola

- Hujung jari.
- Tapak kaki.
- Bahagian dalam tapak kaki.
- Bahagian luar tapak kaki.
- Tumit.
- Lutut.

Pengiraan Markah

- Mata diperoleh daripada timangan yang sempurna.
- Pasukan yang paling banyak menimang bola dipilih sebagai pemenang.
- Tempoh masa timangan ialah 10 minit.
- Jika bola yang ditimang jatuh, pengiraan mata akan dilakukan semula.

TEMA 3

Kecergasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat



Cerna Minda

1. Buat perbandingan antara sukan chinlonne dengan sepak raga bulatan.
2. Buat pertandingan chinlonne antara kumpulan.

1.3.2 Mendengar dan menganalisis maklumat yang terdapat dalam pelbagai wacana serta memberikan respons yang betul, tepat dan bermakna.



Sebutir Permata di Persada Dunia



1. Baca bahan grafik dan nyatakan maklumat tersurat dan tersirat yang terdapat dalamnya.
2. Buat ulasan keseluruhan tentang bahan tersebut.



TEMA 3

Kecergasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat

Kayuhan Emas Jaguh Malaysia

Mohd Azizulhasni bin Awang merupakan jaguh dunia dalam sukan lumba basikal. Sejarah pelibatangannya dalam sukan ini berputik selepas beliau menerima hadiah sebuah basikal daripada ayahnya. Banyak kejayaan yang dicapai oleh beliau pada peringkat antarabangsa. Kejayaan ini telah mengharumkan nama negara.

- Dilahirkan pada 5 Januari 1988.
- Anak kelapan daripada sembilan orang adik-beradik.
- Mendapat pendidikan awal di Dungun, Terengganu dan Sekolah Sukan Bukit Jalil serta Universiti Deakin, Australia.



- Betsinya pernah tertusuk serpihan kayu pada Siri Piala Dunia Klasik UCI di Manchester, 2011 tetapi beliau tetap meneruskan kayuhannya.
- Beliau melelong sarung tangan yang dipakainya semasa Sukan Olimpik 2016 dan hasil lelongan itu didermakan kepada sebuah pusat pendidikan.

- Digelar *The Pocket Rocketman* kerana bertubuh kecil dan mempunyai kayuhan yang mantap.
- Rakyat Malaysia yang pertama memenangi pingat gangsa dalam acara lumba basikal (trek) di Sukan Olimpik.

TEMA 3

Kecergasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat

Tahun	Kejohanan	Pencapaian
2018	Sukan Asia, Jakarta, Palembang.	Pingat Emas Acara Pecut
2017	Sukan SEA, Kuala Lumpur.	Pingat Emas Acara Pecut dan Keirin
2017	Kejohanan Dunia, Hong Kong.	Pingat Emas Acara Keirin
2017	Kejohanan Asia, New Delhi.	Pingat Emas Acara Pecut
2016	Sukan Olimpik, Rio Brazil.	Pingat Gangsa Acara Keirin
2016	Kejohanan Dunia, London.	Pingat Gangsa Acara Keirin
2015	Kejohanan Dunia, Saint-Quentin-en-Yvelines, Perancis.	Pingat Gangsa Acara Keirin



Cerna Minda

1. Tuliskan satu biografi tentang tokoh yang lain.
2. Bentangkan hasil biografi tersebut kepada kelas.

2.2.3 Membaca dan memahami serta membuat ulasan keseluruhan maksud sesuatu bahan grafik.



A. Baca teks di bawah dengan telitinya, kemudian buat tugas yang berikutnya.

Konsep Pembelajaran Masa Depan

Dalam tempoh sepuluh tahun lagi, suasana bilik darjah konvensional dengan susunan meja dan bangku yang menghadap papan putih seperti yang terdapat di sekolah sekarang sudah pasti berubah. Dengan cabaran pendidikan yang semakin getir, ruang kuliah yang kondusif dan penggunaan teknologi moden diperlukan untuk melahirkan murid yang berdaya kreatif serta berfikiran luas.

Makalah dalam *elearningindustry.com* menyatakan bahawa susun atur bilik darjah perlu diubah suai bagi menggalakkan pembelajaran secara individu dan kolaboratif. Pengaturan perabot di dalam bilik darjah perlu lebih fleksibel supaya murid dapat bergerak dan menjalankan tugas sama ada secara individu atau bersama-sama dengan rakan.

Bilik darjah juga seharusnya mempunyai ruang untuk murid mengekspresikan idea dan pendapat secara nyata. Mereka boleh menulis pada permukaan meja dan dinding bilik darjah, tidak lagi pada kertas semata-mata. Hal ini bukanlah suasana yang baharu kerana beberapa buah sekolah di luar negara telah mengamalkannya. Murid-murid diberi peluang untuk menjanakan idea dan maklumat secara interaktif dan kreatif.

Dalam penggunaan teknologi pula, persekitaran pembelajaran maya menjadi nadi penting kepada murid dan guru untuk berinteraksi. Biasanya, satu laman sesawang akan digunakan untuk guru menyampaikan bahan pengajaran kepada murid. Selain itu, penggunaan teknologi realiti tertambah menyediakan satu pengalaman pembelajaran yang cukup bererti kepada murid. Teknologi ini mampu meningkatkan daya imaginasi murid supaya pembelajaran tampak lebih realistik dengan penggunaan kaca mata khas.

Kesimpulannya, suasana pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel diperlukan untuk merangka suasana bilik darjah pada masa hadapan. Hal ini penting untuk membantu perkembangan akal murid secara holistik. Pemikiran kognitif mereka juga akan berkembang secara kreatif dan inovatif bagi melahirkan bangsa yang berilmu dan berfikiran luas.

(Dipetik dan diubah suai daripada artikel *Pencetus Pembelajaran Interaktif dan Efektif* dlm. *Dewan Masyarakat Bil. 2*, 2018. Dewan Bahasa dan Pustaka)

1. Senaraikan **empat** kata nama pinjaman daripada petikan di atas dan hasilkan ayat daripada perkataan-perkataan tersebut.
2. Mengapakah susun atur bilik darjah pada masa hadapan perlu berbentuk fleksibel berbanding dengan masa sekarang?
3. Pada pendapat anda, wajarkah bidang pendidikan negara kita meningkatkan penggunaan teknologi semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas? Jelaskan pendapat anda itu.

B. Baca teks di bawah dengan telitinya, kemudian buat tugas yang berikutnya.

Pada pagi itu, aku duduk di beranda rumah datuk. Penat menaiki kapal terbang dari Kuala Lumpur ke Bumi Kenyalang ini masih terasa. Tiba-tiba datuk muncul di hadapanku.

“Adi, mari ikut datuk. Kita ke Pesta Kaul. Di sana macam-macam ada.”

Tanpa berlelah, aku menyusun langkah mengikut datuk. Dari jauh aku melihat dua batang kayu tegak berdiri.

“Apakah itu, datuk?” Aku bertanya penuh hairan.

“Itulah tibow, Adi. Setiap kali Pesta Kaul diadakan, permainan inilah yang popular.”

Sekumpulan budak Melanau berlari laju ke arah tiang itu. Salah seorang daripada mereka berbuai riang di tali itu, manakala budak-budak yang lain duduk di tempat duduk bertingkat di belakang buaian itu. Tidak lama kemudian, beberapa orang budak lain melompat ke arah tali yang berbuai itu. Aku kagum akan kelincahan mereka. Mereka menjerit dengan kuatnya. Jeritan mereka **benar-benar menggerakkan adrenalinaku**.

“Kamu tidak mahu bermain tibow itu? Pergilah.”

Aku pantas pergi ke tempat duduk yang bertingkat-tingkat itu. Budak-budak yang duduk di situ memberi ruang kepada aku. Apabila tali buaian itu semakin hampir, aku melompat kepada tali itu. Aku memegang tali itu dengan kuat. Perasaan gayat, takut, seronok, dan berdebar bercampur baur dalam diriku. Tanpa aku sedar, aku juga menjerit seperti remaja yang lain.

1. Apakah maksud frasa **benar-benar menggerakkan adrenalinaku** dalam petikan di atas?
2. Senaraikan **lima** kata adjektif yang terdapat dalam petikan di atas dan bina ayat.
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah permainan tradisional seperti tibow dapat terus dikekalkan untuk generasi yang akan datang?
4. Berdasarkan petikan, tandakan (✓) bagi maklumat yang tepat dan (x) bagi maklumat yang salah.
 - a) Permainan tibow dimainkan oleh remaja Melanau pada masa lapang. ()
 - b) Datuk Adi cinta akan warisan bangsanya dan mahu Adi kenal akan warisan itu. ()
 - c) Permainan tradisional seperti tibow mampu membina sikap positif dalam kalangan remaja. ()




C. Lihat poster di bawah dengan telitinya. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

TEMA 3

Kecergasan Meningkatkan, Keterampilan Memikat

KEMPEN DERMA DARAH

1 BEG DARAH MAMPU SELAMATKAN 3 NYAWA



SYARAT ASAS PENDERMA

- Sihat tubuh badan.
- Berumur antara 17 tahun hingga 70 tahun untuk penderma yang pertama kali menderma darah.
- Penderma yang berumur 17 tahun perlu mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa.
- Berat badan 45 kilogram ke atas.
- Menetap di Malaysia sekurang-kurangnya setahun.

Unit bergerak kami berada di:

Tarikh:

Tempat:

Masa:

PUSAT DARAH NEGARA

www.pdn.gov.my

Tel.: 03-2613 2657/ 2658

Faks.: 03-2613 2657/ 2658

E-mel: pro_pdn@moh.gov.my

[#jomdermadarah](https://www.instagram.com/jomdermadarah)

(Sumber: www.pdn.gov.my)

TEMA 4

WASPADA SELALU!

Jaga batas pergaulan

Belajar berenang Gunakan pelampung
Pakai topi keledar Periksa kenderaan
Jangan dedahkan maklumat sulit

BERHENTI

Jaga kebersihan persekitaran

Berhati-hati di tempat sunyi

Berbasikal dengan selamatnya

Kecuaian membawa

padah

- Gangguan Seksual
- Keselamatan di Air
- Kepentingan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya
- Etika dalam Media Sosial
- Hindari Penyakit Rabies
- Panduan Menghadapi Penyakit Rabies

*“Amalan selamat
membawa manfaat,
menghindari mudarat.”*

- Shahrnizam bin Mohd Taib
(Penyair)



Jagalah Diri



TEMA 4

Waspada Selalu!




1. Dengar rakaman rancangan radio dengan telitinya. Kemudian, analisis isu yang dibicarakan dalam rancangan tersebut dengan menggunakan peta pokok di bawah.
2. Berdasarkan bahan, lakonkan perbualan antara Syahira dengan kawan-kawannya secara bertatasusila.



Gangguan Seksual

Dalam perjalanan ke sekolah, Syahira mendengar radio. Rancangan radio sedang membicarakan isu gangguan seksual. Di sekolah, pada petang itu, ada perjumpaan Pembimbing Rakan Sebaya di Bilik Kaunseling. Syahira telah berbual-bual dengan rakannya tentang isu tersebut sementara menunggu kedatangan guru kaunseling.





GANGGUAN SEKSUAL

Jika hal ini berlaku ...

Menyentuh anda

Sentuhan terjadi dengan cara menepuk, mencubit, atau menggeselkan badan.

Meraba anda

Ada individu yang bertindak berani dengan cara mencuba untuk meraba, memeluk, dan mencium anda.

Menunjukkan bahan lucah


Ada individu menunjukkan bahan lucah dalam bentuk foto, video, audio, lukisan, surat, nota, e-mel, dan sebagainya.

Menunjukkan perbuatan tidak senonoh

Ada individu yang membuka baju di depan anda, berkata yang bukan-bukan, serta menunjukkan isyarat menggoda melalui pergerakan tangan, badan, dan mata.

Jangan rahsiakan, beritahu seseorang.

Apabila diganggu, jangan panik. Bertindak terhadap titik lemah penyerang seperti yang berikut:



Lemahkannya dengan tangan

Mata

Hidung

Leher

Lemahkannya dengan kaki

Lutut

Tulang kering

Kaki

Lemahkannya dengan lutut, kaki, dan tangan

Alat sulit

TEMA 4

Waspada Selalu!

Segera bertindak dan dapatkan bantuan.



Cerna Minda

1. Kenal pasti punca masalah ponteng berlaku. Kemudian, bersoal jawablah dan senaraikan punca masalah tersebut.
2. Bincangkan cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut dan bentangkan.



1.4.1 Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang **didengar**, ditonton atau dibaca dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.



Beriadah dengan Selamatnya

TEMA 4

Waspada Selalu!



1. Jawab soalan-soalan yang berikut berdasarkan bahan grafik.
 - i. Nyatakan tanda-tanda fenomena kepala air.
 - ii. Apakah amaran yang perlu dipatuhi semasa beriadah di air?
 - iii. Jelaskan cara untuk memastikan keselamatan diri semasa beriadah di air.
2. Berdasarkan bahan grafik, tulis ulasan keseluruhan tentang keselamatan semasa beriadah di air.



Keselamatan di Air

Mandi di kawasan yang selamat.

Berhati-hati di kawasan yang berbatu.

Berhati-hati dengan tanda fenomena kepala air seperti yang berikut:

- Keadaan langit yang gelap di hulu sungai disertai dengan bunyi guruh yang kuat.
- Bunyi dentuman gerakan batu-batu dan air dari hulu sungai.
- Air sungai berbuih dan meningkat secara tiba-tiba.

Tinggalkan kawasan sungai dengan serta-merta jika terdapat tanda-tanda seperti ini.



Info Bestari

Kepala air bermaksud gelombang aliran air yang mengejut dalam kuantiti yang banyak, mengalir dari hulu sungai atau air terjun ke sungai utama. Kejadian ini berpunca daripada hujan lebat yang turun di hulu sungai.

Usah berenang terlalu jauh ke tengah laut tanpa pengawasan.

Ketahui kemampuan diri. Jangan berenang terlalu lama.

Gunakan pelampung jika tidak tahu berenang.

Ketahui kedalaman kolam renang.

Gunakan tangga.

Peraturan di Kolam Renang



Awasi anak anda



Dilarang berlari



Pakai pakaian renang



Dilarang terjun, kolam cetek



Basahkan badan



Dilarang berenang bersendirian



Cerna Minda

Melalui carian di Internet, dapatkan papan tanda di kawasan riadah yang lain. Jelaskan amaran keselamatan yang terdapat pada papan tanda tersebut kepada kelas.

2.2.3 Membaca dan memahami serta membuat ulasan keseluruhan maksud sesuatu bahan grafik.



Berhemah di Jalan Raya

TEMA 4

Waspada Selalu!



1. Baca dan kenal pasti isi yang terdapat dalam bahan.
2. Susun isi dan sediakan kerangka penulisan. Berikan tajuk yang sesuai untuk kerangka penulisan tersebut.



Kepentingan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) mula diperkenalkan pada tahun 2007 secara rintis kepada semua murid tahun satu. Pembelajaran PKJR ini dijalankan melalui penyerapan ilmu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pelaksanaan PKJR di sekolah rendah dan di sekolah menengah memberikan beberapa manfaat kepada murid.

Melalui pembelajaran PKJR, murid dapat mempelajari peraturan-peraturan jalan raya. Misalnya, mereka belajar tentang cara untuk melintas jalan dan menunggang basikal dengan selamatnya. Mereka juga belajar tentang maksud lambang-lambang yang terdapat di jalan raya. Pengetahuan tentang hal ini penting untuk menjadikan mereka pengguna jalan raya yang berhemah.



Info Bestari

1. Kerangka penulisan mestilah mengandungi perkara yang berikut:
 - Pendahuluan.
 - Isi-isi.
 - Penutup.
2. Kerangka penulisan boleh ditulis dalam bentuk:
 - Peta pemikiran.
 - Jadual.

Tidak menunggang kenderaan dalam keadaan cuaca buruk

Tidak memegang gajet semasa menunggang

HINDARI

Memastikan keadaan tayar kenderaan elok

Menunggang kenderaan dalam keadaan terang

Selain itu, pembelajaran PKJR juga dapat mendidik murid-murid tentang nilai-nilai murni di jalan raya. Nilai-nilai yang baik ini patut dipelajari agar mereka tidak bertindak ganas di jalan raya. Sebagai contoh, mereka tidak menjadikan jalan raya sebagai tempat untuk berlumba. Pembelajaran PKJR dapat menyedarkan mereka agar menggunakan jalan raya dengan selamatnya.

Memastikan lampu isyarat kenderaan berfungsi

Menyelenggarakan kenderaan secara berkala

Memakai topi keledar dengan sempurna

Menurap jalan yang rosak

KEMALANGAN

Dengan mempelajari PKJR, kerajaan berharap akan dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Bagi tujuan tersebut, kesedaran tentang keselamatan jalan raya perlu dipupuk sejak kecil lagi, bak kata peribahasa Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Kerajaan berharap agar murid-murid akan menjadi pengguna yang mematuhi peraturan jalan raya apabila mereka dewasa kelak.

Kesimpulannya, banyak manfaat yang diperoleh dengan mempelajari PKJR di sekolah. Oleh hal yang demikian, pembelajaran PKJR perlu diteruskan dan dilakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Dengan itu, kita berharap agar jalan raya di Malaysia menjadi tempat yang selamat.

(Sumber: <https://sites.google.com/site/webpkjr/laman-web-pkjr>)



Cerna Minda

Layari portal rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia (www.mot.gov.my/my/highlights) untuk mendapatkan infografik tentang pengangkutan di Malaysia. Kemudian, bina kerangka penulisan berdasarkan infografik tersebut.

3.4.1 Menulis kerangka penulisan dengan menyusun isi secara terancang.

TEMA 4

Waspada Selalu!



Mendengar dan Bertutur




Seni Bahasa

Berhati-hati di Alam Siber



Aktiviti

1. Bersoal jawablah secara bertatasusila berdasarkan bahan untuk mencambahkan idea tentang etika penggunaan media sosial.
2. Berdasarkan bahan, fikirkan satu idea untuk menghasilkan kerangka cerpen dengan menggunakan teknik meja bulat.
3. Berdasarkan kerangka tersebut, hasilkan cerpen.



TEMA 4

Waspada Selalu!

Etika dalam Media Sosial

ANDA DILARANG:

Mendedahkan maklumat sulit

Menyebarkan aib, berita palsu, fitnah, dan isu sensitif

Memberikan komen negatif

ETIKA DALAM MEDIA SOSIAL

Menyebarkan maklumat sulit
 Menyebarkan aib, berita palsu, fitnah, dan isu sensitif
 Memberikan komen negatif

AMALAN TERBAIK

Kegunaan media sosial adalah seperti berikut:

- Berbincang tentang pelajaran dengan guru dan rakan-rakan.
- Berkongsi nota-nota ulang kaji.
- Berkongsi maklumat yang memberikan manfaat.
- Bercerita tentang pengalaman yang wajar dikongsi.
- Menambah kenalan yang berfikiran positif.

TEMA 4

Waspada Selalu!

Mengikuti akaun media sosial yang merosakkan fikiran

Berkongsi maklumat yang tidak sah

Membuli pengguna media sosial



Cerna Minda

Anjurkan pertandingan menulis cerpen. Kumpulkan cerpen terbaik dan sebarkan untuk bacaan khalayak.



Info Bestari

Proses Penulisan Cerpen

1. Pramenulis
 - Memikirkan idea dan menyediakan kerangka cerpen.
2. Menulis draf
 - Menulis berdasarkan kerangka yang telah dibina dan memasukkan idea baharu jika ada.
3. Menyemak dan menulis cerpen semula
 - Membuang, menambah, memperbaiki, dan menulis cerpen semula untuk meningkatkan mutu penulisan.
4. Menyunting
 - Meneliti ejaan, tanda baca, kesalahan bahasa, urutan idea, pemerenggan, dan pemilihan perkataan.

Cerpen yang anda tulis boleh diterbitkan dengan cara:

- Menghantar cerpen untuk terbitan surat khabar atau majalah.

1.5.1 Bersoal jawab untuk mencambahkan idea secara kritis dan bertatasusila.

4.3.1 Menghasilkan cerpen secara terancang dengan menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan menarik.

Awas, Penyakit Berjangkit!



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, tulis jawapan bagi soalan-soalan yang berikut secara kritis.
 - i. Bagaimanakah cara untuk mengenal penyakit rabies?
 - ii. Berdasarkan jadual, nyatakan sejauh mana perkembangan penyakit rabies di Malaysia.
 - iii. Pada pandangan anda, apakah peranan masyarakat dalam mengawal penyakit rabies?
2. Senaraikan kata sendi nama yang terdapat dalam bahan.
3. Bina ayat dalam perenggan dengan menggunakan kata sendi nama tersebut.



TEMA 4

Waspada Selalu!

Hindari Penyakit Rabies

Penyakit rabies atau anjing gila ialah penyakit yang disebabkan oleh jangkitan virus *lyssaviruses*. Virus ini dibawa oleh haiwan seperti anjing, kucing, dan kelawar. Jangkitan berlaku apabila haiwan yang terkena jangkitan ini menggigit atau mencakar haiwan lain atau manusia. Air liur daripada haiwan tersebut merupakan agen penyebar virus *lyssaviruses*.

Kes Jangkitan Penyakit Rabies di Malaysia sejak Tahun 1992

Negeri	Tahun	Bilangan Kes
Sarawak	2017	5 (mati)
Perlis	2015	22
Kedah	2015	18
Pulau Pinang	2015	4
Kedah	1998	1 (mati)
Kedah	1997	3 (mati)
Kedah	1992	1 (mati)
	Jumlah	54 (10 kematian)

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



Ciri-ciri Anjing Pembawa Penyakit Rabies

Panduan Menghadapi Penyakit Rabies



Tindakan yang perlu diambil jika digigit:

- * Segera cuci bahagian yang digigit dengan sabun dan air bagi menghilangkan kesan air liur.
- * Dapatkan rawatan luka di pusat kesihatan atau hospital yang berhampiran secepat mungkin.
- * Sekiranya anda diberikan suntikan vaksin antirabies secara berkala, patuhi arahan doktor.

Gejala yang berlaku setelah virus menyerang sistem saraf pusat:

- * Keresahan dan kegelisahan.
- * Perubahan sikap secara tiba-tiba.
- * Kekeliruan.
- * Takut akan air.
- * Kesukaran menelan makanan.
- * Insomnia.
- * Lumpuh.



Tanda dan gejala penyakit rabies

Pesakit akan menunjukkan tanda-tanda seperti yang berikut selepas 20 hingga 60 hari terkena gigitan:

- * Demam.
- * Sakit dan lenguh pada tempat gigitan.
- * Kelesuan otot badan.
- * Sakit kepala.

Pencegahan jangkitan rabies:

- * Pastikan anjing peliharaan anda diberikan suntikan vaksin antirabies.
- * Tidak digalakkan memberikan makanan kepada haiwan pembawa virus *lyssaviruses* seperti anjing, kucing, dan kelawar.
- * Pastikan bekas sampah ditutup sepenuhnya agar haiwan pembawa virus rabies tidak datang menyelongkannya.
- * Jangan dekati haiwan pembawa virus *lyssaviruses* agar tidak digigit oleh haiwan tersebut.



Cerna Minda

Hasilkan folio tentang penyakit berjangkit yang berpunca daripada haiwan. Kemudian, paparkan folio tersebut di dalam kelas.

3.3.2 Menulis dan menjawab pelbagai soalan secara kritis dengan betul.

5.1.3 Memahami dan menggunakan kata tugas dalam ayat mengikut konteks.




Teka Silang Kata



Lengkapkan teka silang kata di bawah dengan perkataan yang tepat dan bandingkan jawapan dengan rakan anda.

TEMA 4

Waspada Selalu!



Melintang

1. Jangan ____ ke dalam kolam tetapi gunakan tangga.
7. Anda mestilah berhati-hati ____ orang yang mencurigakan.
10. Tanda amaran itu diletakkan di tepi kolam renang sebagai peringatan ____ orang ramai.
12. Azira terlantar di hospital ____ minggu lalu kerana menghidap penyakit rabies.
14. Jangan berjalan di tempat ____ bersendirian untuk mengelakkan gangguan seksual.
15. Pancuran paip air disediakan ____ pengguna kolam membasahkan badan.
16. Penghidap penyakit rabies perlu mendapat ____ antirabies agar penyakit tidak melarat.

Menegak

2. Risalah di atas meja itu ____ panduan keselamatan menggunakan media sosial.
3. Adik mandi di air terjun ____ ayah sebagai langkah berjaga-jaga.
4. Mereka mendapat penerangan tentang penyakit rabies ____ doktor.
5. Komputer anda perlu dipasang perisian ____ untuk menjamin keselamatan dokumen.
6. Gunakan media sosial untuk ____ maklumat yang bermanfaat.
8. Kita hendaklah menggunakan ____ jika tidak tahu berenang.
9. Penunggang motosikal diwajibkan memiliki ____.
11. Dapatkan rawatan dengan segeranya sebelum penyakit rabies ____ ke peringkat yang membahayakan.
13. Lintasan ____ merupakan tempat yang selamat untuk melintas jalan.

TEMA 5

DIRGAHAYU NEGARAKU

“Disiplin yang baik terbentuk daripada jati diri serta sikap yang baik dan kebaikan ini hasil daripada pemimpin dan teladan yang baik.”

- Tun Abdul Razak bin Hussein
(Perdana Menteri Malaysia Kedua)

- Kekurangan Bukan Halangan
- Sejarah Jalur Gemilang
- Citra Negara
- Semarak Patriotisme
- Tanah Pusaka Warisan Bangsa
- Dodol Kesedaran
- Pak Belang



Semangat Waja



IMBAS SAYA



Aktiviti


1. Dengar maklumat dengan telitinya. Kemudian, analisis isu yang terkandung dalam maklumat tersebut.
2. Laksanakan bicarawara tentang isu tersebut secara bertatasusila.



TEMA 5

Dirgahayu Negeraku

Kekurangan Bukan Halangan



Azzrulkhan Hasrullah bin Matsah (Adam)



Adam menawan Gunung Kinabalu di Sabah



Mendapat penghargaan



Gigih menghadapi cabaran





Mohd Sukur bin Ibrahim

- Dilahirkan tanpa tangan dan kaki.
- Mendapat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Menjalankan perniagaan membekal dan memasang permaidani sejak tahun 2010.
- Pernah gagal tiga kali dalam perniagaan kerana kelemahan pengurusan kewangan dan terikut-ikut dengan gaya hidup mewah.
- Menjadi penceramah motivasi dan penasihat dalam bidang kewangan.
- Memenangi Anugerah OKU Cemerlang Kebangsaan (Keusahawanan) pada tahun 2014.



Lee Thiam Wah

- Lumpuh dan berkerusi roda sejak kecil kerana menghidap polio.
- Bapanya buruh binaan dan ibunya seorang penjaja.
- Hanya mendapat pendidikan peringkat sekolah rendah selama enam tahun.
- Belajar membaca buku sendiri dengan meminjam buku daripada jiran.
- Semasa kecil menjual makanan ringan di tepi jalan.
- Memulakan perniagaan kedai runcit dengan wang simpanan RM5000.00 ketika berusia 23 tahun.
- Sekarang memiliki lebih daripada 570 buah cawangan kedai serbaneka di seluruh Malaysia.



Ruzimi bin Mohamed

- Dilahirkan tanpa sepasang kaki dan tangan kiri.
- Memiliki Ijazah Doktor Falsafah Sains Komputer daripada Universiti Teknologi Malaysia.
- Memiliki dua buah syarikat yang berkaitan dengan perniagaan pembangunan laman web, kursus motivasi, dan teknologi maklumat.
- Memiliki sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan jahitan dan sulaman.
- Mencipta motosikal roda tiga berkuasa bateri yang dinamai *Imi Creative Car* (ICC) bagi kegunaan Orang Kurang Upaya dan warga emas.

TEMA 5

Dirgahayu Negaraku



Cerna Minda

Baca berita tentang keistimewaan tokoh Orang Kurang Upaya yang lain pula. Kemudian, jalankan temu bual dengan menggunakan teknik main peranan.

1.4.2 Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang **didengar**, ditonton, atau dibaca dalam situasi formal secara bertatatusila.



Membaca



Seni Bahasa

Berkibar Megah



Aktiviti

1. Teliti infografik dan jawab soalan yang berikut:
 - i. Berapa kalikah bendera negara kita dipinda? Mengapakah pindaan itu dilakukan?
 - ii. Sudah berapa lamakah bendera Malaysia berkibar megah di negara kita?
2. Berdasarkan bahan, tulis ulasan keseluruhan.
3. Hasilkan puisi berdasarkan bahan dengan menggunakan bahasa yang indah dan menarik.



TEMA 5

Dirgahayu Negaraku

Sejarah Jalur Gemilang



Mohamed bin Hamzah

Jalur Gemilang yang dahulunya dikenali sebagai bendera Malaysia mempunyai tujuh jalur merah dan tujuh jalur putih serta bintang pecah 14 yang melambangkan 13 buah negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan. Pencipta asal bendera ini ialah Mohamed bin Hamzah.

Kuning

Warna diraja yang melambangkan kedaulatan raja-raja Melayu

Biru

Perpaduan rakyat Malaysia

Putih
Suci murni

Merah

Gagah dan berani

Mei 1948

Pertandingan mereka cipta bendera Persekutuan.

15 November 1949

Tiga reka bentuk bendera Persekutuan telah dipilih ke peringkat akhir.

19 April 1950

Majlis Perundangan Persekutuan meluluskan usul yang dibentangkan oleh Pemangku Ketua Setiausaha Negara.

28 November 1949

Mohamed bin Hamzah, arkitek kerajaan negeri Johor, telah memenangi pertandingan ini.

TEMA 5

19 Mei 1950

Reka bentuk bendera mendapat perkenan King George VI.

22 dan 23 Februari 1950

Mesyuarat Majlis Raja-Raja memperkenankan beberapa pindaan yang dilakukan terhadap rekaan bendera.

Dirgahayu Negaraku

26 Mei 1950

Bendera Persekutuan Tanah Melayu berkibar untuk kali pertamanya di pekarangan Istana Sultan Selangor, Kuala Lumpur.

16 September 1963

Rekaan bendera diubah suai seiring dengan penyertaan Singapura, Sabah, dan Sarawak dalam pembentukan Malaysia.

31 Ogos 1997

Jalur Gemilang diisytiharkan sebagai nama bendera Malaysia. Nama ini diilhamkan oleh Md. Rebuan@Md. Redzuan bin Tumin.

(Sumber: <http://pmr.penerangan.gov.my>)



Cerna Minda

Cipta logo untuk kelas anda. Kemudian, jelaskan maksud logo tersebut.



- 2.2.3 Membaca dan memahami serta membuat ulasan keseluruhan maksud sesuatu bahan grafik.
4.3.2 Menghasilkan puisi berdasarkan bahan rangsangan yang sesuai menggunakan bahasa yang indah dan menarik.



Negaraku Tercinta



1. Teliti bahan dan tentukan jenis penulisan karangan yang boleh dihasilkan daripada bahan tersebut.
2. Berdasarkan jenis penulisan karangan yang telah ditentukan, buat kerangka penulisan karangan tersebut dan cari maklumat tambahan. Kemudian, tulis karangan lengkap.

TEMA 5

Dirgahayu Negaraku

Citra Negara

Bunga Raya

- Diisytiharkan sebagai bunga kebangsaan pada 28 Julai 1960.



Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

- Tokoh yang mengisytiharkan kemerdekaan tanah air.
- Perdana Menteri Malaysia yang pertama.



Jata Negara

- Lambang yang diperkenankan dan diwartakan oleh raja-raja Melayu pada 30 Mei 1952.

Tugu Negara

- Monumen yang dibina bagi menghargai perjuangan dan pengorbanan perajurit yang mempertahankan tanah air terutama sewaktu perang dan ancaman komunis.

Lagu Negaraku

- Menjadi lagu kebangsaan negara yang mula diperdengarkan pada ariang 31 Ogos 1957.



Bangunan Parlimen

- Merupakan simbol demokrasi berparlimen.
- Menempatkan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.



Info Bestari

Terdapat dua jenis penulisan karangan, iaitu karangan berformat dan karangan yang tidak berformat.

Karangan berformat

- Ucapan/syarahan/ceramah/pidato
- Surat kiriman rasmi
- Surat kiriman tidak rasmi
- Berita
- Laporan
- Dialog/perbualan/wawancara
- Rencana

Karangan tidak berformat

- Karangan jenis gambaran
- Karangan jenis cerita
- Karangan jenis fakta
- Karangan jenis perbincangan

Bangunan Sultan Abdul Samad

- Dibina sebagai Pejabat Pentadbiran British.
- Pernah menjadi Kompleks Kehakiman yang menempatkan Mahkamah Persekutuan, Rayuan, dan Tinggi.



Cerna Minda

Rancang satu projek bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan di sekolah anda. Pamerkan projek tersebut.



3.4.5 Menulis sesuatu penulisan dengan wacana yang lengkap serta menggunakan bahasa yang gramatis dan kreatif.



Keranamu Malaysia



1. Tonton rakaman pidato untuk mendapatkan gambaran tentang aspek penyampaiannya.
2. Berdasarkan bahan, hasilkan pidato bertemakan patriotisme.
3. Sampaikan pidato dengan betul, jelas, dan intonasi yang sesuai. Minta rakan menilai pidato yang anda sampaikan dengan menggunakan borang yang disediakan.



TEMA 5

Dirgahayu Negaraku

Semarak Patriotisme

Gigih untuk memajukan negara dalam pelbagai bidang

Menyedarkan rakyat supaya berbakti kepada negara

Tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang

Melahirkan rakyat yang mengharumkan nama negara

Apakah kepentingan semangat patriotisme?

Berusaha untuk mencapai kejayaan yang membanggakan negara

Menggalakkan masyarakat agar berdisiplin dan berkelakuan baik

Keranamu
Malaysia

Negara Kita
Tanggungjawab Kita

Perpaduan
Teras
Kejayaan

Sejahtera
Malaysia



Tanah Pusaka Warisan Bangsa



Pagi telah bangkit
meninggalkan mimpi
lena telah jaga
sedang menanti khabar gembira.

Tuah di tanah ini kian terasa
bahagia menjelma segenap buana
hari yang cerah
hati yang tak gundah.

Lalu kukalungkan
rasa cinta yang tidak berbelah bagi
rasa kasih yang tidak dijual beli
pada karang dan laut
pada langit dan rumput
tanah pusaka takkan pernah luput.

Bumi ini warisan bangsa
tanah ini milik bersama
ranah ini indahnyanya biarlah abadi
negara kita sejahtera selamanya.

Kadang-kadang duri menghalang laluan
lalu kita berganding bahu
melebarkan persahabatan
meski tubuh sesekali terbentur besi
kekar kita menghidupkan setia
membina indah abadi bersama.

Lagu: Airmas SZ
Lirik: Al-Abror Mohd Yusuf

Tahukah anda?

Dalam pertandingan Pidato Piala Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pidato dijalankan dalam dua bahagian. Dalam bahagian pertama, pidato disampaikan berdasarkan tajuk yang telah diberikan terlebih dahulu. Dalam bahagian kedua, pidato disampaikan secara spontan. Pemandato perlu mengutarakan tiga isi dalam bahagian pertama dan dua isi dalam bahagian kedua. Pemandato akan dinilai dari segi isi, bahasa, penyampaian, dan persembahan.

1.6.1 Menjana idea dan menyampaikan pidato dengan betul, jelas, dan intonasi yang sesuai menggunakan ayat yang gramatis.

Format pidato adalah seperti yang berikut:

1. Pengenalan
Pembuka kata yang berupa kata alu-aluan kepada hadirin mengikut kedudukan masing-masing.
2. Takrifan tajuk
Penjelasan maksud kata atau frasa yang menjadi tajuk pidato.
3. Ucapan hormat
Dimasukkan sebelum menyampaikan takrifan tajuk, isi, atau penutup pidato.
4. Isi pidato
Mengandungi idea utama, huraian, dan contoh.
5. Penutup
Mengandungi penegasan, cadangan, dan harapan.

TEMA 5

Dirgahayu Negeraku

BORANG MARKAH PENYAMPAIAN PIDATO

Bil.	Aspek	Markah Penuh	Markah
1.	Isi	30	
2.	Kelancaran	20	
3.	Kesesuaian Nada	20	
4.	Gaya	10	
5.	Bahasa	20	
	Jumlah	100	



Cerna Minda

Bincangkan beberapa tajuk pidato yang berkaitan dengan jati diri. Kemudian, jalankan pertandingan pidato di kelas anda.





Kisah Teladan



1. Baca petikan cerita dengan telitinya dan jelaskan perwatakan yang ditunjukkan oleh watak yang berikut:
(i) Aswad (ii) Fazli (iii) Pak Belalang (iv) Juragan
2. Senaraikan kata hubung yang terdapat dalam bahan. Kemudian, bina ayat dengan menggunakan kata hubung tersebut.
3. Bandingkan dan bezakan dua daripada watak di atas dengan menggunakan kata hubung.



TEMA 5

Dirgahayu Negaraku

Dodol Kesedaran

Aswad keluar dari bank setelah mengeluarkan wang. Dia melihat seorang budak lelaki menjual dodol di restoran yang bersebelahan dengan bank. Budak lelaki itu begitu gigih menjual dodolnya. Dia pergi dari satu meja ke satu meja. Namun begitu, tiada seorang pun yang membeli dodolnya. Budak lelaki itu tidak mengeluh walaupun dodolnya tidak laku. Dia tetap tersenyum kepada pelanggan restoran itu.

Setelah semua meja pelanggan di restoran itu didekatinya, dia keluar dari restoran itu. Dia berjalan ke arah bank lalu terserempak dengan Aswad.

“Beli dodol, bang,” katanya kepada Aswad sambil tersenyum.

“Maaf, abang tidak makan dodol,” kata Aswad.

“Abang boleh membeli dodol ini untuk ibu atau bapa abang. Mereka mungkin gemar makan dodol ini,” kata budak itu. Dia masih tidak berputus asa.

“Abang tidak tinggal dengan ibu bapa tetapi tinggal dengan kawan-kawan,” Aswad memberikan alasan.

“Kalau begitu, beli dodol ini untuk kawan-kawan abang,” kata budak itu. Dia masih mahu mencuba nasib.

“Kawan-kawan abang juga tidak makan dodol. Baiklah, siapakah nama kamu?”

“Fazli,” jawabnya.

“Fazli, ambil wang sepuluh ringgit ini. Abang dermakan wang ini kepada kamu,” kata Aswad. Fazli menerima wang tersebut. Aswad meninggalkannya.

Tidak beberapa lama selepas itu, Aswad pergi ke masjid untuk menunaikan solat zuhur. Aswad terkejut kerana melihat Fazli juga ada di masjid. Aswad melihat Fazli memasukkan wang kertas sepuluh ringgit ke dalam tabung masjid. Dia menghampiri Fazli lalu menyapanya.

“Wah, tentu dodol Fazli telah laku!”

“Dodol saya masih belum laku.”

“Kalau begitu, mengapakah Fazli mendermakan wang yang abang berikan kepada Fazli sebentar tadi?”

“Saya tidak boleh bawa wang itu pulang. Wang itu bukan hasil jualan dodol. Emak saya tentu akan marah kerana menyangka saya menjadi peminta sedekah. Emak tidak suka saya meminta-minta. Emak hendak melatih saya agar berusaha untuk mendapatkan wang.”

Aswad begitu terharu apabila mendengar penjelasan Fazli. Dia tidak menyangka bahawa Fazli begitu baik akhlakannya. Dia telah membeli kesemua dodol yang dibawa oleh Fazli. Dodol-dodol itu disedekahkannya kepada jemaah masjid.



Pak Belalang

Hatta perjanjian dengan baginda itu pun sampailah dua hari sudah, maka sangatlah dukacita Pak Belalang akan perkara yang disanggupinya itu. Setelah sampai kepada malam ketiganya maka dengan takdir Allah subhanahu wa taala dibukakan hatinya fikiran yang baik.

“Baiklah aku pergi bersampan berkayuh dekat-dekat kapal mendengar perkhabaran itik itu.” Maka ia pun berkayuhlah dengan perahunya yang pipih supaya tidak kedengaran bunyi air.

Setelah Pak Belalang sampai kepada kapal yang tiga buah berlabuh itu seraya perlahan-lahan mendengarkan apa-apa percakapan orang di kapal itu, maka dengan takdir Allah subhanahu wa taala melakukan kudrat di atas hambanya. Pada ketika itu bercakaplah isteri juragan kapal itu dengan suaminya. Katanya, “Ayuhai encik juragan, berapa lama sudah sahaya bersama-sama belayar menjajakan anak itik ini minta kenalkan jantan betinanya belum juga sahaya tahu bagaimana hendak mengenalnya itu. Jikalau sungguh kasih kepada sahaya tolonglah khabarkan supaya sahaya tahu.”

Maka jawab juragan itu, “Ayuhai adinda, buah hati kakanda. Tiadalah dapat kakanda hendak mengkhabarkan hal itu. Takut didengar oleh orang, kerana esok hari hendak kakanda bawa menghadap raja negeri ini minta kenalkan jantan betinanya. Jikalau tiada lalu pula mengenalnya, negeri ini kita miliki; dan jika lalu pula raja itu mengenalnya, kapal yang tiga buah ini pulang kepadanya. Kita sekalian turun kain sehelai sepinggang sahaja. Tetapi oleh kasih kakanda, khabarkan janganlah dicakapkan kepada orang.”

Maka jawab isterinya, “Katakanlah supaya adinda dengar; di mana pula ada orang tengah malam hampir ke mari?” Lalu dikhabarkan oleh juragan kepada isterinya. Katanya, jikalau hendak mengenal jantan betina anak itik itu hendaklah dilabuh air di dalam terenang; mana-mana yang dahulu menyelam itulah betina dan yang kemudiannya jantan. Setelah didengar oleh isterinya, ia pun diam lalu tidurlah kedua laki isteri menantikan siang.

Syahadan maka Pak Belalang pun sekalian hal ehwal itu semuanya didengarnya. Sangatlah suka hatinya serasa mati kembali hidup, sambil berkayuh perlahan-lahan balik pulang ke rumahnya.

(Dipetik daripada cerpen *Pak Belalang* dlm. antologi *Anak Bumi Tercinta*, hlm. 28-30, 2003, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 2.3.1 Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.
5.1.3 Memahami dan menggunakan kata tugas dalam ayat mengikut konteks.



TEMA 5

Dirgahayu Negeraku



Info Bestari

Langkah-langkah mengulas teks:

1. Baca teks dengan telitinya.
2. Senaraikan maklumat yang terkandung dalam teks tersebut.
3. Berikan pandangan anda tentang maklumat tersebut.



Cerna Minda

Baca prosa moden atau prosa klasik yang lain. Kemudian, ulas pengajaran yang terkandung dalam bahan tersebut.





Memori Merdeka



Lengkapkan teks dengan kata hubung yang sesuai.

TEMA 5

Dirgahayu Negaraku



Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan terletak di Banda Hilir, Melaka. Lokasinya berhampiran dengan tempat bersejarah, iaitu A Famosa ... replika Istana Kesultanan Melaka.

Bangunan memorial ... dibina pada tahun 1911 ini pada asalnya dikenali sebagai Kelab Melaka. Bangunan ini dipilih ... terletak di hadapan Padang Banda Hilir, iaitu tempat Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

mengisytiharkan tarikh kemerdekaan negara sekembalinya dari London. Peristiwa pada 20 Februari 1956 itu menandakan ... negara kita semakin hampir untuk menikmati kemerdekaan.

Memorial ini ditubuhkan ... memperingati detik-detik perjuangan ke arah mencapai kemerdekaan. Memorial ini telah dibuka dengan rasminya oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Kemerdekaan. Pembukaannya dilakukan ... negara menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-28 pada 31 Ogos 1985.

Bangunan ini menempatkan bahan pameran merangkumi zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Bahan-bahan pameran di sini berkaitan dengan perjuangan ... mencapai kemerdekaan. Antaranya termasuklah dokumen, gambar, peta, perjanjian, teks ucapan, pita rakaman, ... minit-minit mesyuarat. Bahan-bahan pameran ini mampu membawa pengunjung mengimbau zaman penjajahan ... pengunjung tidak berada pada zaman tersebut. Secara tidak langsung, para pengunjung dapat menghayati pengorbanan para pejuang ... memerdekakan tanah air daripada penjajahan.

Pameran ini boleh membangkitkan perasaan cinta akan negara ... pengunjung benar-benar menghayatinya. Pengunjung akan sedar ... penjajah telah mengeksploitasi ekonomi negara ini dengan rakusnya. Pelawat yang hidup pada zaman tersebut mungkin akan menitiskan air mata ... berkunjung ke sini.

Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan menjadi bangunan warisan ... sentiasa menjadi tumpuan pelawat. Mereka datang ... ingin mengetahui perjuangan para pejuang dalam usaha membebaskan negara daripada penjajahan dengan lebih dekat. Bahan-bahan pameran di sini menjadi khazanah perjuangan bangsa untuk tatapan generasi kini dan akan datang.



Pengayaan

Pejuang Tanah Air



Aktiviti

Teliti bahan dan tulis karangan yang bertajuk “Cara-cara Mengenang Jasa Pejuang Tanah Air.”

Pada zaman penjajahan British, rakyat telah bangkit menentang penjajah. Yang berikut merupakan sebahagian daripada pejuang tanah air yang patut kita kenang.

TEMA 5

Dirgahayu Negaraku



Tok Janggut

Menentang:

- Campur tangan British yang meletakkan Encik Latif, orang luar dari Singapura, sebagai ketua jajahan.
- Sistem cukai.



Mat Salleh

Menentang:

- Syarikat Berpiagam Borneo Utara yang mengenakan cukai yang tinggi dan menggunakan tenaga buruh dengan upah yang rendah.



Dato' Bahaman

Menentang:

- Undang-undang British seperti sistem kehakiman, pungutan hasil tanah, sistem cukai, dan penubuhan pasukan polis kerana bertentangan dengan adat resam dan politik tempatan.



Dato' Maharaja Lela

Menentang:

- Sistem cukai.
- J.W.W Birch,

residen British yang tidak menghormati budaya tempatan.

- Tindakan British menguasai kawasan mereka.



Dol Said

Menentang:

- British yang meletakkan Naning sebagai sebahagian daripada wilayah taklukannya.
- Arahan agar Naning menghantar satu persepuluh hasilnya sebagai ufti kepada negeri Melaka.



Rentap

Menentang:

- James Brooke yang bertindak menghapuskan orang Iban di Sungai Krang yang dianggap sebagai lanun.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

TEMA 6

INTEGRITI TINGGI, SAHSIAH TERPUJI



- **Maklumat Palsu**
- **Pesanan buat Pemimpin**
- **Menjunjung Visi Negara**
- **Kami Benci akan Rasuah**
- **Sahabat atau Tugas?**
- **Amanah Memuliakan Dirimu**



Keputusan yang diambil tanpa integriti mendatangkan akibat yang buruk. Secara keseluruhannya, kita berkemungkinan besar akan melukai diri kita sendiri dan orang lain jika gagal melakukan perkara yang betul atau melakukannya dengan salah.

- Institut Integriti Negara



Mendengar dan Bertutur



Seni Bahasa

Fikir Dahulu Sebelum Buat



Aktiviti

1. Tonton dan teliti maklumat yang terdapat dalam bahan.
2. Bincangkan cara untuk mengelakkan penyebaran maklumat palsu.
3. Fahami petikan dan persembahkan karya tersebut dalam bentuk ilustrasi menggunakan pelbagai media secara kreatif.



TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Maklumat Palsu

Noviana menerima mesej daripada Farhana melalui media sosial. Mereka berkomunikasi seketika tentang isu maklumat palsu di media sosial.



Tahukah anda?

Penyebaran maklumat palsu merupakan kesalahan di bawah undang-undang Malaysia, termasuk Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Hukuman:

Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50 000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(Sumber: www.skmm.gov.my)

Seseorang patut menilai sesuatu maklumat yang diperolehi sebelum mempercayai dan menyebarkan maklumat tersebut. Kegagalan berbuat demikian sudah pasti mendatangkan kesan yang tidak diinginkan. Petikan di bawah ini memerihalkan perkara tersebut.

Pesanan buat Pemimpin

Setelah itu maka terdengarlah kepada Sultan Mahmud Syah, Bendahara sakit sangat. Maka baginda pun berangkatlah mendapatkan Bendahara Paduka Raja. Maka Bendahara pun menyembah pada baginda, maka sembah Bendahara Paduka Raja, "Ampun tuanku, pada perasaan patik yang dunia ini luputlah daripada genggam patik, melainkan negeri akhiratlah semata-mata patik hadapi; segala anak buah patik, petaruh patiklah ke bawah duli tuanku. Hendaklah tuanku jangan dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya; jikalau tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah, akibat tuanku menyesal kelak. Bahawa yang kehendak nafsu itu daripada was-was syaitan 'alaihi'l-la'anat. Banyak raja-raja yang besar-besar dibinasakan Allah kerajaannya, sebab menurutkan hawa nafsu syaitan."

Setelah itu, maka Bendahara Paduka Raja pun kembalilah ke rahmat Allah; maka oleh Sultan Mahmud Syah dikerjakan seperti istiadat Bendahara mati. Maka Tun Perpatih Putih, saudara Bendahara Paduka Raja, dijadikan Bendahara oleh Sultan Mahmud Syah, disebut orang Bendahara Putih.

(Dipetik daripada *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*, diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad, 2000, Dewan Bahasa dan Pustaka)

TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji



Kenal pasti maklumat palsu yang pernah anda terima dan bincangkan kesannya.

- 1.4.1 Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang didengar, **ditonton** atau dibaca dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.
- 4.4.1 Mempersembahkan karya prosa dalam bentuk ilustrasi menggunakan pelbagai media secara kreatif.



Membaca



Tatabahasa

INTEGRITI Maju Seiring Waktu



Aktiviti

1. Baca petikan dengan menggunakan teknik imbasan untuk mengenal pasti istilah tertentu.
2. Cari maksud istilah tertentu dan terangkan maksudnya.
3. Kenal pasti jenis kata kerja yang terdapat dalam petikan dan bina ayat menggunakan sekurang-kurangnya enam kata kerja tersebut mengikut konteks.

TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Menjunjung Visi Negara

Mantan Perdana Menteri Malaysia kelima, Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, ketika pentadbiran beliau, menetapkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki masyarakat yang bermoral tinggi dan beretika selari dengan cabaran keempat Wawasan 2020. Untuk mencapai objektif ini, beliau telah mengisytiharkan pengubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada 5 November 2003. PIN telah dilancarkan pada 23 April 2004 dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah ditubuhkan pada hari yang sama.

Visi INTEGRITI adalah untuk membangunkan bangsa Malaysia yang berintegriti, berdaya tahan dan mempunyai nilai-nilai murni sejagat. Sebagai sebuah organisasi yang mendukung integriti, INTEGRITI bertindak sebagai penggerak, penyelaras, dan pemantau kepada pelaksanaan PIN. PIN menggariskan bahawa penularan rasuah, ketidakcekapan, penyelewengan, salah guna kuasa, penipuan, dan perlakuan tidak beretika yang lain serta berkurangnya semangat kerja ialah manifestasi kemerosotan integriti individu, organisasi, masyarakat, dan negara.

INTEGRITI secara konsisten telah mengadakan pelbagai program meliputi lapan sektor, iaitu institusi keluarga, komuniti, masyarakat sivil, sosiobudaya, agama, ekonomi, politik, dan pentadbiran. Kesemua lapan sektor ini mewakili komposisi sektor politik, ekonomi, dan sosial negara ini.

Sepanjang lebih sedekad penubuhan INTEGRITI, pelbagai program telah dilaksanakan dengan jayanya di seluruh negara dan juga pada peringkat antarabangsa bagi memupuk nilai-nilai budaya berintegriti. Pada tahun 2017, institusi ini memperkenalkan program Jerayawara INTEGRITI. Jerayawara ini merentas semua negeri bagi membantu mereka melaksanakan program-program pemupukan integriti yang berimpak tinggi.

Institusi ini turut menerbitkan pelbagai bahan bacaan dan buku yang berkaitan dengan amalan budaya berintegriti, selain mengendalikan kajian-kajian bagi tujuan pemupukan dan pembudayaan integriti. Di samping itu, pelbagai instrumen dan modul turut dibangunkan bagi mencapai visi dan misi INTEGRITI. Antaranya termasuklah



ujian psikometrik, iaitu Profil Integriti Malaysia (MIP), manakala antara modul yang telah dibangunkan ialah Modul Integriti Prasekolah (MIPs) dan Modul Integriti Industri Pembinaan.

Institusi ini juga mengadakan pelbagai kerjasama pada peringkat antarabangsa termasuklah mengadakan forum dan seminar, antaranya Dialog Integriti ASEAN, bagi berkongsi ilmu, pengalaman, dan amalan-amalan integriti yang terbaik di negara masing-masing.

INTEGRITI memainkan pelbagai peranan yang signifikan bagi memartabatkan dan memperkasakan budaya berintegriti di negara ini. Hingga kini, INTEGRITI masih teguh berdiri untuk mencapai visi dan misi penubuhannya. Langkah ini seiring dengan wawasan negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berintegriti tinggi.

(Sumber: Institut Integriti Malaysia)



Jerayawara INTEGRITI



Bengkel dan dialog



Fiesta Integriti bersama mahasiswa



Pembangunan Modul Integriti Prasekolah (MIPs)



Cerna Minda

Cadangkan program-program untuk meningkatkan nilai integriti di sekolah.

TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

- 2.3.1 Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.
- 5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja dalam ayat mengikut konteks.



Tumbuk Rusuk!



1. Teliti bahan yang disediakan untuk mendapatkan maklumat.
2. Hasilkan perenggan pendahuluan dengan menggunakan bahasa yang menarik dan gramatis.

TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Kami Benci akan Rasuah

“Rasuah ialah penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun, dan lain-lain.”


Bagaimanakah rasuah berlaku?

Encik A menghadiahkan seutas jam tangan mahal yang bernilai RM2000.00 kepada Encik B untuk memudahkan kelulusan bagi satu projek pembinaan untuk syarikat Encik A. Encik A ialah kontraktor manakala Encik B ialah kakitangan syarikat yang mengeluarkan kelulusan kontrak tersebut.

Mengapakah anda mesti menjauhi rasuah?

- Tindakan ini bertentangan dengan anutan agama dan moral
- Menganiyai pihak tertentu
- Bakal dikenakan tindakan undang-undang
- Memburukkan nama baik keluarga
- Dipandang serong oleh anggota masyarakat
- Hilang kepercayaan orang lain
- Menjatuhkan imej negara di mata dunia

Kes Tangkapan Rasuah Tahun 2017



Persoalan

Mengapakah seseorang mengamalkan rasuah? Apakah kesan-kesan amalan rasuah?

Pandangan Islam

Sabda Nabi SAW: "Allah melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah." (Riwayat al-Tirmizi dan Ibn Majah)

Puisi

Rasuah tanpa iman yang teguh ketamakan menggila kaumuncul memusnahkan semuanya tanpa belas.

Situasi

Jenayah rasuah masih berlaku walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mengatasinya. Nampaknya, ketamakan manusia tidak pernah berubah walaupun zaman silih berganti.

TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Contoh perenggan pendahuluan jenis peribahasa:

Makan suap merupakan peribahasa Melayu yang berkait rapat dengan amalan rasuah. Peribahasa ini membawa maksud menerima rasuah. Kewujudan peribahasa ini menggambarkan bahawa amalan rasuah wujud dalam masyarakat dan menjadi amalan sesetengah pihak. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan menerima rasuah ini wujud apabila ada pihak yang memberikan rasuah. Sebenarnya, terdapat pelbagai kesan buruk amalan rasuah terhadap diri seseorang.

Contoh perenggan pendahuluan jenis gabungan:

Tahukah anda bahawa sudah banyak pentadbiran negara yang tumbang kerana gejala rasuah? Datuk Seri Zakaria bin Jaffar, bekas Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pernah berkata bahawa beliau mengharapkan sumbangan orang ramai walaupun setitik peluh bagi menjadikan negara kita bebas rasuah. Oleh sebab itu, setiap orang mesti memainkan peranan walau sekecil mana sekalipun bagi membanteras rasuah. Dalam hal ini, jelaslah bahawa rasuah mendatangkan banyak kesan buruk kepada negara kita.



Cerna Minda

Layari laman sesawang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan hasilkan ulasan berdasarkan maklumat yang diperolehi.



3.4.2 Menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan menggunakan bahasa yang menarik dan gramatis.



Ikrar Dilaungkan, Kasih Dijunjung



1. Berdasarkan bahan, berbincanglah untuk menyatakan pendirian anda tentang isu tersebut.
2. Gunakan teknik sebab dan akibat untuk menjelaskan pandangan anda berkenaan dengan isu tersebut.



TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Sahabat atau Tugas?

Ikrar Pemimpin Murid

Kami, pengawas sekolah ini, dengan ini berikrar akan sentiasa melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

Kami juga berjanji akan sentiasa memantapkan jati diri dan personaliti dari semasa ke semasa, menjaga sahsiah, tingkah laku, dan adab sopan sesuai dengan tanggungjawab yang diamanahkan, seterusnya menjadi contoh kepada semua murid sekolah ini.

Kami juga berjanji akan belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai kecemerlangan akademik dan kokurikulum, serta mengharumkan nama sekolah kami, seterusnya menjadi insan yang kamil, berguna kepada agama, bangsa, masyarakat, keluarga, dan negara.

Keputusan Sahabat

- Membantu kita menghadapi kesukaran.
- Tempat mencurahkan perasaan.
- Bertindak sebagai pendorong.
- Berkongsi ilmu dan pengalaman.
- Tidak dilanda kesunyian hidup.
- Teman sepermainan.

Keputusan Melaksanakan Tugas

- Mengekalkan kepercayaan semua pihak.
- Mendapat rezeki yang berkat.
- Tidak menyusahkan orang lain.
- Menjauhkan diri daripada perbuatan khianat.
- Disenangi oleh orang sekeliling.
- Tidak menyeleweng.

Satu daripada cabaran pengawas di sekolah ialah mereka berhadapan dengan situasi seperti Risha dan Rania. Mereka bersahabat baik sejak sekolah rendah lagi. Namun, atas dasar integriti ketika melaksanakan tugas, Risha terpaksa mengambil tindakan terhadap Rania. Pelbagai pendapat rakan sebaya telah disiarkan dalam ruangan komentar Buletin Seri Kejora berkenaan dengan isu ini.

Apakah



Ilanur,
Tingkatan 3 Akasia

Saya rasa pengawas itu terlalu serius dengan tugasnya hingga kawan baik pun hendak dijadikan mangsa. Namun, jika dia tidak mengambil tindakan tersebut, sudah tentulah orang akan mempertikaikan integritinya ketika melaksanakan tugas.

Kata

Sebagai pengawas, dia perlu mendahulukan tugasnya berbanding dengan kawannya. Kawan senang hendak dicari tetapi kepercayaan bukan senang hendak diperoleh. Kalau orang sudah hilang kepercayaan terhadap kita, susahlah. Jadi, integriti mesti nombor satu!



Vikisawaty,
Tingkatan 5 Sains Meranti

Mereka?



Haikal,
Tingkatan 4 Sastera Cengal

Dia perlu mendahulukan sahabatnya. Dia bukannya Perdana Menteri. Dia hanya pengawas biasa sahaja. Mengapakah dia hendak menyibuk tentang integriti? Kesudahannya, dia akan kehilangan sahabat baiknya. Kita perlu ingat bahawa kawan senang dicari tetapi sahabat yang baik sukar diganti.



Cerna Minda

Hasilkan pidato yang bertajuk “Tugas Lebih Penting daripada Sahabat.”



TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

1.6.1 Menjana idea dan menyampaikan pidato dengan betul, jelas, dan intonasi yang sesuai menggunakan ayat yang gramatis.



Sikap Terpuji



1. Teliti bahan yang disediakan.
2. Hasilkan perenggan isi yang lengkap berdasarkan contoh isi-isi penting dan ayat-ayat yang dipaparkan dalam bahan.

TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Amanah Memuliakan Dirimu

Amanah ialah nilai murni yang amat penting dan berkait rapat dengan integriti. Ukuran integriti yang ada pada seseorang dapat dilihat melalui sifat amanah yang ada pada dirinya.



Kesan positif sikap amanah

Orang ramai juga menghormati dan menyanjung tinggi kita.

Harimau mati belang, manusia mati meninggalkan nama.

Hubungan yang terbina antara kita dengan rakan berteraskan ketulusan dan keikhlasan hati.

Kita tidak akan menjadi seperti melukut di tepi gantang.

Kita disenangi oleh rakan-rakan sehingga perhubungan kita dengan rakan-rakan menjadi akrab.

Sikap amanah melayakkan kita memimpin anggota masyarakat.

TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Contoh Perenggan Isi

Sikap amanah menyebabkan **kita mendapat kepercayaan daripada orang ramai**. Hal ini dikatakan demikian kerana orang yang amanah sentiasa mengotakan perkara-perkara yang telah dijanjikan. Mereka tidak bercakap kosong atau memberikan harapan palsu kepada orang lain sewenang-wenangnya. Sebagai contohnya, seorang rakan yang amanah akan melaksanakan tugas yang dijanjikannya dengan sebaik yang mungkin dan tidak menimbulkan masalah kepada rakan-rakan di sekelilingnya. Hal ini menyebabkan dia diterima oleh rakan-rakannya dengan baik dan **tidak akan menjadi seperti melukut di tepi gantang**. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa sikap amanah dalam diri menyebabkan kita mendapat kepercayaan daripada orang ramai.

Cuba Lengkapkan Perenggan Isi

Sikap amanah akan menyebabkan kita dipandang mulia oleh segenap lapisan masyarakat. _____

Tegasnya, jika kita mengamalkan sikap amanah, segenap lapisan masyarakat akan memandang tinggi dan mulia kepada kita.



Cerna Minda

Hasilkan video pendek yang menggambarkan amalan sikap amanah dan tayangkan video tersebut.



3.4.3 Menulis perenggan isi dengan bahasa yang gramatis secara kritis dan kreatif.



Jom Kita Bermain!



Aktiviti

1. Teliti cara-cara untuk bermain permainan bahasa yang disediakan.
2. Laksanakan aktiviti permainan bahasa.

TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Jerayawara Ilmu

Stesen Asmah Haji Omar

- Sila senaraikan empat kata kerja.

Stesen Nik Safiah Haji Abdul Karim

- Sila berikan maksud perkataan.

Stesen Za'ba

- Sila bina ayat menggunakan kata kerja yang telah disenaraikan.

Stesen Abdullah Munsyi

- Sila hasilkan satu perenggan pendahuluan berdasarkan topik yang diberikan. Jenis pendahuluan ditetapkan oleh penjaga stesen.

Stesen Raja Ali Haji

- Sila hasilkan satu perenggan isi berdasarkan topik yang dikemukakan oleh penjaga stesen Abdullah Munsyi.

Cara Bermain:

1. Berkumpulan.
2. Setiap kumpulan mesti menyempurnakan tugas di setiap stesen.

Lokasi:

Di dalam kelas atau di luar kelas.

Keperluan Permainan:

1. Seorang pegawai bertugas di setiap stesen.
2. Pegawai di stesen kelima juga bertindak sebagai pencatat masa (jika permainan dilaksanakan menggunakan kaedah catatan masa).
3. Sediakan lima tugas bahasa yang sesuai dilaksanakan di setiap stesen.
4. Sediakan kamus.

Pemenang:

Ditentukan berdasarkan pihak yang terpanas menyiapkan tugas dengan betul.

Stesen
Nik Safiah Haji
Abdul Karim

Stesen
Za'ba

Stesen
Abdullah
Munsyi

Stesen
Raja Ali Haji

Stesen
Asmah Haji
Omar

TEMA 7

PERSAUDARAAN TANPA SEMPADAN

PRODUKSI SEKAPUR SIRIH

3 Nafas 1 NYAWA



“Keharmonian boleh dicapai apabila setiap rakyat memahami dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing serta menjauhkan diri daripada isu-isu sensitif.”

- Tan Sri Lee Lam Thye (Aktivis Masyarakat)

- Kita Bersaudara
- Rugikah Membantu?
- Surat daripada Sahabat
- Suatu Pertimbangan
- Bantuan Merentas Sempadan
- Jaguh Kemanusiaan Malaysia
- Adab-adab Melawat Pesakit
- Lawatan ke Wad Pediatrik
- Kerana Seekor Arnab
- Gurindam Hidup Berjiran
- Kota Mimpi



Hulurkan Tangan, Ringankan Beban!



1. Teliti dan analisis bahan untuk berbicara tentang isu semasa.
2. Jelaskan sumbangan yang boleh anda berikan kepada orang lain.



TEMA 7

Persaudaraan Tanpa Sempadan

Kita Bersaudara

Semangat persaudaraan rakyat Malaysia semakin kukuh. Hal ini dibuktikan dengan sikap saling membantu yang semakin popular kini.

Harian

Prihatin

Selasa, 6 Mac 2018
18 Jamadilakhir 1439H

www.prihatin.com.my

Edisi Tengah

Perbezaan kaum bukan lagi halangan untuk kita memberikan bantuan.


Kami Bersamamu!

Perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia semakin utuh hingga melangkaui batas kaum dan agama. Buktinya, sudah ada insan berhati suci yang sanggup membantu golongan yang kurang bernasib baik agar nasib golongan tersebut terbela.

Wira Masyarakat

Encik Kuan Chee Heng menjadi wira golongan yang kurang bernasib baik apabila beliau membantu golongan tersebut tanpa mengira kaum dan agama. Antara bantuan yang diusahakannya ialah perkhidmatan ambulans, mesin basuh, wang tunai, barangan keperluan, dan van jenazah.

Menurut beliau, sumbangan itu diperoleh daripada orang ramai yang prihatin tentang nasib golongan tersebut. Beliau memanfaatkan media sosial untuk menjadi penghubung antara golongan dermawan dengan golongan yang memerlukan bantuan.



Terima Kasih Budi Tulusmu!

"Saya terhutang budi kepada Nur Azwani yang banyak membantu saya. Setiap bulan, dia menghantar keperluan dapur kepada keluarga saya. Saya sangat menghargainya," kata Encik Sunny Sin, pesakit buah pinggang dan pesakit kencing manis yang mengulas sikap dermawan Cik Nur Azwani binti Redzuan.

"Ketika rumah saya dipukul ribut yang menyebabkan bumbung dan dinding rumah rosak, dia juga yang tampil dengan rakan-rakannya untuk membantu saya."



Rugikah Membantu?

Benarkah sikap suka membantu orang lain merugikan kita? Sebenarnya tidak. Banyak kebaikan yang kita peroleh apabila kita mengamalkan sikap suka membantu orang lain.



TEMA 7

Persaudaraan Tanpa Sempadan

Mutiara Kata tentang Amalan Membantu

Apabila senang rela menolong, apabila susah rela ditolong.

Peribahasa Cina
(Koleksi Peribahasa China Terindah, Goh Sang Seong, 2014. Universiti Sains Malaysia)

Padi tanpa kulit tidak akan subur atau bertambah.

Peribahasa Tamil
(Imej Rumput dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif, 2018. Universiti Malaysia Sarawak)

Lebih baik memberi daripada menerima.

(Peribahasa dan Ungkapan Inggeris-Melayu, Amir Muslim, 2009. Dewan Bahasa dan Pustaka)



Cerna Minda

1. Jalankan projek kerja amal untuk membantu rakan anda yang kurang bernasib baik.
2. Jelaskan proses sebelum, semasa, dan selepas projek kerja amal tersebut.

1.4.1 Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang didengar, ditonton atau **dibaca** dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.



Di Bawah Satu Bumbung



1. Baca bahan dengan menggunakan teknik KWLH untuk mendapatkan maklumat.
2. Berbincanglah untuk mendapatkan latar belakang dan faedah asrama yang menempatkan murid pelbagai kaum dari sudut perpaduan.
3. Kenal pasti kata ganda yang terdapat dalam bahan dan bina ayat berdasarkan kata ganda tersebut.



TEMA 7

Persaudaraan Tanpa Sempadan

Surat daripada Sahabat

Adrian menerima surat daripada rakannya, Qaiser, yang tinggal di asrama Victoria Institution yang menempatkan murid pelbagai kaum.

Asrama Victoria Institution,
Jalan Hang Tuah,
55200 Kuala Lumpur.
20 Mei 20□□.

Menemui sahabatku, Adrian, semoga saudara berada dalam keadaan sihat sejahtera. Bagi saya di sini sihat-sihat sahaja.

Saudara,

Saya mendapat tahu bahawa saudara berminat untuk memasuki asrama di sekolah ini. Dalam surat ini, saya akan menceritakan pengalaman saya tinggal di asrama ini.

Asrama Victoria Institution menempatkan murid lelaki pelbagai kaum. Di asrama ini, saya dapat bergaul dengan rakan-rakan daripada kaum lain. Antara rakan saya ialah Navein, Jason, dan Qabil. Hubungan kami erat bagaikan isi dengan kuku.

Di asrama ini, murid-murid menjayakan pelbagai aktiviti secara bersama-sama. Kami sering mengadakan aktiviti gotong-royong untuk menjayakan sesuatu majlis. Sikap bantu-membantu ini mampu memperkukuh perpaduan dalam kalangan murid di sini.

Sampai di sini sahaja corat-coret saya dalam warkah ini. Saya berharap agar saudara segera mengisi borang untuk memasuki asrama ini. Tidak sabar rasanya untuk menyambut kedatangan saudara ke asrama ini.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Qaiser



Suatu Pertimbangan

Adrian berminat untuk memasuki asrama Victoria Institution setelah membaca surat daripada sahabatnya, Qaiser. Dia mendapatkan maklumat tambahan daripada Internet.

Pengenalan

Asrama Victoria Institution menempatkan murid pelbagai kaum di dalam sebuah asrama. Murid-murid tinggal dan belajar bersama-sama untuk memahami budaya antara satu sama lain.

Matlamat

Rakyat negara ini dapat tinggal bersama-sama dan berasa serasi antara satu sama lain pada peringkat sekolah, sekali gus memupuk perpaduan nasional.

Kebitaraan

- * Akademik – Program Mentor Menti
 - Kelas Persediaan Berfokus
 - Pendekatan *Head Count*
- * Kokurikulum – Setiap murid mengikuti aktiviti kokurikulum yang dipilih dengan matlamat murid tersebut akan mencapai tahap kemahiran tinggi
- * Kemasyarakatan – Majlis Permuafakatan Luar
 - Program Kemasyarakatan Luar
- * Kepimpinan – Kerjaya
 - Psikososial dan Kesejahteraan Mental
 - Pembangunan Diri
 - Akademik
- * Budaya – Pemahaman tentang perbezaan budaya, agama, dan kepercayaan
 - Menu Makanan Pelbagai Kaum
 - Kelas Bahasa Komunikasi Mandarin dan Tamil
 - Sambutan Perayaan

Asrama Victoria Institution

Kriteria Kemasukan

- Warganegara Malaysia.
- Terbuka kepada semua kaum.
- Berasal daripada keluarga berpendapatan sederhana atau rendah.
- Murid tidak terikat dengan sebarang projek lain seperti projek sukan atau kelas aliran agama.

Borang Permohonan

Borang permohonan boleh didapati di sekolah menengah masing-masing atau dimuat turun melalui:
<http://www.moe.gov.my>
<http://www.moe.gov.my/v/bpsh/>



Cerna Minda

Hasilkan video pendek yang bertemakan semangat muhibah, kemudian muat naik video tersebut.



TEMA 7

Persaudaraan Tanpa Sempadan

2.2.2 Membaca dan menganalisis maklumat daripada pelbagai bentuk panduan dengan memberikan respons peribadi yang sesuai.

5.2.1 Memahami dan menggunakan pelbagai kata ganda dalam ayat mengikut konteks dengan betul.



Misi Kemanusiaan Sejagat



1. Teliti gambar dan kenal pasti isi berdasarkan bahan yang diberikan.
2. Berbincanglah untuk mengembangkan isi dengan menggunakan teknik 5W1H.
3. Tulislah isi-isi tersebut dalam perenggan yang lengkap.



TEMA 7

Persaudaraan Tanpa Sempadan

Bantuan Merentas Sempadan

Semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia tidak terbatas di dalam negara malahan turut melangkaui negara-negara lain. Atas semangat perpaduan dan persaudaraan, Malaysia senantiasa membantu negara-negara lain, terutamanya dari segi bantuan kemanusiaan sekiranya berlaku sebarang bencana.

Bentuk Bantuan




Gempa Bumi Nepal, 2015

- Menghantar Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART).
- Terdiri daripada 20 orang anggota SMART, dua orang doktor (Angkatan Tentera Malaysia), dan lima orang anggota (Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia).
- Misi mencari, menyelamatkan, dan merawat mangsa.

Peperangan di Syria, 2017

- Menghantar keperluan makanan seperti tepung, beras, dan minyak yang bernilai RM100 000.00.
- Terdiri daripada lima orang sukarelawan daripada *Muslim Volunteer Malaysia* dan *Malaysia Life Line For Syria*.



Hospital Medan di Cox's Bazar, Bangladesh, 2017

- Membina hospital medan untuk pelarian Rohingya.
- Memberikan rawatan dan pembedahan.
- Operasi dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertahanan.
- Dikendalikan oleh 58 orang kakitangan, termasuk 22 orang doktor.


Sekolah Agama di Kemboja, 2018

- Membina Sekolah Agama Darul Iman di Kemboja.
- Pembinaan sekolah ditaja oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.
- Kos pembinaan USD 30 000.00.
- Menyediakan kemudahan pendidikan yang lebih selesa kepada murid di Kemboja.



Jaguh Kemanusiaan Malaysia

Di negara kita terdapat pertubuhan yang bergerak pada peringkat antarabangsa untuk membantu negara-negara yang terlibat dengan konflik peperangan atau bencana alam.



- Ditubuhkan pada tahun 1995 di bawah Majlis Keselamatan Negara.
- Anggota pasukan terdiri daripada anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
- Tujuan penubuhan adalah untuk melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan mangsa dalam sesuatu kejadian bencana yang memerlukan bantuan kepakaran, kemahiran, peralatan serta kelengkapan dengan cekap dan efisien.
- Sumber dana daripada kerajaan.
- Kejayaan – menghantar pasukan ke negara yang dilanda bencana alam di Turki, India, Indonesia, Pakistan, Nepal, dan Jepun.
- Mendapat pengiktirafan sebagai pasukan *Heavy Urban Search and Rescue Team* pada 3 Jun 2016 daripada *International Search and Rescue Advisory Group* (INSARAG).



- Ditubuhkan pada tahun 2004.
- Tujuan penubuhan adalah untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan selain melibatkan diri dalam projek-projek kebajikan dan kemanusiaan khusus untuk rakyat Palestin dan Syria.
- Sumber dana ialah hasil kutipan daripada orang ramai, institusi kerajaan, dan syarikat-syarikat korporat.
- Kejayaan – membina sekolah, memberikan tajaan kepada anak-anak yatim dan keluarga miskin Palestin, menjayakan projek pertanian sara diri di Nablus dan menyalurkan sumbangan di kem-kem pelarian Lubnan, Syria, dan Turki.



- Ditubuhkan pada tahun 1999 oleh Tan Sri Dato Dr. Jemilah binti Mahmood.
- Tujuan penubuhan adalah untuk memberikan bantuan perubatan, pembangunan kesihatan yang lestari dan program pembangunan pengurangan risiko bencana.
- Sumber dana daripada pelbagai pihak seperti orang ramai, syarikat-syarikat korporat, institusi kerajaan dan agensi yang berkaitan.
- Kejayaan – menghantar bantuan kemanusiaan dan perubatan kepada lebih daripada 30 buah negara di seluruh dunia termasuk Kosovo, Indonesia, Sri Lanka, Afghanistan, Bangladesh, Nepal, Iraq, Syria, Palestin, Filipina, dan banyak lagi.



Huraikan program-program kemanusiaan terbaharu yang dilakukan oleh Malaysia di luar negara.

TEMA 7

Persaudaraan Tanpa Sempadan



Kami Memahami Deritamu!



1. Analisis bahan untuk mendapatkan maklumat.
2. Berundinglah untuk membuat pertimbangan tentang maklumat tersebut dan berikan rasional anda.



TEMA 7

Persaudaraan Tanpa Sempadan

Adab-adab Melawat Pesakit

Kita digalakkan menziarahi pesakit untuk memberikan semangat kepada mereka. Namun demikian, kita perlulah mengetahui adab-adab menziarahi pesakit.



Lawatan ke Wad Pediatrik

Bersempena dengan Minggu Penyayang Sekolah Menengah Kebangsaan Kejora, murid-murid Tingkatan Tiga Pintar telah merancang untuk melawat wad pediatrik di sebuah hospital. Mereka telah berunding tentang program tersebut.



TEMA 7

Persaudaraan Tanpa Sempadan

Menulis surat kebenaran

Merancang aktiviti

?

Rundingan Lawatan ke Wad Pediatrik

Menyenaraikan etika lawatan

?

?



Cerna Minda

Berundinglah tentang adab-adab berkunjung ke rumah rakan anda yang pelbagai kaum.



1.7.2 Berunding untuk membuat pertimbangan tentang sesuatu pilihan secara rasional menggunakan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.



Biduk Lalu Kiambang Bertaut



1. Baca bahan untuk mendapatkan maklumat.
2. Buat ulasan daripada bahan tersebut.
3. Persembahkan sajak dan gurindam dalam pelbagai media secara kreatif.

TEMA 7

Persaudaraan Tanpa Sempadan

Kerana Seekor Arnab

Encik Selva terkejut dengan perubahan Encik Adli, jirannya. Jika dahulu Encik Adli ramah menegurnya, tetapi kini Encik Adli memandangnya bagaikan helang hendak menerkam tikus.

Puan Latifah sendiri tidak bersetuju dengan sikap suaminya itu.

“Sampai bilakah abang hendak bermusuh dengan Encik Selva itu? Selama ini, dia banyak membantu kita.”

“Bolehkah orang seperti Selva itu kita jadikan kawan? Dia itu sudah menjadi pembunuh! Awak bukannya tidak tahu betapa sayangnya saya kepada Labun.”

“Saya tahu abang. Abang betul-betul pastikah bahawa Encik Selva itu yang melanggar Labun?”

“Saya nampak dengan mata kepala saya Encik Selva yang mengangkat Labun yang terbaring di atas jalan itu. Kalau bukan dia yang melanggarnya, siapa lagi?”

Sementara itu, Encik Selva terus berfikir tentang kesalahannya. Akhirnya, dia memberanikan diri untuk berjumpa dengan Encik Adli.

“Saya mahu Encik Adli berterus terang kalau saya ada membuat salah. Kita ini bagaikan adik-beradik. Saya tidak mahu kita bermasam muka seperti sekarang.”

Encik Adli serba salah. Dia tidak menduga bahawa Encik Selva akan datang berjumpa dengannya. Dia hanya terdiam.

“Sebenarnya, suami saya ini marah kerana arnab kesayangannya mati dilanggar. Sudah bertahun-tahun dia memelihara arnab itu.”

“Oh, macam itu! Tentu Encik Adli menganggap bahawa sayalah yang melanggar arnab itu. Sebenarnya, saya tidak melanggar arnab itu. Saya hanya menyelamatkannya selepas dilanggar kereta lain.”

Wajah Encik Adli berubah. Selama ini jelaslah bahawa dia sudah berprasangka kepada Encik Selva kerana seekor arnab.

Dia teringat akan sajak dan gurindam yang diajarkan oleh gurunya di sekolah dahulu.

Gurindam Hidup Berjiran

Jika kamu masam kepada jiran,
Di situlah mula bercelaru fikiran.

Jika prasangka bermaharajalela,
Di situlah permusuhan akan bermula.

Jika permusuhan tidak dipadam,
Di situlah nanti menyala dendam.

Jika permusuhan dibiarkan berlanjutan,
Di situlah mudahnya bisikan syaitan.

Jika tangan dihulur kepada lawan,
Di situlah musuh menjadi kawan.

Jika sombong sanggup direndah,
Di situlah bermula hidup yang indah.

Jika hubungan sentiasa dipererat,
Di situlah kehidupan menjadi berkat.

Azahar bin Bahari
Teluk Intan

Kota Mimpi

Sudah lama kami mimpi akan
sebuah kota.

Sebuah kota ditumbuhi
kehijauan manusia
sebuah kota dihuni
kesantunan budi
sebuah kota bergerak
di atas rel-Nya
sebuah kota merdeka
hati dan mata.

Sudah lama kami rindu akan
sebuah kota.

Sebuah kota kasih sayang
manusia, haiwan, dan tumbuhan
sebuah kota sihat segar
hati nurani dan fizikal
sebuah kota tegak berdiri
di atas akar tradisi.

Sudah lama kami ingin
memasuki sebuah kota
sebuah kota ditangani
manusia dan kemanusiaannya.

Nassury bin Ibrahim
IPGKBM, Kuala Lumpur

TEMA 7

Persaudaraan Tanpa Sempadan



Cerna Minda

Cipta gurindam yang
bertemakan perpaduan dan
persembahkan secara kreatif.



- 2.3.1 Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.
- 4.4.2 Mempersembahkan puisi dalam pelbagai media secara kreatif.



A. Teliti bahan di bawah dan jawab soalan yang disediakan.


Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP)

Konsep

RIMUP dilaksanakan sejak tahun 1986 untuk meningkatkan perpaduan dan persefahaman antara murid pelbagai kaum melalui aktiviti di sekolah.

Elemen Konsep

1. Akademik
2. Jati diri dan patriotisme
3. Kebudayaan dan kesenian
4. Khidmat masyarakat
5. Sukan dan permainan




Objektif

RIMUP dijalankan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Menggalakkan penyertaan dalam kalangan masyarakat setempat, para guru, dan murid serta warga sekolah dari peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah dalam kegiatan-kegiatan khas secara bersama-sama.
2. Mewujudkan sikap kerjasama, tolong-menolong, dan suasana muhibah secara terancang.
3. Melahirkan persefahaman dan toleransi antara murid pelbagai kaum di sekolah.
4. Berkongsi kemudahan, peralatan, tenaga, dan kepakaran untuk menjayakan kegiatan-kegiatan khas secara bersama-sama.

Carta pai di bawah menunjukkan penglibatan murid pelbagai kaum dalam permainan bola keranjang di Sekolah Menengah Kebangsaan Bitara Jaya sebelum dan selepas Program RIMUP:



1. Berdasarkan bahan, tulis ulasan.
2. Tulis karangan pidato yang bertajuk, "Kebaikan Program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP)."
3. Berbicaralah tentang RIMUP dengan rakan anda.

B. Baca teks di bawah dengan telitinya dan buat tugas yang berikutnya.

Penggunaan alat penggera pengesan asap boleh membantu kita untuk mengesan kebakaran dengan lebih cepat dan memberikan maklumat tentang tempat kebakaran. Alat ini dapat membantu kita bertindak agar kebakaran tidak merebak dengan lebih teruk. Dengan adanya alat ini, penggera akan berbunyi untuk menyedarkan penghuni bangunan tentang kebakaran.

Sekiranya alat penggera pengesan asap dipasang di rumah, pastikan pemasangan dibuat di tempat strategik dan berisiko untuk terbakar. Antaranya di dapur, di bilik tidur, di ruang tamu, dan di tempat yang mempunyai barangan elektronik. Alat ini tidak perlu diletakkan di tempat yang tiada risiko kebakaran seperti tempat laluan.

Pemilik rumah perlu disedarkan tentang kepentingan memasang alat pengesan asap. Selain itu, pemaju setiap projek perumahan baharu perlu diwajibkan memasang alat ini. Dengan itu, kes kematian akibat kebakaran diharapkan dapat dielakkan.

Kebakaran
Apakah yang perlu anda lakukan?

Teriak
Berteriak untuk memberitahu orang lain tentang kebakaran.

Bunyikan Penggera
Tekan butang untuk membunyikan penggera bahaya kebakaran.

Padamkan
Gunakan alat pemadam api yang terdekat untuk memadamkan api.

Dail nombor 999 untuk menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat

(Sumber: "Alat Pengesan Asap: Pasang di Tempat Strategik Elak Rentung Ketika Tidur" dlm. Portal berita *Astro Awani*. 19 November 2017)

1. Apakah tindakan anda jika kebakaran berlaku? Pilih jawapan yang betul.
I Menjerit untuk menyedarkan orang lain
II Memeriksa alat penggera pengesan asap
III Memadamkan api dengan alat pemadam api
IV Mencari punca kebakaran dengan segeranya
A I dan III C II dan III
B I dan IV D II dan IV
2. Jawab soalan yang berikut:
(a) Adakah alat penggera pengesan asap sesuai dipasang di kaki lima bangunan?
Berikan alasan anda.
(b) Mengapakah pemaju setiap projek perumahan baharu perlu diwajibkan memasang alat penggera pengesan asap?
3. Ringkaskan maklumat yang terkandung dalam bahan.

C. Pilih jawapan yang betul untuk melengkapkan ayat.

1. Penduduk taman itu bimbang kerana banyak anjing liar yang (bertaburan/bertempiaran /berkeliaran) di taman permainan.
2. Pengguna jalan raya hendaklah (mengakuri/mematuhi/mentaati) peraturan lalu lintas untuk mengelakkan berlakunya kemalangan.
3. Kami menghulurkan bantuan kerana simpati (pada/terhadap/tentang) nasib yang menimpa mangsa kebakaran itu.
4. Persembahan pakaian beragam bersempena dengan sambutan Bulan Patriotisme itu mendapat sambutan (daripada/dari/pada) murid-murid.
5. Rancanglah masa depan kita dengan telitinya (maka/apabila/agar) kita beroleh kejayaan yang membanggakan.
6. Salmi dan rakan-rakannya tetap meneruskan pendakian ke puncak Gunung Tahan (sehingga/walaupun/setelah) menghadapi pelbagai rintangan.
7. Perlawanan bola keranjang itu akan dibatalkan (andai kata/kerana/meskipun) keadaan cuaca tidak mengizinkan.
8. Sudah lama saya tidak pulang ke kampung, (entah-entah/lama-lama/kira-kira) dia sudah tidak tinggal di situ lagi.
9. Penduduk Kampung Muhibah bergotong-royong membina (bebalai/tetangga/lelangit) di rumah Tuan Haji Mustafa.
10. Encik Zamani (lalu-lalang/mundar-mandir/ulang-alik) di ruang tamu sambil berfikir tentang cara untuk menyelesaikan masalah syarikatnya.

D. Lengkapkan perenggan dengan perkataan yang sesuai.

Bahasa merupakan suatu lambang jati diri yang utama. Bahasa ...(1)... bangsa, agama, budaya, dan negara. Penggunaan sesuatu bahasa menjadi identiti ...(2)... sesuatu masyarakat. Bahasa Melayu tidak ...(3)... dalam hal ini.

Penggunaan bahasa Melayu jelas menggambarkan ketinggian martabatnya dalam kalangan masyarakat kita. Pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam Perkar 152 Perlembagaan Malaysia menunjukkan ...(4)... bahasa Melayu amat penting sebagai bahasa perhubungan, bahasa ilmu, bahasa perundangan, dan sebagainya.





Persoalannya, adakah kita telah menggunakan bahasa Melayu dengan betulnya? Bagaimanakah pula dengan penggunaan bahasa Melayu yang bercampur aduk dalam media ...(5)... dan media elektronik?

Atas alasan inilah, wujudnya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang bertanggungjawab ...(6)... mengembangkan dan memperkukuh penggunaan bahasa Melayu ...(7)... kalangan masyarakat. Usaha memperkasakan penggunaan bahasa Melayu yang dilaksanakan oleh DBP secara tidak langsung dapat ...(8)... jati diri dalam setiap anggota masyarakat.

Dalam arus kemodenan kini, penggunaan bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris, jelas membayangi bahasa kebangsaan kita. Walaupun begitu, jati diri yang kental tidak akan ...(9)... semangat rakyat Malaysia. Usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu ...(10)... menjadi bahasa global akan terus dipergiat.


TEMA 8

SUBUR BAHASA, MEKAR SASTERA




“Bahasa memang merupakan alat penting bagi kemajuan manusia. Bahasa ialah alat budaya sesuatu bangsa.”

- Datuk Dr. Hassan bin Ahmad (Tokoh Bahasa)



- Martabatkan Bahasa Melayu
- Surat dari Seoul
- Tulisan Jawi Tulisan Warisan
- Orang Surat Khabar
- Mula Mengenal Akhbar
- Sastera dalam Kehidupan
- Faedah Membaca Karya Sastera
- Bicara Beriram





Dirgahayu Bahasaku



1. Dengar bahan yang dibaca dan tonton rakaman video dengan telitinya. Kemudian, analisis maklumat yang terkandung dalam bahan tersebut.
2. Berikan respons yang kritis tentang isu tersebut.



TEMA 8

Subur Bahasa, Mekar Sastera

Martabatkan Bahasa Melayu

Wartawan TV Cakna telah menemu ramah orang ramai tentang usaha memartabatkan bahasa Melayu. Antara tokoh yang ditemu ramah termasuklah Profesor Dato' Dr. Teo Kok Seong, seorang ahli bahasa.

Beliau menyatakan bahawa kita perlu berbangga dengan bahasa kebangsaan kita. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa ialah lambang negara. Bahasa Melayu ialah perantara yang baik lagi sesuai untuk menyatukan kita sebagai satu bangsa, iaitu bangsa Malaysia.

Berkenaan dengan penggunaan bahasa rojak pula, beliau berpendapat bahawa perbuatan ini lazim berlaku apabila kita mengetahui lebih daripada satu bahasa. Namun demikian, kelaziman ini boleh dikurangkan atau dihapuskan. Hal ini tidak sukar untuk dilakukan kerana pepatah Melayu ada menyatakan bahawa alah bisa tegal biasa.

Beliau seterusnya menyeru agar penggunaan bahasa Melayu yang bermutu digunakan seluas-luasnya. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu perlu senantiasa wujud dalam bentuk bestari dari semua segi. Bahasa Melayu juga perlu digunakan dalam pelbagai bidang, iaitu pendidikan, perniagaan, dan bidang-bidang lain.

Profesor Dato' Dr. Teo Kok Seong turut menyambut baik kemudahan untuk mendapatkan maklumat dan panduan tentang bahasa Melayu. Bagi beliau, perkhidmatan seperti Khidmat Nasihat Bahasa yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) amat bermanfaat untuk pengguna bahasa. Kemudahan ini sepatutnya mendorong masyarakat Malaysia agar menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Khidmat Nasihat Bahasa boleh dilayari melalui <http://prpm.dbp.gov.my>.

Sehubungan dengan itu, usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak boleh sekali-kali digagalkan. Gunakanlah bahasa kebangsaan kita dengan cara yang baik dan betul.



Khidmat Nasihat DBP (KND) ialah Khidmat Nasihat berkaitan Bahasa, Sastra, Penerbitan, dan Korporat DBP.

- Menu Utama
- Khidmat Nasihat DBP
 - Panduan Pelanggan
 - Pertanyaan
 - Pantau Tegur Bahasa
 - Arkib Pantau Tegur
 - Cadangan Perkataan
 - Carian Kata
 - Arkib Soalan
 - Lembar Bahasa
 - Hubungi Kami
 - Log Masuk



Biarlah erti kemerdekaan itu kita hayati sepenuhnya.

Arkib Soalan

Kata Kunci:

Klasifikasi Soalan (KS)

Ejaan Tatabahasa Penyemakan dan penterjemahan
 Istilah Makna Lain-lain
 Semua

Terdapat 31758 rekod dijumpai.

Bil	Soalan	Jawapan
1	Kesatria atau kesateria	Kesateria ialah ejaan yang tepat yang membawa ma yang gagah berani.
2	Apakah yang dimaksudkan dengan kosa kata Bahasa Melayu?	Kosa kata ialah keseluruhan kata dalam sesuatu ba perbendaharaan kata.

TEMA 8
Subur Bahasa, Mekar Sastra



Saya selalu menjalankan program kebahasaan untuk menggalakkan murid-murid saya berbahasa dengan baiknya demi memartabatkan bahasa Melayu.

Intan Mazwin binti Mohd Khalil (Guru)



Bahasa kebangsaan mampu digunakan dalam apa-apa jua bidang.

Nurul Shahrina binti Mat Saad (Pelajar Universiti)



Pekerja asing juga banyak bekerja di sini. Mereka berusaha untuk mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu dengan baiknya.

Tamilselvam a/l Nagarajan (Pekerja Swasta)



Kita sewajarnya menggunakan bahasa Melayu yang sempurna dalam kehidupan sehari-hari.

Lum Yat Wai (Murid Sekolah)

Bahasa Jiwa Bangsa

Gunakanlah bahasa kebangsaan kita
Marilah amalkan ramai-ramai
Bahasalah menyatukan kita semua
Yakinlah bahasa jiwa bangsa

Marilah mari rakyat semua
Buktikan taat setia dengan satu bahasa
Maju bangsa dan maju negara
Megahkan bahasa kita
Bahasa jiwa bangsa.



Lagu/Lirik: Dol Ramli



Cerna Minda

Cari kesalahan bahasa di persekitaran anda. Gunakan Khidmat Nasihat Bahasa DBP dan muat naik dalam media sosial.

1.3.2 Mendengar dan menganalisis maklumat yang terdapat dalam pelbagai wacana serta memberikan respons yang betul, tepat dan bermakna.



Kenali dan Hargai Tulisan Jawi

TEMA 8

Subur Bahasa, Mekar Sastra



Baca bahan dengan telitinya menggunakan teknik SQ4R. Kemudian, ulas maklumat tersebut.



Surat dari Seoul

Khamis, 22 Mac 2018

Mataku tertumpu pada bingkai yang tergantung pada dinding. Karya seni khat Jawi di dalam bingkai itu sangat cantik pada pandanganku. Sedang aku asyik melihat karya itu, Tuk Aki tiba-tiba muncul. Aku terkejut apabila Tuk Aki memberitahu bahawa itu ialah karya Pak Cik Abror.

Ada suatu perkara lagi yang mengagumkan aku tentang Pak Cik Abror. Pada petang itu, datuk telah menunjukkan surat-surat yang ditulis oleh Pak Cik Abror dalam tulisan Jawi. Surat-surat itu dikirimkan oleh Pak Cik Abror kepada datuk dan nenek sewaktu dia melanjutkan pelajaran di luar negara. Pak Cik Abror menulis surat dalam tulisan Jawi walaupun datuk dan nenek boleh membaca tulisan Rumi. Surat yang ditulis oleh Pak Cik Abror kemas dan cantik.

Jumaat, 23 Mac 2018

Aku meminta kebenaran daripada datuk untuk membaca surat-surat tersebut. Sepanjang hari aku membacanya tanpa jemu. Pak Cik Abror telah menulis pengalamannya sewaktu belajar di Seoul, Korea Selatan, dengan bahasa yang indah sekali. Segala pengalaman suka dan duka ditulisnya dalam surat-surat tersebut. Maklumlah pada waktu itu masih belum ada media sosial. Oleh itu, surat menjadi perantara untuk menceritakan segala-galanya. Mujurlah aku boleh membaca tulisan Jawi.

Sabtu, 24 Mac 2018

Emak dan ayah tiba dari Muar untuk membawaku pulang ke rumah. Tempoh percutianku dengan datuk dan nenek di kampung telah tamat. Percutian aku pada kali ini amat bermakna kerana aku dapat mempelajari seni khat. Aku juga dapat membaca pengalaman Pak Cik Abror yang begitu bermakna sekali kepadaku. Aku bertekad untuk mendalami pengetahuan tentang tulisan Jawi.

Tulisan Jawi Tulisan Warisan

Oleh:
Amira Salma binti Amir Hazlin

Tulisan Jawi masuk ke alam Melayu melalui kedatangan Islam. Sebenarnya, tulisan ini merupakan tulisan Arab yang disesuaikan dengan bahasa Melayu. Dalam kalangan orang Arab, orang Melayu dikenali sebagai orang Jawi. Oleh hal yang demikian, sistem tulisan yang dipinjam ini dikenali sebagai tulisan Jawi.

Pada awalnya, tulisan Jawi digunakan untuk mempelajari agama Islam dan membaca al-Quran. Selepas itu, tulisan Jawi terus berkembang dan digunakan dalam pelbagai jenis penulisan. Tulisan ini telah digunakan untuk menulis kanun, warkah raja Melayu, dan teks hikayat. Di samping itu, surat khabar dan majalah juga pernah diterbitkan dengan menggunakan tulisan Jawi.

Pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan tulisan ini tidak lenyap. Sebagai contoh, tulisan Jawi telah diiktiraf sebagai warisan khazanah berharga negara. Di samping itu, Program Jawi, al-Quran, Arab, Fardhu Ain (j-QAF) telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara tujuan program ini adalah untuk memastikan murid beragama Islam menguasai tulisan Jawi.

Beberapa langkah lain perlu diambil untuk mempopularkan tulisan Jawi. Antaranya termasuklah penerbitan buku panduan cara mudah untuk mempelajari tulisan Jawi. Di samping itu, bengkel dan pameran tentang tulisan Jawi perlu diadakan untuk menarik minat golongan muda. Pihak berkuasa tempatan pula boleh menggunakan tulisan Jawi pada papan tanda jalan dan sebagainya.

Di sekolah, murid-murid boleh didedahkan dengan seni khat atau kaligrafi Jawi melalui mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Pihak sekolah boleh menganjurkan pertandingan seni khat Jawi untuk menarik minat mereka kepada bidang kesenian ini.

Seni khat Jawi juga boleh digunakan pada kulit buku, logo syarikat, dan barangan cenderamata.

Kesimpulannya, semua pihak, baik kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan, mahupun golongan korporat perlu memainkan peranan untuk mempopularkan tulisan Jawi. Sebagai warisan negara, tulisan Jawi wajar menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia.



Cerna Minda

Tulis satu slogan bahasa dengan menggunakan seni khat. Kemudian, adakan pertandingan dan pameran.



2.3.1 Membaca dan mengulas maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.



Karya Sastera Jendela Dunia



1. Analisis dan justifikasikan bahan untuk menghasilkan perenggan penutup.
2. Tulis perenggan penutup berdasarkan bahan.



TEMA 8

Subur Bahasa, Mekar Sastera

Sastera dalam Kehidupan



Sastera lebih hidup daripada kehidupan, gagasan lebih tahan daripada kenyataan.

- Profesor Emeritus Dr. Muhammad bin Haji Salleh
Sasterawan Negara

Ulat Buku
- Orang yang suka membaca



Faedah Membaca Karya Sastera

Kebelakangan ini, masyarakat semakin meminggirkan karya sastera. Remaja tidak mengendahkan karya sastera tetapi sebaliknya begitu asyik dengan pelbagai gajet. Karya sastera yang terdapat di pusat sumber sekolah dan kedai buku sepatutnya menjadi bahan bacaan remaja. Mereka sewajarnya menyedari bahawa banyak faedah yang diperolehi dengan membaca karya sastera.

Karya sastera boleh menimbulkan kesedaran kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang sering menerapkan unsur pengajaran dalam karya mereka. Dengan membaca karya-karya seperti ini, kita dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak.

Selain itu, remaja boleh memperluas kosa kata dan memperbaiki penggunaan bahasa dengan membaca karya sastera. Mereka akan menemukan pelbagai perkataan baharu dan ayat-ayat yang menarik daripada karya yang dibaca. Dengan cara ini, mereka dapat menghasilkan karangan yang lebih baik. Selain itu, mereka juga berupaya untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan apabila membaca karya sastera.

Pelbagai ilmu pengetahuan juga boleh ditemukan melalui karya sastera. Dengan memilih karya sastera yang bermutu, pelbagai maklumat dapat diperolehi. Sebagai contoh, pembaca mendapat maklumat tentang tempat-tempat baharu yang digambarkan dalam karya sastera. Oleh hal yang demikian, remaja tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung.

Membaca karya sastera merupakan suatu cara untuk mengisi masa senggang. Amalan ini lebih baik daripada menghabiskan masa terlalu lama dengan media sosial. Tambahan pula, remaja memerlukan tumpuan dan masa yang panjang untuk menghayati karya sastera. Oleh itu, remaja yang mendekati karya sastera terhindar daripada gejala negatif kerana masanya telah terisi dengan amalan membaca.

.....
.....
.....



Cerna Minda

Tulis sinopsis sebuah novel yang pernah anda baca dalam satu perenggan.

3.4.4 Menulis perenggan penutup penulisan yang lengkap serta menepati tema menggunakan ayat yang gramatis.



Berjuang dengan Pena



1. Bersoal jawablah tentang kerjaya dan sumbangan penulis berdasarkan bahan.
2. Persembahkan petikan memoir melalui lakonan secara kreatif.



TEMA 8

Subur Bahasa, Mekar Sastera

Orang Surat Khabar

Nama pena:

A. Samad Ismail

Kerjaya:

1940

- Pemberita dan penterjemah *Utusan Melayu*

1944

- Pengarang *Berita Malai*

1946

- Penolong Pengarang *Utusan Melayu*

1959

- Pengarang *Berita Harian*

1974

- Pengarang Urusan Kumpulan Akhbar *The New Straits Times*

Tempat lahir:

Geylang, Singapura

Anugerah:

1976

- Hadiah Pejuang Sastera

1987

- Ijazah Kehormat Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia

1987

- Tokoh Wartawan Negara

1992

- Darjah kebesaran yang membawa gelaran Tan Sri

1994

- Anugerah Ramon Magsaysay

Tan Sri Abdul Samad bin Ismail
(18 April 1924 – 4 September 2008)



Sumbangan:

- Menjadi salah seorang pengasas Angkatan Sasterawan (ASAS 50).
- Mengasaskan Hadiah Kajai, iaitu hadiah tertinggi dunia kewartawanan Malaysia.
- Melahirkan beberapa tokoh besar hasil bimbingannya.
- Memperjuangkan bahasa Melayu melalui karyanya.

Mula Mengenal

Akhbar

1 Pak Hamid keluar dari rumah pada jam lapan pagi untuk mengajar orang Inggeris di YMCA dan pulang ke rumah pada waktu tengah hari. Selepas makan, dia baring di kerusi panjang di anjung rumah. Selalunya akhbar *Malaya Tribune* terletak di meja besar berdekatan dengan kerusi panjangnya. Beliau seorang yang agak gagah. Setiap pagi, apabila turun dari rumah, dia berjalan di lorong menuju ke jalan besar untuk menaiki bas, pakaiannya seperti seorang kerani besar dengan seluar panjang flanel yang dibelinya di *Robinson* atau di *Whiteaways*, tali lehernya tegang dan bersepatu *Barret*.

2 Setelah pulang dari sekolah, saya akan berdiri di anjung rumah menunggu Pak Hamid pulang pada waktu tengah hari. Sekiranya saya melihat dia berjalan di lorong di hadapan rumah saya sambil mengepit naskhah *Malaya Tribune*, hati saya berasa lapang. Saya akan menunggu hingga kira-kira jam tiga petang kerana waktu itulah Pak Hamid tidur di kerusi panjangnya dan waktu itulah juga akhbar *Malaya Tribune* yang dibelinya tercampak di atas meja berhampiran dengan kerusinya. Ibu saya selalu berpesan agar saya tidak pergi ke rumah jiran pada waktu makan tengah hari. "Nanti orang kata kau mengendeng," kata ibu.

(Dipetik dan diubah suai daripada *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*. A. Samad Ismail, hlm. 32-33, 1993.

Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia)

3 Jadi, kira-kira jam tiga petang, saya akan turun dari rumah menjenguk Pak Hamid dari bawah tangga rumahnya untuk memastikan dia sedang tidur dan memastikan naskhah *Malaya Tribune* tersadai di atas mejanya. Kemudian, baru saya memberanikan diri masuk ke rumahnya atau saya ke dapur rumahnya terlebih dahulu, mencari anak lelakinya yang sebaya dengan saya untuk berbual seketika sebelum menjenguk ke tengah rumah untuk melihat sama ada Pak Hamid sedang tidur atau tidak. Agaknya Pak Hamid tahu saya selalu membaca akhbarnya ketika dia sedang tidur di kerusi panjang. Kadang-kadang, dia tidak tidur melainkan berehat sahaja di kerusi panjangnya. Apabila melihat saya menjenguk-jenguk di tangga, Pak Hamid akan memanggil saya.

4 "Mel... kau nak baca surat khabar? Itu surat khabar tu... di atas meja... bacalah," katanya. Walaupun berjiran dan hubungan kami seperti keluarga tetapi saya masih berasa segan terhadapnya. Pak Hamid lebih muda daripada ayah tetapi mereka telah lama berkenalan. Pak Hamid mengambil berat tentang masa depan saya. Beliau salah seorang yang mendorong saya supaya bekerja di Utusan Melayu.



Cerna Minda

Buat projek akhbar kelas anda. Muatkan berita tentang kegiatan kelas anda dalam surat khabar tersebut.

1.5.1 Bersoal jawab untuk mencambahkan idea secara kritis dan bertatasusila.

4.4.3 Mempersembahkan **karya prosa** dan puisi secara kreatif dalam pelbagai aktiviti berbahasa.

TEMA 8

Subur Bahasa, Mekar Sastera

Mengasah Bakat



Menulis



Tatabahasa



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, bina perenggan isi karangan dengan bahasa yang gramatis secara kritis dan kreatif.
2. Kenal pasti dan kategorikan kata terbitan yang terdapat dalam bahan.
3. Tulis ayat dalam perenggan dengan menggunakan kata terbitan tersebut.

TEMA 8

Subur Bahasa, Mekar Sastra

Bicara Berirama



Persatuan Bahasa Melayu SMK Bitara Jaya

**Anda berminat untuk menyertai pasukan bicara berirama?
Pencarian bakat kini bermula.**

Kami mencari murid yang mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- Berani dan yakin.
- Boleh menyanyi.
- Boleh berlakon.
- Bersuara lantang.

Adakah anda berminat?

Hadiri uji bakat seperti ketentuan yang berikut:

Tarikh: 23 Jun 2015

Masa: 2:00 petang

Tempat: Dewan Bitara Jaya

Atur cara uji bakat

- 2:00 petang: Pendaftaran
- 2:30 petang: Penerangan ringkas
- 2:45 petang: Sesi uji bakat
- 4:00 petang: Minum petang
- 4:30 petang: Keputusan uji bakat
- 4:45 petang: Taklimat untuk peserta terpilih
- 5:15 petang: Bersurai



Hubungi : Ariana binti Yusman [facebook.com/Ariana15](https://www.facebook.com/Ariana15) [twitter.com:ArianaYusman](https://twitter.com/ArianaYusman)

Kehadiran anda kami nantikan. Serlahkan kebolehan anda.

Pertandingan Bicara Berirama

1.0 Pengenalan

Bicara berirama ialah persembahan puisi atau prosa secara berkumpulan. Pasukan akan membentuk satu paduan suara mengikut tema untuk dipersembahkan. Kesepaduan dan keseragaman bersuara ini akan dikawal oleh seorang peserta yang bertindak sebagai konduktor.

Aktiviti ini melibatkan pelbagai jenis suara yang disatukan. Pelbagai intonasi suara seperti suara halus dan garau, lembut dan kasar, seruan dan laungan serta berbagai-bagai lagi akan ditonjolkan. Adakalanya suara secara solo juga digunakan. Gandingan suara antara lelaki dengan perempuan juga boleh dipelbagaikan.

2.0 Objektif

Melalui pertandingan ini, murid-murid dapat:

- 2.1 Menguasai penggunaan bahasa Melayu baku dan indah.
- 2.2 Mengamalkan semangat kerjasama dan berkumpulan.
- 2.3 Menyerlahkan bakat dan kreativiti.

3.0 Syarat-syarat pertandingan

3.1 Sasaran

Pertandingan ini terbuka untuk murid Tingkatan Peralihan, 1, 2, dan 3 sahaja. Penyertaan daripada pelbagai kaum amat digalakkan.

3.2 Masa

Persembahan hanya dihadkan selama 12 hingga 15 minit.

3.3 Kumpulan

Setiap kumpulan terdiri daripada 27 hingga 30 orang termasuk seorang konduktor.

3.4 Skrip

Skrip boleh disediakan dalam bentuk puisi atau prosa. Skrip mestilah karangan sendiri, iaitu tidak ditiru atau dijiplak daripada karangan orang lain. Semasa persembahan, peserta tidak dibenarkan membaca atau merujuk sebarang nota atau teks. Skrip yang disediakan mestilah tidak menyentuh isu sensitif. Skrip hendaklah dihantar kepada penganjur selewat-lewatnya dua minggu sebelum pertandingan.

3.5 Pakaian

Semua peserta mesti memakai pakaian seragam dan bersesuaian dengan tema pertandingan. Hanya konduktor dibenarkan memakai sarung tangan putih.

3.6 Alatan

Penggunaan mikrofon tidak digalakkan. Sekiranya digunakan, mikrofon hendaklah diletakkan dua meter daripada peserta.

3.7 Pembukaan dan Penutupan

Hanya rakaman muzik latar dibenarkan untuk segmen pembukaan dan penutupan persembahan. Sebarang bahan sokongan lain tidak dibenarkan sama sekali.

3.8 Pentas

Susunan peserta di pentas adalah bebas mengikut kreativiti pasukan masing-masing. Walau bagaimanapun, susunan tersebut mestilah tidak melebihi tiga baris.

TEMA 8

Subur Bahasa, Mekar Sastera



Cerna Minda

Secara berkumpulan, bina skrip bicara berirama yang bertemakan bahasa dan sastera. Kemudian, persembahkan.



3.4.3 Menulis perenggan isi dengan bahasa yang gramatis secara kritis dan kreatif.

5.3.1 Memahami dan menggunakan pelbagai kata terbitan dalam ayat mengikut konteks dengan betul.



Eksplorasi Bahasa

TEMA 8

Subur Bahasa, Mekar Sastera



1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan dan lantik ketua kumpulan. Tentukan warna kumpulan.
2. Mengikut warna kumpulan, sediakan kad yang tertulis lokasi dan soalan.
 - Kata terbitan (empat kad)
 - Perenggan isi (tiga kad)
 - Perenggan penutup (tiga kad)
3. Minta guru menyemak soalan-soalan yang telah disediakan.
4. Letakkan kad tersebut di sekitar kawasan sekolah.
5. Jalankan aktiviti eksplorasi bahasa mengikut kumpulan.



Contoh:

- Kumpulan merah mencari dan menjawab soalan yang disediakan oleh kumpulan biru.

Contoh kad soalan:

LOKASI - TEMPAT PERMULAAN

Tulis satu perenggan isi bagi karangan yang bertajuk "Cintailah Bahasa Kita".

Bahagian hadapan kad soalan

Lokasi seterusnya.

* * *

Pondok bacaan di Blok Mawar

Bahagian belakang kad soalan



TEMA 9

INDAH SENI, ENDAH BUDAYA

*Burung merpati kepak bersilang,
Turun ke bendang makan padi;
Simpan di peti takutkan hilang,
Baik disimpan di dalam hati.*

- Azah Aziz (Tokoh Budayawan Melayu)



- Permainan Tradisional Warisan Kita
- Sepak Manggis
- Pewaris Legasi
- Laman Santai Gamelan
- Seni dan Budaya Kita Kepentingannya Apa?
- Seni dan Budaya Kita Tanggungjawab Kita
- Siapakah Pewarisnya?
- Ikan dan Rakyat
- Ikan Masak Ampap



Lat Ta Li Lat Tham Plom



Aktiviti

1. Analisis frasa yang terdapat dalam bahan. Kemudian, janakan idea melalui aktiviti sumbang saran untuk menambah dan mengembangkan maklumat tersebut.
2. Berdasarkan maklumat, persembahkan pidato tentang permainan tradisional dengan menggunakan frasa yang terdapat dalam bahan.




TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya

Permainan Tradisional Warisan Kita

Negara kita, Malaysia, terdiri daripada pelbagai bangsa dan suku kaum. Oleh itu, Malaysia amat terkenal dengan kepelbagaian permainan tradisional yang menarik untuk diterokai.



Sepak Manggis

Sepak manggis ialah sejenis permainan tradisional yang unik lagi menarik. Permainan yang unik ini menggunakan bola sepak raga dan dimainkan oleh semua golongan tanpa mengira jantina dan usia. Yang penting, pemain mesti mempunyai kemahiran untuk menyepak bola sepak raga ke arah bekas yang digantung tinggi. Pemain yang berjaya menyepak bola sepak raga sehingga mengenai sasaran akan dikira sebagai pemenang. Pemenang akan mendapat wang atau barang-barang yang diletakkan di dalam bekas tersebut. Sepak manggis ini dimainkan dalam majlis keramaian seperti kenduri kahwin, tamu besar, atau ketika menyambut kedatangan orang kenamaan. Kini, sepak manggis kembali popular dan mampu menjanakan pendapatan bagi negeri Sabah setelah menjadi produk pelancongan budaya, khususnya bagi suku kaum Bajau di Kota Belud dan di kawasan sekitarnya.

(Sumber: Kementerian Pelancongan, Kebudayaan, dan Alam Sekitar Sabah)

TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya



Cerna Minda

1. Lakukan inovasi terhadap satu permainan tradisional.
2. Laksanakan permainan tersebut dan buat penilaian tentang pelaksanaannya.




Info Bestari

Dalam permainan tradisional, terdapat beberapa sistem undian untuk memulakan permainan tradisional selain Lat Ta Li Lat Tham Plom, antaranya Wan Tu Zum, lumba lari, lambung benda, lambung duit syiling, cabut bilah atau lidi, teka benda dalam genggam, berbisik, Ram Ram Rip atau Lang Lang Cak Prik, dan Cak Cilup.

- 1.6.1 Menjana idea dan menyampaikan pidato dengan betul, jelas, dan intonasi yang sesuai menggunakan ayat yang gramatis.
- 5.4.1 Memahami dan menggunakan pelbagai frasa dalam ayat mengikut konteks.



Warisan Gamelan



1. Berdasarkan bahan, laksanakan Teknik Inkuiri Penemuan untuk mencadangkan usaha-usaha yang sewajarnya dilakukan bagi mempopularkan seni gamelan.
2. Persembahkan sajak mengikut kreativiti kumpulan masing-masing dalam aktiviti berbahasa yang dipilih.



TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya

Pewaris Legasi

“Hadirin yang dihormati, bagi membuka tirai majlis, terimalah persembahan Tarian Timang Burung daripada Kumpulan Warisan.”

Serentak dengan pengumuman juruacara itu, hadirin bertepuk tangan. Tepukannya panjang dan bergemuruh, namun gemuruh di dalam dadaku lebih-lebih lagi. Muzik gamelan pun dimainkan. Seorang demi seorang penari muncul di pentas. Wajah mereka ditutupi kipas, namun setiap orang yang empunya diri dapat kukenali. Masakan tidak, dua kali seminggu, kami akan berjumpa dalam sesi latihan.

Mataku tidak lepas-lepas memerhatikan penari nombor dua dari kanan. Persembahan ini persembahan sulungnya. Senyumannya, lirikan matanya, jari-jemarinya yang lentik, gerakannya yang lemah gemalai, mengingatkan aku kepada nendaku. Dahulu, pentas nenda di Istana Kolam. Kini, pentasnya terbuka di hadapan rakyat jelata. Sejak kecil, aku menonton persembahan nendaku. Ketika berusia 20 tahun, nenda pula menonton persembahanku. Kini, tibalah giliran aku menyaksikan persembahan cucundaku. Perasaan sebak menerjah tiba-tiba. Air mata yang membenih cepat-cepat kuseka.

Masih aku ingat, setiap kali mempersembahkan Tarian Ayak-ayak, gerakan melemak sentiasa mencuri tumpuan. Melenturkan badan ke belakang, kemudian menggerakkannya ke kiri dan ke kanan dengan gerakan yang lembut, bukanlah tugas yang mudah. Namun, kepuasan mempersembahkannya tidak dapat kuungkapkan dengan kata-kata. Sepanjang 21 tahun penglibatan dalam seni tari gamelan, pelbagai negara dan kota ternama telah aku jelajahi termasuk Hong Kong, London, Paris, Amsterdam, Zurich, dan Milan. Siapa sangka, kecintaan aku kepada seni ini dibayar dengan tiket lawatan ke luar negara!

Lamunanku terpadam apabila muzik gamelan berhenti. Serentak dengan itu, hadirin sekali lagi memberikan tepukan yang gemuruh. Tiba-tiba, bahunku dicuit dari belakang. Aku menoleh. Fatimah tersenyum kepadaku. Matanya berkaca.

“Tahniah, Kok Roh! Cucumu salin tak tumpah macam nendanya juga, meneruskan legasi.” Aku bungkam seketika. Air mataku tumpah lagi.





TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya

Laman Santai Gamelan

Memasuki laman ini
segar jiwa ceria nurani
menumpang aura kejernihan hati
pencinta seni warisan bonda
dari istana diturunkan
disambut mesra rakyat jelata.

Memasuki laman ini
disapa alunan gamelan
keromong, kenong, saron, gong
gambang dan gendang memenuhi ruang
harmonis bersatu dalam irama perang besar
menjalar meresap seluruh urat saraf.

Memasuki laman ini
engkau dan aku tujuannya satu
dibuai lembut gemalai gerak tari
tiada jurang generasi atau bangsa rendah tinggi
berkongsi pentas dan laman
santai menghayati keindahan seni zaman-berzaman.

Di laman warisan ini
kita menjadi saksi
sebuah misi suci murni
lambang kehalusan dan keindahan pekerti.

Zanariah binti Abdol
Warisan Sari Tok Jembal



Cerna Minda

Terokai seni warisan
yang lain dan bentangkan
dapatan anda mengikut
kreativiti masing-masing.



2.4.1 Membaca dan memahami serta mengemukakan pendapat yang rasional tentang pelbagai bahan fiksi dan bukan fiksi.

4.4.3 Mempersembahkan karya prosa dan puisi secara kreatif dalam pelbagai aktiviti berbahasa.



Pemugaran Seni dan Budaya



1. Analisis maklumat dalam bahan.
2. Tulis sebuah karangan yang lengkap, gramatis, dan kreatif tentang seni dan budaya.



TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya

Seni dan Budaya Kita Kepentingannya Apa?



Penjana ekonomi



Perpaduan dan keharmonian keluarga, masyarakat, dan negara



Kecerdasan dan kecergasan



Seni dan Budaya Kita

Tanggungjawab Kita

- ✓ Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- ✓ Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
- ✓ Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
- ✓ Istana Budaya
- ✓ Sekolah Seni Malaysia, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
- ✓ Jabatan Muzium Malaysia
- ✓ Yayasan Warisan Johor

Peranan pihak kerajaan



Peranan pihak sekolah

- Kurikulum
- Kokurikulum

Media cetak
televisyen
radio
akhbar
majalah
Libur
Santai
Internet
media massa
Blog
Gaya Travel
Jalan-jalan
Cari Makan
Media elektronik
Facebook

Peranan pihak media



Cerna Minda

1. Kumpulkan maklumat daripada pendapat orang lain tentang isu pelestarian seni dan budaya tradisi.
2. Bentangkan maklumat tersebut mengikut kreativiti anda.

3.4.5 Menulis sesuatu penulisan dengan wacana yang lengkap serta menggunakan bahasa yang gramatis dan kreatif.

TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya



Adiguru Kraf



Aktiviti

1. Kenal pasti isu yang dikemukakan dalam bahan rangsangan.
2. Persembahkan pendapat anda tentang isu tersebut dalam situasi formal secara bertatasusila.



TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya

Siapakah Pewarisnya?

Adiguru Kraf ialah suatu skim yang diperkenalkan pada tahun 1987 oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang bertujuan untuk memelihara dan memulihara seni kemahiran bagi aneka kraf yang menjadi warisan bangsa. Melalui skim ini, sebanyak 51 orang Adiguru Kraf yang terdiri daripada individu yang memiliki kemahiran yang tinggi dalam satu-satu seni kraf telah dilantik.



Adiguru Kraf Tenun Sambitan

- Pandian binti Sulaiman
- Kampung Rampayan
- Laut, Kota Belud, Sabah.



- Dilantik pada tahun 2009.
- Menerima Anugerah Tokoh Seni pada tahun 2012 daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan Malaysia.
- Mempelajari seni tenunan sambitan daripada nenek dan ibu sejak kanak-kanak.
- Memenuhi keperluan suku kaum lain termasuk orang Bajau dan orang Dusun.
- Memiliki kemahiran lain yang sukar dicari ganti, iaitu menganyam tikar berhias, menyulam manik, dan langkit.
- Menyertai Skim Perantisan Kraf Warisan dan mengajarkan kemahiran menenun kepada remaja di bengkel yang terletak bersebelahan dengan rumah beliau.





Adiguru kraf tembikar tembeling

Noriah binti Mohd. Ali
Kampung Pasir Durian,
Kuala Tembeling,
Jerantut, Pahang.

- Dilantik pada tahun 2006.
- Mempelajari seni membuat tembikar tembeling sejak kanak-kanak.
- Menghasilkan tembikar tembeling sepenuhnya dengan tangan, iaitu tanpa bantuan mesin.
- Menggunakan tanah liat halus daripada jenis yang berkualiti yang ada di kampung.



- Menggunakan motif seperti bunga lawang, rekaan pecah empat, tampuk manggis, bunga samba, tapak kaki pelanduk, kaki itik, dan pucuk rebung pada badan dan penutup tembikar yang bernilai eksklusif.
- Membuat pelapik tembikar yang bergerigi dan mulut tembikar bermotifkan gigi jawa.

TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya

Adiguru kraf jebak puyuh

Che Mud bin Che Awang
Kampung Bunohan,
Tumpat, Kelantan.

- Dilantik pada tahun 1989.
- Mempelajari kraf jebak puyuh daripada datuk saudara sejak kanak-kanak.
- Menggunakan teknik tradisional yang rumit tetapi tidak memerlukan kos yang tinggi.



- Mereka bentuk jebak puyuh yang unik dan memperindah jebak puyuh dengan ukiran awan larat, bunga kunyit, dan bunga mawar.
- Menggunakan anyaman ribu-ribu di bahagian serungkup.
- Memperkukuh kerangkanya dengan anyaman tulang belut daripada batang ribu-ribu.
- Melatih anak-anak muda dan mempromosikan seni warisan bangsa ke luar negara termasuk ke Amerika Syarikat.



Cerna Minda

1. Analisis kraf tangan lain berdasarkan aspek kekuatan, kelemahan, dan keistimewaan.
2. Persembahkan dapatan tersebut.

1.4.2 Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang didengar, ditonton atau **dibaca** dalam situasi formal secara bertatasusila.



Cita Rasa Rakyat Malaysia



1. Baca bahan dengan menggunakan teknik ACID.
2. Kenal pasti panduan yang terdapat dalam bahan.
3. Jelaskan panduan yang dikenal pasti dengan berdasarkan pengalaman anda.



TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya

Ikan dan Rakyat

Ikan dan makanan laut yang lain ialah makanan yang menjadi sumber protein yang penting kepada manusia. Selain itu, ikan juga kaya dengan asid lemak Omega 3, khususnya ikan air masin. Oleh itu, pakar pemakanan mengesyorkan agar ikan dimakan sekurang-kurangnya dua hingga tiga kali seminggu. Tahukah anda bahawa pengambilan makanan berasaskan ikan dan hidupan laut yang lain telah menjadi budaya rakyat di negara kita? Hal ini dikatakan demikian kerana secara purata, rakyat Malaysia mengambil makanan laut sebanyak 58 kilogram seorang dalam tempoh setahun. Jumlah tersebut ialah dua kali ganda keperluan sumber makanan berasaskan hidupan marin per kapita sesebuah negara, iaitu sebanyak 20 kilogram.

Oleh hal yang demikian, adalah sangat penting untuk kita memastikan bahawa sumber produk dari laut atau yang diternak secara komersial benar-benar berkualiti, segar, dan selamat. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), pengeluaran penternakan ikan makan semakin meningkat namun dianggarkan sebanyak satu pertiga daripada ikan makan yang diternak telah mati akibat penyakit sebelum mencapai saiz pasaran. Sehubungan dengan itu, semasa memilih ikan, pastikan kesegarannya dengan cara melihat mata ikan tersebut, sisiknya, dinding perutnya, keadaan dagingnya apabila ditekan, warna kulitnya, warna insangnya, dan baunya. Jika kita membeli ikan untuk simpanan, segera simpan ikan tersebut di dalam peti sejuk beku agar tidak rosak.

(Sumber: Panduan Memilih Ikan Segar, 2012.
Dewan Bahasa dan Pustaka)

Ikan Masak Ampap

Bahan-bahannya:

- 5 ekor ikan kembung
- 3 ulas bawang merah
- 4 ulas bawang putih
- 3 biji lada hijau
- 15 biji cili padi
- 3 batang serai
- 1 sentimeter halia
- 2 sentimeter kunyit hidup
- 1 batang bunga kunyit
- 3 sudu minyak
- 10 biji belimbing buluh
- gula dan garam secukup rasa

Cara menyediakannya:

1. Potong lada hijau, cili padi, lima biji belimbing buluh, dan hiris bunga kunyit. Jika tiada bunga kunyit, daun kunyit juga boleh digunakan.
2. Tumbuk halia, bawang, kunyit, dan lima biji belimbing buluh. Semasa menumbuk, campurkan sedikit garam agar bahan-bahan tersebut cepat lumat. Setelah lumat, ambil ikan dan gaulkannya dengan bahan tumbuk lalu perap ikan selama 10 - 15 minit.
3. Ambil periuk dan susun serai, lada hijau, dan bunga kunyit yang dihiris di lantai periuk.
4. Kemudian, masukkan minyak masak. Minyak yang lebih baik ialah minyak kelapa yang dibuat sendiri.
5. Susun ikan kembung hingga habis di atas bahan tadi. Ikan kembung boleh digantikan dengan ikan tenggiri, ikan basung, ikan kayu, atau ikan lengkunis.
6. Taburkan bahan-bahan yang dipotong di atas ikan. Jika mahu lebih pedas atau masam, tambah cili padi dan asam belimbing. Jika tiada belimbing buluh, gunakan asam jawa.
7. Akhir sekali, masukkan sedikit air. Air tidak perlu banyak kerana ikan akan mengeluarkan air. Kemudian, tutup periuk supaya wap tidak keluar dan ikan cepat masak.
8. Masak dengan api perlahan selama 10 minit hingga 15 minit. Lebih lama dimasak, lebih sedap rasanya.



Cerna Minda

Jalankan aktiviti demonstrasi masakan berasaskan ikan untuk mengalami pembelajaran melalui pengalaman.





SIAP SIAGA



Berdasarkan bahan, tulis karangan tentang seni mempertahankan diri.

TEMA 9

Indah Seni, Endah Budaya



Silat



Silambam

Seni Mempertahankan Diri di Malaysia

Panduan Keselamatan untuk Mengelakkan Kecederaan

1. Lakukan senaman pemanasan dan penyejukan badan sebelum dan selepas latihan.
2. Dapatkan nasihat pakar tentang gerakan atau jurus yang betul.
3. Gunalah peralatan perlindungan diri yang ditetapkan seperti pelindung wajah, pelindung gigi, ataupun pad pelindung bagi mengurangkan risiko kecederaan.
4. Patuhi peraturan seni mempertahankan diri.
5. Gunakan deria penglihatan sepenuhnya untuk mengelak atau menampas serangan.
6. Sentiasa ingat bahawa seni ini adalah untuk mempertahankan diri bukannya untuk mencederakan pihak lawan.



Tae Kwan Do



Wusyu

TEMA 10

SAINS DAN TEKNOLOGI PEMACU KEMODENAN

“Tidak ada satu pun ciptaan saya yang terhasil tanpa sengaja. Ciptaan itu datang daripada usaha keras saya.”

- Thomas Alva Edison (Pencipta Lampu)

- **Manusia Lawan Robot**
- **Fantasi Anand**
- **Anak Tempatan Pencipta Mesin**
- **Teknologi dalam Perubahan**
- **Ledakan Inovasi Remaja**
- **Langkah-langkah Memulakan Projek Inovasi**
- **Jom Hasilkan Lilin**



Hebatnya Robot!



1. Teliti bahan yang dipaparkan untuk mengenal pasti kegunaan robot dalam kehidupan manusia.
2. Berbincanglah untuk menganalisis isu penggunaan robot dalam pelbagai aspek kehidupan manusia.



TEMA 10

Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

Manusia Lawan Robot

Cikgu Faizul mendapatkan maklum balas daripada Asman, salah seorang muridnya yang terlibat dalam Pertandingan Reka Cipta bersempena dengan Minggu Sains dan Teknologi di sekolah mereka.





Dalam industri berat seperti penghasilan kereta, penggunaan robot berlaku secara meluasnya sejak dahulu lagi. Tugas-tugas berat dan sukar dapat dilaksanakan secara konsisten melalui penggunaan robot. Selain itu, penggunaan robot juga dapat meningkatkan produktiviti.

Hasil kreativiti dan kecemerlangan anak tempatan, robot yang berfungsi memeriksa buah-buahan di ladang telah dicipta. Dengan adanya robot ini, kerja-kerja memeriksa keadaan buah di ladang menjadi lebih mudah. Kajian mendapati robot ini telah melaksanakan tugas dengan berkesannya.

Manusia juga menggunakan robot di rumah. Kerja-kerja di rumah yang dilakukan oleh manusia dapat dikurangkan dengan bantuan robot seperti pembersih vakum robotik. Peralatan ini amat berguna untuk membantu golongan suri rumah melaksanakan tugas-tugas membersihkan rumah dengan pantas.




Cerna Minda

Reka cipta robot yang memudahkan kehidupan pada masa depan. Bentangkan keistimewaan robot ciptaan anda.



1.4.2 Berbicara untuk menganalisis isu semasa yang didengar, ditonton atau **dibaca** dalam situasi formal secara bertatasusila.



Malaysia Boleh!



Aktiviti

1. Baca dan fahami bahan. Kemudian, kemukakan pendapat yang rasional tentang maklumat yang diperolehi daripada bahan.
2. Berdasarkan cerpen, nyatakan respons peribadi anda terhadap kekuatan dan kelemahan yang dapat anda kenal pasti.



TEMA 10

Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

Fantasi Anand

Anand sedang menunjukkan kasut bola baharunya yang mahal kepada Zarif dan Soon Keat.

“Mahal kasut ini, Zarif,” kata Anand. “Kasut ini berjenama luar negara, tahu,” jawab Anand, megah.

“Sekiranya awak membeli produk-produk buatan Malaysia pun bagus. Kilang-kilang di Malaysia mempunyai teknologi yang canggih juga untuk menghasilkan produk yang berkualiti,” kata Soon Keat.

“Saya bersetuju dengan awak, Soon Keat,” celah Zarif. Produk yang dihasilkan juga murah,” katanya lagi.

Anand sekadar mencebik bibirnya. Dia berpendapat bahawa teknologi di Malaysia belum setanding dengan teknologi negara luar.

“Cikgu Zawiah tidak dapat masuk ke kelas awak. Beliau terlibat dengan mesyuarat di pejabat pendidikan daerah. Salin latihan ini dan selesaikan,” terang Cikgu Fuad yang tiba bagi menggantikan Cikgu Zawiah.

Entah mengapa, seperti silap mata, tiba-tiba Anand tercampak ke dalam suatu lorong hitam. Kemudian, dia terasa tangannya ditarik dengan kuatnya ke hadapan sebuah pintu yang ganjil.

“Penceroboh!” kata suara makhluk yang menariknya tadi sambil menolaknya ke ruang lain.

“Saya bukan penceroboh!” nafi Anand, terpinga-pinga ketika dia ternampak makhluk yang ganjil mendekatinya.

“Lepaskan dia! Saya rasa dia tidak berbahaya,” kata makhluk itu kepada rakannya.

“Selamat datang ke planet Malaju. Nama saya Tudia dan kawan saya ini, Maidah,” makhluk itu memperkenalkan diri.

“Inilah salah sebuah kilang memproses barang untuk kegunaan rakyat negara ini,” kata Maidah.

“Kalian tidak mengimport barangan dari negara luar?” soal Anand, takut-takut dan kehairanan.

“Mengapakah kita perlu mengimport barangan dari negara luar sedangkan kilang yang dilengkapi teknologi yang canggih ini mampu menghasilkan produk buatan sendiri yang berkualiti?” tanya Tudia.

“Lagipun, jika kita tidak menyokong hasil teknologi negara sendiri, siapa lagi yang akan berbuat demikian?” soal Maidah pula.

“Anda bagaimana? Sanggupkah anda menyokong barangan hasil teknologi negara sendiri?” soal Maidah.

Insaf akan penerangan Tudia dan Maidah, Anand terus mengangkat tangan sambil mengatakan, “Saya sokong, saya sokong!”

“Sokong apa pula, Anand?” soal Soon Keat.

Anand tersedar daripada tidurnya. Beberapa orang rakan sekelas mentertawakannya.

“Siang-siang pun bermimpi,” balas Zarif pula sambil terus menyiapkan kerjanya.

Anand terpisat-pisat.



Anak Tempatan Pencipta Mesin



Zulkifli bin Haron membuktikan bahawa anak tempatan mampu mencipta peralatan yang berteknologi supaya dapat dibanggakan oleh rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau telah menghasilkan begitu banyak peralatan berteknologi tinggi yang amat bermanfaat kepada golongan pengguna. Sebagai contoh, beliau telah mencipta kenderaan seperti trem, motor hibrid, hidrofoil, dan lain-lain lagi. Sehubungan dengan itu, Perbadanan Putrajaya telah memberikan penghargaan kepada beliau dengan menggunakan trem beliau yang berteknologi tinggi.

Dalam bidang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) pula, sumbangan beliau amat bermakna kerana telah menghasilkan pelbagai mesin. Mesin ini dapat membantu pengusaha PKS untuk mengeluarkan produk mereka pada skala yang lebih besar, sekali gus merancakkan perniagaan mereka.



Cerna Minda

Baca cerpen yang berunsurkan fantasi. Kemudian, berikan apresiasi terhadap karya penulis tersebut.



2.4.1 Membaca dan memahami serta mengemukakan pendapat yang rasional tentang pelbagai bahan fiksi dan bukan fiksi.

4.1.1 Memahami dan mengapresiasi karya prosa dengan menyatakan respons peribadi terhadap kekuatan dan kelemahan sesuatu karya.



Sinar Baharu Hidupmu



1. Teliti bahan yang dipaparkan untuk mendapatkan maklumat.
2. Berdasarkan maklumat tersebut, hasilkan penulisan dengan wacana yang lengkap dan kreatif.



TEMA 10

Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

Teknologi dalam Perubatan

Penemuan sains dan perkembangan teknologi amat bermanfaat kepada manusia. Dalam bidang perubatan, perkara ini memberikan harapan baharu kepada para pesakit.



Rawatan Telinga

Alat bantu pendengaran dan alat implan koklea merupakan dua kaedah rawatan yang dapat membantu masalah kurang pendengaran para pesakit.




Rawatan Jantung

Mesin ekokardiografi membantu para doktor melakukan pemeriksaan jantung para pesakit. Mesin ini dapat mendiagnosis keadaan jantung pesakit dengan berkesannya.



Rawatan Skoliosis

Pendakap Skoliosis yang dipakai oleh pesakit merupakan salah satu cara untuk merawat masalah tulang belakang yang bengkok.





Rawatan Mata

Kaedah rawatan lasik terkini, iaitu *ReLex SMILE* yang menggunakan laser dapat membantu pesakit yang mempunyai masalah rabun dan silau. Pesakit dapat dirawat dengan pantas. Kaedah *ReLex SMILE* dapat membantu penglihatan pesakit tanpa cermin mata.



Rawatan Gigi

Rawatan ortodontik ialah rawatan pakar yang menggunakan aplians tetap yang dikenali sebagai pendakap gigi untuk membetulkan gigitan dan susun atur gigi supaya menjadi lebih rapi. Rawatan prostodontik seperti korona (*crown*) dan jambatan (*bridge*) serta implan pergigian pula membantu menggantikan gigi yang hilang atau rosak. Selain itu, terdapat satu lagi rawatan gigi, iaitu rawatan restoratif, yang merupakan rawatan tampalan gigi sewarna atau tampalan logam.

Mengapakah Kita Memerlukan Sains dan Teknologi dalam Bidang Perubatan?

01

- Dapat mendiagnosis penyakit dengan ketepatan yang tinggi.
- Mencegah lebih baik daripada mengubati.

02

- Untuk mendapatkan susunan gigi yang betul dan teratur bagi membantu fungsi pengunyahan.
- Mengembalikan senyuman dan keceriaan semula.

03

- Dapat membantu pesakit meningkatkan kualiti penglihatan tanpa cermin mata.

04

- Masalah pendengaran dapat diatasi walaupun pada usia tua.

05

- Dapat merawat tulang belakang.



Cerna Minda

Cari maklumat dan ramalkan teknologi rawatan kesihatan pada masa hadapan. Bentangkan.

3.4.5 Menulis sesuatu penulisan dengan wacana yang lengkap serta menggunakan bahasa yang gramatis dan kreatif.



Mendengar dan Bertutur

Pertandingan Inovasi



Aktiviti

1. Teliti bahan yang dipaparkan untuk mendapatkan maklumat tentang pertandingan inovasi.
2. Berundinglah secara santun untuk membuat pertimbangan tentang sesuatu pilihan dan berikan rasional pilihan anda.



TEMA 10

Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

Zarif terlihat poster pertandingan inovasi yang dipaparkan dalam surat khabar. Dia membawa keratan poster itu ke sekolah untuk berbincang dengan rakan-rakannya.



LEDAKAN INOVASI REMAJA

DEWAN SRI SIANTAN

28 Oktober 20□□ | 9:00 pagi hingga 5:00 petang

Anjuran: SMK SRI SIANTAN

Saya rasa elok jika kita memilih kategori teknologi maklumat dan komunikasi dalam pertandingan ini.

Saya pula berpendapat bahawa kategori teknologi hijau dan kitar semula lebih menarik.

**KATEGORI
PERTANDINGAN
INOVASI**

#TEKNOLOGI HIJAU DAN
KITAR SEMULA
#TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI
#PEMBELAJARAN DAN
PEMUDAHCARAAN (PdPc)

**JANGAN LEPASKAN
PELUANG INI!**

Langkah-langkah

Memulakan Projek Inovasi



TEMA 10

Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

Hadiah

	BERKUMPULAN	INDIVIDU
1	RM2000.00	RM1000.00
	RM1500.00	RM750.00
2		
	RM1300.00	RM500.00
3		

Syarat Penyertaan

- Bahan yang dipertandingkan mestilah asli.
- Hasil penyelidikan hendaklah dibentangkan dalam bentuk poster bersaiz A1.
- Poster ditulis dalam bahasa Melayu.
- Bahan-bahan pertandingan mestilah merupakan hasil atau idea asal penyelidik dan tidak pernah dipertandingkan dalam mana-mana pertandingan.

PENYERTAAN TERBUKA KEPADA SEMUA MURID SEKOLAH MENENGAH SELURUH NEGERI SELANGOR

BENTUK PENYERTAAN
- **BERKUMPULAN (TIGA ORANG)**
- **INDIVIDU**

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

15 April 20

Yuran Penyertaan
INDIVIDU RM50.00
BERKUMPULAN RM100.00

E-mel: Inovasi@hotmail.com | [Instagram.com/inovasi](https://www.instagram.com/inovasi) | [facebook.com/inovasi](https://www.facebook.com/inovasi)
Untuk maklumat lanjut, sila layari: <http://h-inovasi.weebly.com>

1.7.2 Berunding untuk membuat pertimbangan tentang sesuatu pilihan secara rasional menggunakan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.



Menulis



Tatabahasa

Kreatifkan Dirimu



Aktiviti

1. Baca petikan yang disediakan dengan telitinya.
2. Susun maklumat tentang cara-cara untuk membuat lilin dengan menggunakan minyak terpakai.
3. Hasilkan ringkasan daripada maklumat yang diperoleh.
4. Kenal pasti pelbagai frasa dan bina ayat mengikut konteks.

TEMA 10

Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

Jom Hasilkan Lilin

Anda biasa menggunakan lilin tetapi pernahkah anda terfikir untuk menghasilkan lilin sendiri? Cara untuk menghasilkan lilin amat mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana bahan-bahan yang perlu disediakan untuk menghasilkan lilin juga mudah didapati. Sebelum anda memulakan langkah untuk menghasilkan lilin, sila pastikan anda mengutamakan keselamatan diri terlebih dahulu.

Mula-mula, anda perlu menyediakan bahan-bahan. Kemudian, anda nyalakan api dapur dan letakkan periuk yang mengandungi air. Sebelum itu, anda perlulah menuang minyak masak terpakai sebanyak 100 mililiter ke dalam tin susu. Pada masa yang sama, anda perlu pastikan air yang dimasak dalam periuk sudah mendidih.

Kemudian, campurkan pembeku minyak sebanyak 10 gram sahaja ke dalam minyak masak terpakai yang dituang ke dalam tin susu. Selepas itu, anda perlu meletakkan tin susu yang berisi minyak masak terpakai dan pembeku minyak ke dalam periuk.

Anda perlu mengacau minyak masak yang bercampur pembeku minyak menggunakan lidi. Jangan lupa minyak aroma untuk mewangikan lilin anda. Semasa mengacau adunan di dalam tin susu, titikkan beberapa titik minyak aroma ke dalam adunan tersebut. Apabila adunan sebatu, matikan api dapur dan gunting tali untuk dibuat sumbu lilin.

Seterusnya, anda perlu mengikat dua batang lidi dengan menggunakan getah yang akan digunakan untuk



menyepit sumbu lilin. Tuangkan adunan minyak masak ke dalam bekas kaca yang anda pilih. Sebelum itu, pastikan anda telah meletakkan lidi yang menyepit sumbu lilin terlebih dahulu. Biarkan sumbu lilin tergantung di dalam bekas kaca.

Adunan minyak masak yang siap dituang ke dalam bekas kaca patut dibiarkan mengeras sekitar satu jam. Kemudian, buka penyepit sumbu lilin dan lilin minyak masak terpakai anda sudah siap sepenuhnya.

Tahukah anda?

Krayon yang selalu anda gunakan untuk mewarnakan lukisan boleh dijadikan bahan untuk menghasilkan lilin pelbagai warna yang menarik. Jika anda mahukan lilin berwarna merah, kikiskan krayon yang berwarna merah ke dalam adunan minyak yang ingin dijadikan lilin. Minyak tersebut secara perlahan-lahan akan bertukar warna mengikut warna krayon yang dikikis ke dalam adunan tadi.

Anda juga dapat menambahkan kreativiti dengan menggunakan kulit telur sebagai bekas lilin. Apabila lilin telah siap, anda boleh mengupas kulit telur tersebut dan bentuk lilin yang terhasil unik sekali. Cubalah!



Lilin yang dibuat sendiri menggunakan kulit telur sebagai bekas lilin.



Cerna Minda

Hasilkan lilin. Rakam proses penghasilan lilin dan tularkan dalam media sosial.

3.5.1 Menulis dan menyusun maklumat serta membuat ringkasan daripada pelbagai bahan prosa menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

5.4.1 Memahami dan menggunakan pelbagai frasa dalam ayat mengikut konteks.